



ARKIB NEGARA MALAYSIA

*Melayari Zaman,
Memasu ke Hadapan...*



LAPORAN
TAHUNAN
2012
ANNUAL REPORT



ARKIB NEGARA MALAYSIA
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2012

A N N U A L R E P O R T



Melayari Zaman, Memacu Ke Hadapan www.arkib.gov.my

Hak Cipta Arkib Negara Malaysia, 2013

Copyright of the National Archives of Malaysia, 2013

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Arkib Negara Malaysia terlebih dahulu.

Copyright reserved. No part of this publication is to be reproduced, stored for retrieval or transmitted in any form or by any means, whether electronic, photograph and recordings, etc without prior written permission from the National Archives of Malaysia.

Diterbitkan oleh

ARKIB NEGARA MALAYSIA

Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur

Published by

NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA

Jalan Duta, 50568 Kuala Lumpur

Rekabentuk dan dicetak oleh:

Designed and printed by:

PERCETAKAN ZAINONKASSIM SDN BHD

ISSN 0128-4363



Keterangan Kulit Hadapan / About the Cover

Ruang pameran di tingkat bawah Memorial Tunku Abdul Rahman Putra yang mempamerkan tema 'Tunku dan Kemerdekaan'. Antara tema-tema lain adalah Falsafah/Konsep Tunku serta Biografi Tunku. Turut dipamerkan Bangunan Pejabat Lama Tunku ketika beliau menjadi Perdana Menteri dan Bangunan Residensi yang didiami oleh Tunku dari tahun 1956 hingga 1970.

Exhibition space on the ground floor of Tunku Abdul Rahman Putra Memorial with exhibit theme, 'Tunku and Independence'. Other themes are Tunku's Philosophy/Concept as well as Tunku's Biography. Other than that, there are also Old Office space exhibition during his tenure as a Prime Minister and Residency Building which was occupied by Tunku from the year 1956 until 1970.

ISI Kandungan / Contents

4	-	Perutusan Menteri <i>Message from the Minister</i>
5	-	Perutusan Ketua Pengarah <i>Message from the Director General</i>
6	-	Visi, Misi dan Objektif <i>Vision, Mission and Objectives</i>
7	-	Ahli Lembaga Penasihat <i>Advisory Board Members</i>
8	-	Pengurusan Tertinggi Arkib Negara Malaysia <i>Top Management, National Archives of Malaysia</i>
9	-	Carta Organisasi Arkib Negara Malaysia <i>Organisation Chart, National Archives of Malaysia</i>
11	-	Profil Arkib Negara Malaysia <i>Profile of the National Archives of Malaysia</i>
19	-	Bahagian Khidmat Pengurusan <i>Management Services Division</i>
29	-	Bahagian Perancangan dan Penyelarasan <i>Planning and Coordination Division</i>
41	-	Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan <i>Government Records Management Division</i>
55	-	Bahagian Pengurusan Arkib <i>Archives Management Division</i>
69	-	Bahagian Pengembangan <i>Advocacy Division</i>
79	-	Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi <i>Research and Documentation Management Division</i>
89	-	Bahagian Arkib Negarawan <i>Statesmen Archives Division</i>
111	-	Cawangan-Cawangan Negeri <i>State Branches</i>
115	-	Pertubuhan Ikhtisas Antarabangsa <i>International Professional Organisations</i>
123	-	Laporan Kewangan <i>Financial Report</i>
127	-	Lampiran <i>Appendices</i>

PERUTUSAN MENTERI*Message From The Minister***Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia***Minister of Tourism and Culture Malaysia*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
1Malaysia.

Terlebih dahulu ingin saya memanjatkan kesyukuran ke
hadrat Allah S.W.T. atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita
menjalankan tugas-tugas dan memberikan perkhidmatan
yang terbaik sepanjang tahun 2012.

Seperti sedia maklum, bermula Mei 2013, Arkib Negara
Malaysia telah diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan
dan Kebudayaan Malaysia. Pertukaran kementerian
ini sebagai tanda aras untuk Arkib Negara memainkan
perannya sebagai penyumbang kepada visi kementerian
yang baharu ini. Bagaimanapun, saya mengucapkan terima
kasih kepada seluruh warga Arkib kerana telah memberikan
komitmen yang jitu dalam menjayakan setiap program yang
direncanakan pada tahun 2012.

Kejayaan-kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa kerjasama
daripada semua warga Arkib Negara. Rasa tanggungjawab
dan cintakan Jabatan perlu sentiasa disemai dalam diri
supaya setiap aktiviti yang dirancang dapat direalisasikan
sebaik mungkin. Saya juga menyeru supaya setiap warga
Arkib sentiasa memiliki inspirasi yang tinggi untuk terus
mengukir kejayaan.

Harapan saya agar Arkib Negara Malaysia terus cemerlang
dan dalam masa yang sama perlu memperbaiki setiap
kelemahan supaya kita tidak alpa dengan kejayaan-
kejayaan yang diperoleh. Saya juga mengharapkan Arkib
Negara Malaysia bersama-sama dengan kementerian untuk
menjenamakan industri pelancongan dan kebudayaan
melalui aktiviti, program dan promosi yang diadakan. Agenda
yang dirancang juga perlu menjurus kepada keperluan
masyarakat sebagaimana yang digariskan oleh Kerajaan.

DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
Minister of Tourism and Culture Malaysia

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
1Malaysia.*

*I wish, at the outset, to offer thanks to Allah S.W.T. for his
overflowing grace in enabling the successful discharge of
duties in the course of 2012.*

*Beginning May 2013, the National Archives has been placed
under the Ministry of Tourism and Culture. This enables the
Archives to play a positive role in line with the vision and
aspirations the new Ministry. Despite our projection for the
future, let me congratulate the National Archives for its
successful completion of each single project entrusted to its
care in the preceding year.*

*The successes of the past year would not have been possible
without the cooperation of each staff member. A sense of
responsibility and love for the workplace must always be
instilled deep within each individual, so that the activities of
the present and future years could be accomplished to the
best extent possible. I also call upon each one the Archives
staff to be sufficiently inspired to be able to scale the heights
of success for the future well-being of our beloved nation.*

*I hope that the National Archives will continue its services
with distinction. In order that the Archives does not rest on its
laurels, there must be constant self-appraisal and attempts
must be made to correct shortcomings. I also hope that the
National Archives will cooperate with the Ministry in forging
a distinctive and unique stamp of success for all promotional
activities and programmes linked to the tourism and culture
industry. The agenda beneath these endeavours must meet
the needs and expectations of the citizens and members of
the public, as visualized by the government.*



PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Message From The Director General

Arkib Negara Malaysia

The National Archives of Malaysia

Syukur Alhamdulillah kerana Arkib Negara Malaysia telah berjaya melaksanakan semua perancangan sepanjang tahun 2012. Kejayaan yang dicapai itu dipersembahkan dalam Laporan Tahunan ini sebagai rujukan untuk menilai sejauh mana kejayaan digapai seterusnya merangka dan merancang pelaksanaan pada masa akan datang.

Sepanjang tahun 2012, Arkib Negara Malaysia meneruskan program serta aktiviti seperti tahun-tahun sebelumnya dengan penambahan beberapa program bagi memantapkan peranan Arkib Negara sebagai pusat penyelidikan negara yang unggul. Antara program-program besar yang diadakan adalah Seminar Pemikiran Perdana Menteri dan Seminar Transformasi Pengurusan Rekod Sektor Awam: Ke Arah Penerapan Budaya Kerja Persekitaran Elektronik. Tahun 2012 juga adalah tahun pelaksanaan projek *My Creative Content* (MyCC) yang menyaksikan era baru pendigitalan bahan arkib melibatkan dokumen, audio visual, naiktaraf pusat data dan pembangunan sistem panducari dalam talian yang lebih dikenali sebagai *Online Finding Aids* (OFA).

Selain itu, Arkib Negara Malaysia turut menyambut Ulang Tahun Ke-55 penubuhannya. Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang satu minggu sambutan dengan penglibatan seluruh warga arkib dan juga masyarakat. Sepanjang 55 tahun penubuhannya, Arkib Negara telah melalui pelbagai proses modenisasi, pembaharuan pentadbiran dan sistem penyampaian. Peranan Arkib Negara terus bertambah dan berkembang kususnyanya dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Idea daripada seluruh warga arkib amat diperlukan sebagai pemangkin dalam melaksanakan perancangan yang telah dirangka.

Harapan saya semoga kecemerlangan ini diteruskan dan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada seluruh warga Arkib yang bertungkus lumus memastikan perancangan Jabatan mencapai ke tahap yang membanggakan. Semoga usaha murni Jabatan dalam memacu peranannya sebagai pusat arkib dan penyelidikan negara yang unggul terus diberkati dan dirahmati Allah S.W.T.

HAJAH DARESAH HAJI ISMAIL

Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia

Director General National Archives of Malaysia

Praise be to Allah as the National Archives of Malaysia has successfully implemented all plans through the year 2012. The successful achievements presented in this Annual Report are references for assessing how far they have been reached and subsequently to formulate and plan future implementation.

Throughout 2012, the National Archives of Malaysia implemented the programs and activities as in the previous years with the addition of several programs to enhance the role of the National Archives as the premier centre for national research. Among the major programs were Seminar on the Prime Minister's Thoughts and Seminar on the Transformation of Public Sector Records Management: Towards Adopting Work Culture in the Electronic Environment. The year 2012 was also the year for the project implementation of My Creative Content (MyCC) which has witnessed the new era of archive materials digitisation involving documents, audio visuals, upgrading of data centre and development of online search system better known as Online Finding Aids (OFA).

In addition, the National Archives of Malaysia celebrated the 55th anniversary of its formation. Various activities were held during the week long celebration with participation of all archive staff as well as the community. Throughout its 55 years existence, the National Archives has undergone various modernization process, renewed administration and delivery systems. The roles of the National Archives continue to increase and broadened especially in disseminating information to the community. Ideas from archive staff were needed as catalyst in the implementation of the formulated plans.

It is my hope that this excellence continues and my infinite gratitude to all the staff who worked tirelessly to ensure Archives Department's plans achieve the level that we can be proud. May the noble efforts of the Department in driving its role as the premier central archives and the nation's superior research centre continues to receive the blessings of Allah S.W.T.

Visi, Misi & Objektif

Vision, Mission & Objective

VISI

Menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul

VISION

Becoming the nation's premier Archives and Research Centre

MISI

Memastikan rekod negara yang bernilai kekal dipelihara, menyediakan perkhidmatan rujukan dan kemudahan penyelidikan yang terbaik serta memasyarakatkan bahan arkib dan sejarah.

MISSION

Ensuring valuable records of the nation are permanently preserved, providing reference services and excellent research facilities as well as communalising of archival and historical materials.

OBJEKTIF

- Meningkatkan kecekapan pengurusan rekod kerajaan melalui khidmat nasihat dan penguatkuasaan Akta Arkib Negara 2003.
- Meningkatkan kesedaran penjawat awam untuk memelihara rekod kerajaan yang bernilai sebagai memori institusi.
- Memperolehi koleksi bahan arkib dari sumber tidak rasmi melalui hadiah, sumbangan, derma, pembelian dan sebagainya.
- Memelihara bahan arkib sebagai warisan negara mengikut piawaian yang telah ditetapkan.
- Menggalakkan penggunaan bahan arkib sebagai sumber rujukan dan penyelidikan melalui kemudahan capaian.
- Mempertingkatkan kesedaran dan penghayatan sejarah negara melalui penggunaan bahan arkib.
- Memperluaskan penyebaran dan penggunaan bahan arkib melalui penggunaan teknologi terkini, pameran, penerbitan dan sebagainya.
- Meningkatkan jumlah pelawat ke Arkib Negara dan Memorial melalui program dan aktiviti yang terancang.

OBJECTIVES

- *To improve competent management of government records through advisory services and the enforcement of the National Archives Act 2003.*
- *To heighten awareness among civil servants on the need to preserve valuable government records as an institutional memory.*
- *To acquire a collection of archival materials from unofficial sources through gifts, contributions, donations, purchases and other means.*
- *To preserve archival materials as the nation's heritage in accordance with prescribed standards.*
- *To encourage the use of archival materials as reference and research resources through easy accessibility.*
- *To heighten awareness and appreciation of the nation's history through the use of archival materials.*
- *To expand the dissemination and use of archival materials through the use of latest technology, exhibitions, publications and other means.*
- *To increase the number of visitors to the National Archives and Memorials through planned programmes and activities.*

AHLI LEMBAGA PENASIHAT

Members Of The Advisory Board



Pengerusi / *Chairman*

YB Puan Hajah Nancy binti Shukri

Ahli-Ahli / *Members*

YBhg. Tan Sri
Abdul Kadir bin Mohamad



YBhg. Prof Datuk
Dr. Zainal bin Kling



YBhg. Dato'
Sri Kamaruddin bin Siaraf



YBhg. Prof Dr Abdullah Zakaria
bin Ghazali



YBhg. Tan Sri
Abd. Ghafar bin Mahmud



YBhg. Puan Hajah Daresah
binti Haji Ismail



YBhg. Tan Sri Dato'
Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom



YBrs. Puan Nor'aini binti Abd Razak



PENGURUSAN TERTINGGI ARKIB NEGARA MALAYSIA


Top Management National Archives Of Malaysia



HAJAH DARESAH HAJI ISMAIL
Ketua Pengarah / Director General
Mulai / Since
1.2.2012



AZEMI ABDUL AZIZ
Timbalan Ketua Pengarah / Deputy Director General
Perancangan dan Pengurusan / Planning and Management



IHSAN HAJI HASSAN
Timbalan Ketua Pengarah / Deputy Director General
Penyelidikan dan Pengembangan / Research and Advocacy
(Kosong)



KAMARIAH ISMAIL
Mulai / Since 18.6.2012
Pengarah Bahagian
Perancangan dan
Penyelarasan
Director Planning and
Coordination Division



AZIMAH MOHD ALI
Pengarah Bahagian
Pengurusan Rekod
Kerajaan
Director Government
Records Management
Division



FARIDAH ISHAK
Pengarah Bahagian
Pengurusan Arkib
Director Archives
Management Division



**NORMAH SHEIKH
ABDULLAH**
Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan
Director Management
Services Division



IHSAN HAJI HASSAN
Pengarah Bahagian
Arkib Negerawan
Director Statesmen
Archives Division




**SAVUMTHARARAJ A/L
GOPAL**
Pengarah Bahagian
Pengembangan
Director Advocacy
Division



**HAJAH YATIMAH
RIMUN**
Pengarah Bahagian
Pengurusan Penyelidikan
dan Dokumentasi
Director Research
& Documentation
Management Division

CARTA ORGANISASI ARKIB NEGARA MALAYSIA

Organisational Chart National Archives Of Malaysia





WARGA ARKIB NEGARA MALAYSIA
NATIONAL ARCHIVES OF MALAYSIA STAFF
2012

Profil Arkib Negara Malaysia

Profile of the National Archives of Malaysia



PROFIL Arkib Negara Malaysia

Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
1 Disember 1957 <i>1 December 1957</i>	Public Records Office ditubuhkan. Tuan Haji Mubin Sheppard dilantik sebagai <i>Keeper of Public Records</i> . <i>The Public Records Office was established. Tuan Haji Mubin Sheppard was appointed as the Keeper of Public Records.</i>
1 Februari 1961 <i>1 February 1961</i>	Mula menduduki Bangunan Persekutuan di Petaling Jaya. <i>Start to occupy Federal Building in Petaling Jaya.</i>
November 1962 <i>November 1962</i>	Dr. F.R.J. Verhoeven, pakar arkib dari UNESCO menggantikan Tuan Haji Mubin Sheppard. <i>Dr. F.R.J. Verhoeven, archival expert from UNESCO replacing Tuan Haji Mubin Sheppard.</i>
1963	Public Records Office ditukar nama kepada Jabatan Arkib Negara Malaysia. <i>Public Records Office was renamed Department of National Archives of Malaysia.</i>
15 Februari 1966 <i>15 February 1966</i>	Encik Alwi Jantan dilantik sebagai Pengarah Arkib Negara Malaysia menggantikan Dr. F.R.J. Verhoeven. <i>Mr. Alwi Jantan was appointed as the Director of National Archives of Malaysia replacing Dr. F.R.J. Verhoeven.</i>
31 Ogos 1966 <i>31 August 1966</i>	Akta Arkib Negara No. 44/1966 dikuatkuasakan. <i>The National Archives Act No. 44/1966 was enforced.</i>
31 Ogos 1966 <i>31 August 1966</i>	Satu bahagian baru iaitu Perkhidmatan Perpustakaan Negara ditubuhkan. <i>A new division known as National Library Services was established.</i>
5 Disember 1966 <i>5 December 1966</i>	Bangunan Pusat Urusan Rekod dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tun Abdul Razak. <i>The Records Centre Management Building was officially opened by the Deputy Prime Minister, YAB Tun Abdul Razak.</i>
20 Julai 1967 <i>20 July 1967</i>	Lembaga Penasihat Arkib Negara yang dianggotai oleh 5 orang ahli dibentuk. <i>National Archives Advisory Board consisting of 5 members was formed.</i>
11 Julai 1968 <i>11 July 1968</i>	Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Rantau Asia Tenggara (SARBICA) ditubuhkan. Pengarah Arkib Negara Malaysia dilantik sebagai Pengerusi. Sekretariat dan Setiausaha adalah Arkib Negara. <i>Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA) was established. Director of National Archives of Malaysia was appointed as Chairman. National Archives was the Secretariat and Secretary.</i>
15 Julai 1968 <i>15 July 1968</i>	Mesyuarat pertama Lembaga Penasihat diadakan. <i>First meeting of the Advisory Board was held.</i>
1969 <i>1969</i>	Senarai Penerimaan Arkib Negara Malaysia (1957-1967) yang lengkap diterbitkan buat kali pertama dalam masa 10 tahun. <i>A complete National Archives of Malaysia Accession List (1957-1967) was published for the first time in 10 years.</i>
1971 <i>1971</i>	Jawatan Pengarah ditukar kepada Ketua Pengarah dan nama jabatan ditukar kepada Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara. <i>The post of Director was changed to Director General and the department's name changed to the Department of National Archives and National Library.</i>
Mei 1972 <i>Mei 1972</i>	Pejabat cawangan pertama iaitu Pejabat Wilayah Selatan ditubuhkan di Johor Bahru. <i>The first branch office i.e. the Southern Regional Branch Office was established in Johor Bahru.</i>
19 Februari 1973 <i>19 February 1973</i>	Encik Saad Marzuki dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Mr. Saad Marzuki was appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
1 Julai 1976 <i>1 July 1976</i>	Pejabat Cawangan Sarawak ditubuhkan. <i>Sarawak Branch Office was established.</i>
1977 <i>1977</i>	Puan Zakiah Hanum dilantik memangku jawatan Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>Ms. Zakiah Hanum appointed as Acting Director General of the National Archives of Malaysia.</i>

PROFIL

Arkib Negara Malaysia

Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
Jun 1977 <i>Jun 1977</i>	Jabatan Perpustakaan Negara diasingkan dan nama Jabatan ditukar semula sebagai Arkib Negara Malaysia. <i>Department of National Library was separated and the department's name changed to National Archives of Malaysia.</i>
12 November 1977 <i>12 November 1977</i>	Perletakan batu asas Bangunan Arkib Negara Malaysia di Jalan Duta. <i>Laying of the foundation stone for the National Archives of Malaysia Building in Jalan Duta.</i>
15 April 1978 <i>15 April 1978</i>	Pejabat Cawangan Timur ditubuhkan di Terengganu dan bertanggungjawab ke atas rekod-rekod di negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu. <i>The Eastern Branch Office was established in Terengganu and responsible for records in the states of Pahang, Kelantan and Terengganu.</i>
1979 <i>1979</i>	Logo rasmi Arkib Negara Malaysia dipilih dalam satu pertandingan mencipta logo Arkib Negara. Logo ini direka oleh En. Sumali Amat. <i>The official logo of the National Archives of Malaysia has been chosen in a competition to create the logo of the National Archives. This logo was designed by Mr. Sumali Amat.</i> Pelancaran Projek Panduan Bahan-bahan Sejarah Asia iaitu projek pengumpulan maklumat yang komprehensif mengenai bahan-bahan sejarah di Asia – usahasama UNESCO dan ICA. <i>Launch of The Guidelines on The Sources of Asian History project, i.e. a comprehensive collection of information project about historical materials in Asia – a joint venture of UNESCO and the International Council on Archives (ICA).</i>
1 Mac 1979 <i>1 March 1979</i>	Pejabat Cawangan Utara ditubuhkan di Kedah dan bertanggungjawab ke atas rekod-rekod di negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. <i>The Northern Branch Office was established in Kedah and responsible for records in the states of Pulau Pinang, Kedah and Perlis.</i>
16-25 November 1979 <i>16-25 November 1979</i>	Minggu Arkib Antarabangsa diadakan di seluruh dunia. Arkib Negara Malaysia merayakan minggu tersebut dengan tema 'Arkib – Warisan Negara'. <i>International Archives Week held around the world. National Archives of Malaysia celebrated the week with the theme 'Archives – Nation's Heritage'.</i>
1980 <i>1980</i>	Puan Zakiah Hanum dilantik sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Ms. Zakiah Hanum appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
6 Mei 1982 <i>6 May 1982</i>	Perasmian bangunan Pustaka Tun Abdul Razak (PINTAR). <i>Official opening of the Tun Abdul Razak Memorial (PINTAR) building.</i>
22 November - 4 Disember 1982 <i>22 November - 4 Disember 1982</i>	Persidangan Meja Bulat Arkib Antarabangsa (ICA) yang ke-21 diadakan di Malaysia. <i>The 21st Round Table Conference of the International Council on Archives (ICA) was held in Malaysia.</i>
1 Disember 1982 <i>1 December 1982</i>	Perasmian bangunan Arkib Negara Malaysia di Jalan Duta oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah. <i>Official opening of the National Archives of Malaysia building in Jalan Duta by His Majesty DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ahmad Shah.</i>
31 Ogos 1985 <i>31 August 1985</i>	Perasmian Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Melaka. <i>Official opening of the Proclamation of Independence Memorial in Malacca.</i>
22 Mac 1986 <i>22 Mac 1986</i>	Perasmian Pustaka Peringatan P. Ramlee di Setapak. <i>Official opening of the P. Ramlee Memorial in Setapak.</i>
13 November 1986 <i>13 November 1986</i>	Pejabat Cawangan Pulau Pinang ditubuhkan. <i>The Penang Branch Office was established.</i>
1 Februari 1987 <i>1 February 1987</i>	Pejabat Cawangan Kelantan ditubuhkan. <i>The Kelantan Branch Office was established.</i>

PROFIL Arkib Negara Malaysia

Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
13 Disember 1991 <i>13 December 1991</i>	Rumah Kelahiran P. Ramlee dirasmikan. <i>P. Ramlee Birthplace was officially opened.</i>
30 Oktober 1992 <i>30 October 1992</i>	Pustaka Perkhidmatan Awam ditubuhkan dan dibuka kepada orang ramai pada 1 Julai 1995. <i>The Civil Services Library was established and opened to public on July 1st, 1995.</i>
20 Disember 1992 <i>20 December 1992</i>	Rumah kelahiran Tun Mahathir Mohamad dirasmikan oleh YB Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. <i>Tun Mahathir Mohamad Birthplace was officially opened by the YB Dato' Sabaruddin Chik, Minister for Culture, Arts and Tourism.</i>
1 Januari 1993 <i>1 January 1993</i>	Cawangan Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan diwujudkan. <i>Planning, Research and Development Branch was established.</i>
25 Mei 1993 <i>25 Mei 1993</i>	Memenangi Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam melalui formula baru Penyediaan Larutan Pengenyahan Asid. <i>Winning the Public Services Award for Innovation by way of new formula for the Preparation of Deacidification Solution.</i>
1 Oktober 1993 <i>1 October 1993</i>	Pejabat Cawangan Perak ditubuhkan. <i>The Perak Branch Office was established.</i>
10 November 1994 <i>10 November 1994</i>	Perasmian Memorial Tunku Abdul Rahman. <i>Official opening of the Tunku Abdul Rahman Memorial.</i>
1 November 1995 <i>1 November 1995</i>	Pn. Habibah Zon dilantik sebagai Ketua Pengarah ANM. <i>Ms. Habibah Zon was appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
1 Mac 1996 <i>1 March 1996</i>	Kerajaan meluluskan Penubuhan Pustaka Wira Negara dan beroperasi pada 1997. <i>The government approved the establishment of the National Heroes Library and started operation in 1997.</i>
9 Januari 1997 <i>9 January 1997</i>	Pelancaran Homepage Arkib Negara Malaysia. <i>Launching of the National Archives of Malaysia Homepage.</i>
1 Mac 1997 <i>1 March 1997</i>	Kemudahan internet dan e-mel digunakan di Arkib Negara Malaysia. <i>Internet and e-mail facilities used at the National Archives of Malaysia.</i>
3 Mei 1997 <i>3 Mei 1997</i>	Sistem maklumat Bersepadu Arkib Negara (COMPASS) dan Surat Pekeliling Am Bil. 1/97 dilancarkan oleh Ketua Setiausaha Negara. <i>Computerised Archival System and Services (COMPASS) and General Circular Letter No. 1/97 was launched by the Chief Secretary to the Government.</i>
1 Disember 1998 <i>1 December 1998</i>	HIDS (Hari Ini dalam Sejarah) Online dirasmikan. <i>Today in History Online was officially launched.</i>
Mei 1999 Mei 1999 <i>May 1999 May 1999</i>	Cawangan Dasar Rekod Elektronik diwujudkan. <i>The Electronic Records Policy Branch was established.</i>
1999 <i>1999</i>	Bangunan Menara Ilmu didirikan. <i>'Menara Ilmu' building was erected.</i>
April 2000 <i>April 2000</i>	Arkib Negara Malaysia peroleh pengiktirafan MS 9002 : 1994. <i>National Archives of Malaysia earned the MS 9002 : 1994 recognition.</i>
1 Oktober 2000 <i>1 October 2000</i>	Penstrukturan Organisasi Arkib Negara. <i>Organisational restructuring of the National Archives.</i>
22 Mac 2002 <i>22 March 2002</i>	Perasmian pembukaan semula Pustaka Peringatan P. Ramlee. <i>Official reopening of the P. Ramlee Memorial.</i>
28 Januari 2003 <i>28 January 2003</i>	Majlis Peletakan Batu Asas Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. <i>Foundation Stone Laying Ceremony for the building of the National Archives of Malaysia, Sabah Branch.</i>

PROFIL Arkib Negara Malaysia

Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
18 Februari 2003 <i>18 February 2003</i>	Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian Projek Pemeliharaan Rekod Elektronik di Sektor Awam (e-SPARK). <i>Signing Ceremony of the Contracts Agreement for The Preservation of Electronic Records in Public Sector project (e-SPARK).</i>
6 Mei 2003 <i>6 May 2003</i>	Majlis Perasmian Bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis. <i>Official Opening Ceremony of the Kedah/Perlis Branch of the National Archives of Malaysia.</i>
19 Jun 2003 <i>19 June 2003</i>	Pn. Hajah Rahani Jamil dilantik sebagai Ketua Pengarah ANM. <i>Ms. Hajah Rahani Jamil appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
10 Oktober 2003 <i>10 October 2003</i>	Akta Arkib Negara Malaysia 2003 (Akta 629) dikuatkuasakan. <i>National Archives of Malaysia Act 2003 (Act 629) was enforced.</i>
20 Disember 2003 <i>20 December 2003</i>	Pelancaran Galeria Sri Perdana. <i>Launching of the Sri Perdana Galleria.</i>
15 Julai 2004 <i>15 July 2004</i>	Majlis Perasmian Arkib Negara Malaysia Cawangan Melaka. <i>Official Opening Ceremony of the National Archives of Malaysia, Malacca Branch.</i>
9 Oktober 2004 <i>9 October 2004</i>	Arkib Negara Malaysia memperolehi Sijil MS ISO 9001 : 2000 (Perolehan & Pemeliharaan Fail-fail Rasmi Kerajaan). <i>National Archives of Malaysia earned the MS 9001 : 2000 Certificate (Acquisition & Preservation of Official Government Files).</i>
11 Oktober 2004 <i>11 October 2004</i>	Pelaksanaan sepenuhnya Sistem GOE-egdms (<i>Generic Office Environment – electronic government document management system</i>) di Arkib Negara Malaysia. <i>Full implementation of the GOE-egdms System (Generic Office Environment – electronic government document management system) at the National Archives of Malaysia.</i>
10 Februari 2006 <i>10 February 2006</i>	Perasmian Memorial Tun Hussein Onn dan Pelancaran Buku Tun Hussein Onn – Bapa Perpaduan. <i>Official Opening of the Tun Hussein Onn Memorial and Book Launch – ‘Bapa Perpaduan’.</i>
13 April 2006 <i>13 April 2006</i>	Perasmian Bangunan Baru Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah. <i>Official Opening of the new building of the Sabah Branch of the National Archives of Malaysia.</i>
15 April 2006 <i>15 April 2006</i>	Pelantikan Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>Tuan Haji Mohamad Zawawi Abdullah appointed as the Director General of the National Archives.</i>
2007 <i>2007</i>	Arkib Negara Malaysia menyambut Sambutan Jubli Emas sempena 50 Tahun penubuhannya. <i>National Archives of Malaysia celebrated Golden Jubilee in conjunction with 50 years of its inception.</i>
30 Jun 2007 <i>30 June 2007</i>	Pertukaran tampuk kepimpinan Arkib Negara daripada Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah kepada Encik Sidek Jamil berikutan masalah kesihatan Tuan Haji Mohamed Zawawi. <i>Change of leadership at the National Archives from Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah to Mr. Sidek Jamil due to Tuan Haji Mohamed Zawawi's health problem.</i>
1 Julai 2007 <i>1 July 2007</i>	Pelantikan Encik Sidek Jamil sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Mr. Sidek Jamil appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
31 Oktober 2007 <i>31 October 2007</i>	Persaraan wajib Encik Sidek Jamil sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>Mr. Sidek Jamil retirement as the Director General of the National Archives.</i>
1 November 2007 <i>1 November 2007</i>	Encik Sidek Jamil dilantik menjadi Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia secara kontrak. <i>Mr. Sidek Jamil appointed on contract as the Director General of the National Archives of Malaysia.</i>
5-6 November 2007 <i>5-6 November 2007</i>	Konvensyen Pengurusan Rekod Peringkat Kebangsaan julung kali diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya dan telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara. <i>National Level Convention on Records Management was held for the first time at the Putrajaya International Convention Centre and was officiated by Chief Secretary to the Government.</i>
1 Disember 2007 <i>1 December 2007</i>	Sambutan Hari Arkib Negara Malaysia ke 50. <i>The 50th celebration of the National Archives of Malaysia Day.</i>

PROFIL Arkib Negara Malaysia

Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
31 Disember 2007 31 December 2007	Persaraan Tuan Haji Mohamed Zawawi daripada Perkhidmatan Awam. <i>Tuan Haji Mohamed Zawawi Abdullah retirement from Civil Service.</i>
31 Mac 2008 31 March 2008	Penyerahan Galeri Tun Ghafar Baba kepada Arkib Negara Malaysia. Majlis penyerahan telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Arkib Negara, En. Sidek Jamil dan YBhg Datuk Wira Haji Hamdin Abdullah mewakili PERZIM. <i>Handing over of the Tun Ghafar Baba Gallery to the National Archives of Malaysia. The handover ceremony was signed by the Director General National Archives of Malaysia, Mr. Sidek Jamil and Datuk Wira Haji Hamdan Abdullah representing PERZIM.</i>
21-27 Julai 2008 21-27 July 2008	Kongres Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) kali ke 16 diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie Haji Apdal. <i>The 16th Congress of the International Council on Archives (ICA) was held at the Kuala Lumpur Convention Centre and was officiated by YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie Haji Apdal.</i> Ketua Pengarah Arkib Negara, En. Sidek Jamil menjadi individu pertama dari Asia Tenggara dilantik sebagai Fellow Majlis Arkib Antarabangsa (ICA) sepanjang hayat pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). <i>Mr. Sidek Jamil, the Director General of National Archives, became the first individual from Southeast Asia appointed as lifetime Fellow of the International Council on Archives (ICA) at the Annual General Meeting (AGM).</i>
Januari 2009 January 2009	Program Mengenang Tokoh Negarawan dimulakan dan menjadi program tahunan Arkib Negara Malaysia. Program ini diadakan bagi mengenang sumbangan bekas-bekas Perdana Menteri Malaysia kepada Negara. <i>Reminiscence of the Statesman Programme was started and became an annual programme of the National Archives of Malaysia. The programme aimed at giving recognition to the contributions of the nation's past Prime Ministers.</i>
1 Februari 2009 1 February 2009	Penstrukturan semula Jabatan Arkib Negara berdasarkan Waran Perjawatan Bil. S 25 Tahun 2009. <i>Restructuring of the National Archives Department based on the Establishment Warrant No. S 25 Year 2009.</i>
31 Julai 2009 31 July 2009	Arkib Negara Malaysia memenangi Anugerah UNESCO 'Jikji Memory of the World Prize' dan menerima hadiah bernilai USD 30,000.00. <i>National Archives of Malaysia awarded the UNESCO 'Jikji Memory of the World Prize' and USD 30,000.00 prize.</i>
17 Disember 2009 17 December 2009	Penyerahan bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemuliharaan Bahan-bahan Pandang Dengar Negara (PPPAV) yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg Dato' Sri Ir Dr Judin Abdul Karim kepada Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg Dato' Haji Sidek Haji Jamil. <i>Handing over of the National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials Building by the Director General Public Works Department, YBhg Dato' Seri Ir Dr Judin Abdul Karim to the Director General National Archives of Malaysia YBhg Dato' Haji Sidek Haji Jamil.</i>
25 - 30 April 2010 25 - 30 April 2010	Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah Bengkel ASEAN Emergency Response and Recovery Team For Records. <i>National Archives of Malaysia played host to the Workshop on ASEAN Emergency Response and Recovery Team for Records.</i>
27 September 2010 27 September 2010	Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah Persidangan SARBICA ke 17 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Persidangan telah dirasmikan oleh Menteri KPKK, YB Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim. <i>National Archives of Malaysia played host to the 17th SARBICA Conference held in Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. The Conference was officiated by Minister MICC, YB Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim.</i>
5 Oktober 2010 5 October 2010	Persaraan Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg Dato' Haji Sidek Jamil daripada Perkhidmatan Awam. <i>YBhg Dato' Haji Sidek Jamil, the Director General of the National Archives retirement from the Civil Service.</i>
6 Oktober 2010 6 October 2010	Pelantikan Dr Hajah Samsiah Muhamad sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara. <i>YBhg Dr Hajah Samsiah Muhamad appointed as the Director General of the National Archives.</i>

PROFIL

Arkib Negara Malaysia

Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
26 Oktober 2010 <i>26 October 2010</i>	Penyerahan bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang oleh Jabatan Kerja Raya Daerah Kuantan melalui Timbalan Ketua Setiausaha (Penerangan) KPKK, Dato' Dr Rothiah Omar kepada Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg Dr Hajah Samsiah Muhamad. <i>Handing over of the National Archives of Malaysia building Pahang Branch by Public Works Department Kuantan District through Deputy Secretary General (Information) KPKK, YBhg Dato' Dr Rothiah Omar to the Director General National Archives, YBhg Dr Hajah Samsiah Muhamad.</i>
11 November 2010 <i>11 November 2010</i>	Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia diberi penarafan 5 Bintang serta berada di tangga ke-5 keseluruhan melalui Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010 oleh Multimedia Development Corporation (MDEC). <i>The National Archives of Malaysia official portal was awarded 5 Star Ratings and placed 5th overall by way of Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2010 conducted by the Multimedia Development Corporation (MDEC).</i>
3 Januari 2011 <i>3 January 2011</i>	Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang memulakan operasi. <i>The National Archives of Malaysia Pahang Branch started operation.</i>
25 – 28 Mac 2011 <i>25 – 28 Mac 2011</i>	Seminar Pemantapan Profesionalisme, Transformasi Budaya Kerja dan Pemikiran Pegawai Arkib diadakan di The Legend Resort, Cherating, Pahang. Seminar diadakan selaras dengan penstrukturan semula Arkib Negara pada Februari 2009. <i>Seminar on Strengthening Professionalism, Transformation of Work Culture and Thinking for Archivists was held at the Legend Resort, Cherating, Pahang. The seminar was in line with the restructuring exercise of the National Archives of February 2009.</i>
30 April 2011 <i>30 April 2011</i>	Sejumlah besar rekod-rekod penting Negeri Pahang (122,518 fail) dipindahkan dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu ke Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang melalui Operasi 'Sireh Pulang Ke Gagang'. Operasi diilhamkan oleh Allahyarham Tuan Haji Abu Rahman Ahmad, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelarasan. <i>A large number of vital Pahang State records (122,518 files) were transferred from the National Archives of Malaysia Terengganu Branch to National Archives of Malaysia Pahang Branch by way of 'Sireh Pulang Ke Gagang' Operation. The operation was inspired by the late Tuan Haji Abu Rahman Ahmad, Director, Planning and Coordination Division.</i>
5 Mei 2011 <i>5 May 2011</i>	Arkib Negara Malaysia dipilih sebagai Rakan Integriti oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) menjadikan Arkib Negara sebagai agensi pertama di bawah KPKK yang menerima penghormatan ini. <i>The National Archives was chosen as Friend of Integrity by the Malaysian Institute of Integrity (IIM) making National Archives the first agency under MICC to receive the honour.</i>
6 – 10 Jun 2011 <i>6 – 10 June 2011</i>	Arkib Negara Malaysia menjadi tuan rumah kepada 15th SEAPAVAA Conference and General Assembly. <i>The National Archives of Malaysia played host to the 15th SEAPAVAA Conference and General Assembly.</i>
23 Jun 2011 <i>23 Jun 2011</i>	KDYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam merasmikan bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang. <i>His Majesty the Sultan of Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam officially opened the Pahang Branch building of the National Archives of Malaysia.</i>
19 September 2011 <i>19 September 2011</i>	Persaraan Ketua Pengarah Arkib Negara, YBhg. Dr. Hajah Samsiah Muhamad daripada perkhidmatan awam. <i>YBhg Dr Hajah Samsiah Muhamad, Director General of the National Archives, retirement from civil service.</i>
27 September 2011 <i>27 September 2011</i>	Arkib Negara Malaysia menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti Jabatan Audit Negara bagi Tahun 2010 sempena Hari Audit Se-Malaysia 2011. <i>The National Archives of Malaysia was conferred the Financial Management Excellence Award by way of Accountability Index of the National Audit Department for the year 2010 in conjunction with Malaysia Audit Day 2011.</i>

PROFIL Arkib Negara Malaysia

Profile of the National Archives Of Malaysia

TAHUN / YEAR	PERISTIWA / EVENTS
1 Disember 2011	Sambutan Hari Arkib Negara Malaysia ke 54. <i>The 54th celebration of the National Archives Day.</i>
1 December 2011	Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia sekali lagi diberi penarafan 5 Bintang yang diterima daripada Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011. <i>The National Archives of Malaysia official portal was once again awarded 5 Star Ratings received from the Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) 2011.</i>
1 Februari 2012 1 February 2012	Pelantikan Pn. Hajah Daresah Haji Ismail sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. <i>Ms. Hajah Daresah Haji Ismail appointed as the Director General of the National Archives of Malaysia</i>
18 – 21 Jun 2012 18 – 21 June 2012	Arkib Negara Malaysia menganjurkan Seminar ‘Transformasi Pengurusan Rekod Sektor Awam – Ke Arah Penerapan Budaya Kerja Persekitaran Rekod Elektronik sebagai usaha melaksanakan fungsi asasnya sebagai peneraju pengurusan rekod di sektor awam. <i>The National Archives of Malaysia organised the ‘Public Sector Record Management Transformation – Towards Inculcating Work Culture in Electronic Records Environment’ Seminar as an effort to perform its main function as the spearhead of record management in the public sector.</i>
30 November - 9 Disember 2012 30 November - 9 December 2012	Sambutan 55 Tahun Arkib Negara Malaysia. Sambutan diadakan selama seminggu dengan dimulai dengan Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Hari Keluarga Arkib Negara, Malam Warna Warni Arkib Negara dan Majlis Perasmian Sambutan 55 Tahun Arkib Negara pada 3 Disember 2012 yang disempurnakan oleh Menteri KPKK, YB Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim. Seterusnya Lawatan Berpandu dan Hari Bertemu Pelanggan, Majlis Penyerahan dan Perasmian Mesin Bio Master, Majlis Pengkisahan Sejarah Malay Agricultural Settlement dan program Kembara Arkib Bersama Masyarakat. <i>The 55th Year of the National Archives of Malaysia Celebration. The celebration was held for one week and preceded by the Yasin recitation and Tahlil Ceremony, the National Archives Family Day, Colourful Colours Night of the National Archives and Official Opening Ceremony of the 55th Year Celebration of the National Archives on December 3rd, 2012 officiated by the Minister MICC, YB Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim. Thereafter, there were Guided Tour and Meet the Customers Day, Handover and Officiating the use of Bio Master Machine, the Malay Agricultural Settlement History Narration ceremony and Archives Together With Community Expedition programme.</i>

Bahagian Khidmat Pengurusan

Management Services Division



BAHAGIAN Khidmat Pengurusan

Management Services Division

PROFIL

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertanggungjawab merancang, merangka, mengemaskini dasar / peraturan berkaitan urusan pentadbiran, kewangan, pembangunan sumber manusia, program latihan, projek-projek pembangunan, pengurusan maklumat (ICT) dan HRMIS. Terdapat empat Seksyen yang dipertanggungjawabkan melaksanakan program-program bahagian iaitu Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Seksyen Sumber Manusia, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Aset serta Seksyen Teknologi Maklumat.

Seksyen Pentadbiran dan Kewangan bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti sokongan, merangkumi aspek-aspek berkaitan pentadbiran, keselamatan, keurusetiaan bagi mesyuarat Pengurusan Jabatan, Mesyuarat Keselamatan, Mesyuarat Keselamatan dan Kesihatan serta perkara-perkara berkaitan dengan kebajikan pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia. Manakala Unit Kewangan pula bertanggungjawab dalam segala urusan kewangan termasuklah urusan bayaran, terimaan, perakaunan dan peruntukan.

Seksyen Sumber Manusia dipertanggungjawabkan mengendalikan urusan berkaitan aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia merangkumi kajian pemantapan organisasi (perjawatan), perancangan kerjaya dan latihan, peperiksaan jabatan, urusan perkhidmatan termasuk elaun dan kemudahan pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia.

Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Aset bertanggungjawab merancang dan memantau segala projek pembangunan fizikal serta menjalankan kerja-kerja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan dan pengembangan jabatan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam merancang, mengenalpasti dan menguruskan pemerolehan tanah, bangunan dan peralatan serta penggunaan peruntukan pembangunan jabatan dengan cekap dan efisien. Dari aspek pengurusan aset, seksyen ini bertanggungjawab dalam menguruskan keselamatan fizikal harta, bangunan dan aset serta pengurusan pelupusan aset jabatan.

Seksyen Teknologi Maklumat bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan teknologi maklumat dan komunikasi bagi Arkib Negara

PROFILE

The Management Services Division (BKP) is responsible for planning, designing, updating policies and procedures related to matters of administration, finance, human resource development, training programmes, development projects, management of information and communication technology (ICT) and HRMIS. There are four Sections given the responsibility to implement the division's programmes viz the Administration and Finance Section, Human Resource Section, Asset Management and Development Section and Information Technology Section.

The Asset Management and Development Section is responsible for implementing support activities, inclusive of aspects related to administration, security, secretariat for the Departmental Management Meetings, Security Meetings, Health and Safety Meetings as well as matters related to the welfare of the National Archives of Malaysia's officers and staff. The Finance Unit is responsible for all financial matters including payment, receipts, accounting and allocation.

The Human Resource Section is responsible for conducting all activities related to human resource development including the study on strengthening the organisation (establishments), career and training planning, departmental examinations, service matters for officers and staff of the National Archives of Malaysia including allowances and amenities.

The Asset Management and Development Section is responsible for planning and monitoring of all physical development projects as well as carrying out research work related to the development and expansion of the department. This section is also responsible for planning, identifying and managing the acquisition of land, buildings and equipment as well as the efficient and competent use of the department's development allocations. For the asset management aspect, this section is responsible for managing the physical security of property, building and asset as well as managing the disposal of assets of the department.

The Information Technology Section is responsible for implementing the activities related to Information Technology and Communications of the National Archives of Malaysia

Malaysia berdasarkan polisi dan dasar yang telah dibangunkan. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah pembangunan aplikasi baru berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan keperluan pengguna, penyelenggaraan aplikasi COMPASS, penyelenggaraan aplikasi dalaman Arkib Negara Malaysia iaitu Helpdesk, Sistem Aduan Bangunan, Blog KP, laman web Komuniti Rekod, laman web SARBICA, penyediaan infrastruktur ICT dan khidmat sokongan ICT. Seksyen ini juga melaksanakan tugas perantaraan antara Arkib Negara Malaysia dengan kementerian dan agensi pusat yang bertanggungjawab bagi sistem aplikasi kerajaan elektronik dan memastikan penggunaan aplikasi HRMIS berada di tahap maksimum.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2012, Bahagian Khidmat Pengurusan telah berjaya melaksanakan tugas dan aktiviti yang dipertanggungjawabkan selaras dengan keperluan dan prosedur MS ISO 9001:2000 terutamanya berkaitan dengan peningkatan sistem maklumat, sumber manusia, projek pembangunan dan pengurusan kewangan.

Projek Pembangunan

Sebanyak RM 47,364,150.00 telah diperuntukkan untuk tujuh projek pembangunan dan telah membelanjakan sebanyak RM 38,541,100.17 (81.4%). Peruntukan ini digunakan bagi membiayai projek naiktaraf bangunan Arkib Negara Malaysia, bangunan Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang, Memorial Negarawan, Perolehan Bahan Arkib, Kajian Penyelidikan dan Kedaulatan dan Persempadanan Negara, NKEA CCI : *My Creative Content* dan Laman Warisan Kedah.

Perjawatan

Senarai Perjawatan Arkib Negara Tahun 2012 telah diluluskan berjumlah 588 perjawatan, perjawatan berkenaan termasuk Arkib Cawangan Negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kedudukan perjawatan mengikut pecahan perjawatan sehingga 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

based on the policies and fundamentals that have been developed. These activities include the development of new applications based on Information Technology Strategic Plan and the needs of users, the COMPASS application maintenance, the National Archives of Malaysia internal application maintenance such as the Helpdesk, Building Complaint System, DG's Blog, Community Records website, SARBICA website, provision for ICT infrastructures and ICT support services. This section also perform mediation functions between the National Archives of Malaysia with ministries and central agencies responsible for electronic government application and ensuring the maximum use of HRMIS application.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Throughout 2012, the Management Services Division had successfully performed the duties and its obligatory activities in accordance with the requirements of MS ISO 9001:2000 procedures, especially those related to enhancing information systems, human resources, development projects and financial management.


Development Projects

*A total of RM 47,364,150.00 has been allocated for seven development projects and a total of RM 38,541,100.17 (81.4%) was spent. This allocation was used to finance the buildings upgrading projects of the National Archives of Malaysia, the National Archives of Malaysia Pahang Branch, the Statesmen Memorials, Acquisition of Archival Materials, Studies on Research of National Sovereignty and Boundaries, NKEA CCI : *My Creative Content* and Kedah Heritage Square.*

Establishment

A total of 588 posts were approved for the Establishment List of the National Archives in the year 2012. The posts included Branch Archives in the States of the Peninsular, Sabah and Sarawak. The establishments situation based on service groups up to December 31st, 2012 are as follows:

Carta Perjawatan / Establishment Chart



Puan Hajah Daresah Haji Ismail memotong kek sempena pelantikannya sebagai Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sambil diperhatikan oleh Pengarah-Pengarah Bahagian.

Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail cutting the cake celebrating her appointment as the Director General National Archives of Malaysia witnessed by Directors of Division.



Pengarah Insitut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), Dato' Adilah Shek Omar menerangkan mengenai penggunaan Bahasa Melayu dengan betul semasa Kursus Pemantapan Bahasa Melayu di Memorial Tun Abdul Razak pada 3 hingga 4 September 2012. *The Director of Tun Abdul Razak Insitute of Broadcasting and Information (IPPTAR), Dato' Adilah Shek Omar explaining the proper use of Malay Language (Bahasa Melayu) during the Strengthening of Bahasa Melayu Course at the Tun Abdul Razak Memorial on September 3rd and 4th, 2012.*



Warga Arkib yang menyertai Program 'Jom Lebih Sihat' bersama jurulatih, Encik Mohd Asyraf Mohd Radzi pada 28 Februari 2012. *Archive staff participating in the 'Towards Healthier Life' Program with trainer, Mr. Mohd Asyraf Mohd Radzi on February 28th, 2012.*

Naik taraf Pusat Data Arkib Negara Malaysia

2012 merupakan tahun perkembangan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi Arkib Negara Malaysia secara menyeluruh. Perkembangan ini selaras dengan pelaksanaan Projek *MyCreative Content* (MyCC) yang merupakan antara 133 projek permulaan (*Entry Point Project - EPP*) di bawah Program Transformasi Kerajaan. Projek MyCC

Upgrading of the Data Centre National Archives of Malaysia

The year 2012 has seen the overall development as a whole in the information technology and communication infrastructure for the National Archives of Malaysia. This development was in line with the implementation of MyCreative Content (MyCC) project which was among the 133 entry point projects – (EPP) under the Government Transformation Programme. MyCC

mensasarkan pendigitalan bahan-bahan arkib sehingga ianya boleh dicapai oleh orang awam dan dikomersilkan sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Pelaksanaan Projek MyCC terdiri daripada empat skop utama iaitu Pendigitalan Bahan Arkib Dokumen, Pendigitalan Bahan Arkib Audio Visual, Naik Taraf Pusat Data dan Pembangunan Aplikasi *Online Finding Aids* (OFA) telah bermula pada akhir tahun 2011. Dalam memastikan projek ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan mampu menyokong kepada kejayaan pelaksanaannya, prasarana ICT daripada segi rangkaian, perkakasan, storan, perisian, sistem dan aplikasi harus disediakan terlebih dahulu selaras dengan jumlah bahan yang akan didigitalkan serta peningkatan pengaksesan bahan arkib secara dalam talian. Naik taraf pusat data Arkib Negara Malaysia melibatkan peningkatan empat skop utama prasarana ICT iaitu rangkaian (*network*), storan (*storage*), salinan pendua (*backup*) dan teknologi maya (*virtualization*). Bagi setiap skop, naik taraf ini melibatkan perolehan perkakasan dan perisian ICT.

Pelaksanaan pusat data Arkib Negara Malaysia mengambil kira ciri-ciri utama yang diperlukan bagi mengukuhkan struktur rangkaian dan menjamin keselamatan data. Keselamatan rangkaian dan pusat data diperkukuhkan lagi dengan pemasangan sistem kawalan persekitaran pusat data yang mampu mengesan perubahan suhu, kelembapan bilik, pengawalan keluar masuk di dalam pusat data serta

project aimed to achieve digitization of archival materials that can be accessed by the public and commercialized within and outside the country.

The implementation of MyCC Project was made up of four main scope which were Digitization of Archive Document Materials, Digitization of Audio Visual Archive Materials, Upgrading of Data Centre and Application Development of Online Finding Aids (OFA) which were started at the end of 2011. In order to ensure that the projects can be fully implemented and able to provide support to the success of its implementation, the ICT infrastructure in terms of networking, equipment, storage, software, system and application needed to be provided in line with the total materials to be digitised and the increase in the online accessibility of the materials. The upgrading of the data centre at the National Archives of Malaysia involved the four main scope of ICT infrastructure which were network, storage, backup and virtualization technology. For every scope, the upgrading work involved acquisition of equipment and ICT software.

The data centre implementation for the National Archives of Malaysia has taken into consideration the main features needed to strengthen the network structures and ensuring data security. The network and data security was enhanced by the installation of the data centre environment control system which has the capacity to detect changes in temperature, room humidity, entry and exit control at the centre as well as



Kursus Liferay 6.0 yang diadakan di Bilik Latihan Komputer Menara Ilmu pada 29 Jun 2012.

Liferay 6.0 Course held at the Computer Training Room Menara Ilmu on June 29th, 2012.



Menteri KPKK, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim memukul gong tanda merasmikan Sambutan 55 Tahun Arkib Negara Malaysia sambil disaksikan Ketua Pengarah ANM, Puan Hajah Daresah Haji Ismail pada 3 Disember 2012.

Minister of Information, Communication and Culture, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim striking the gong marking the official opening of the 55 Years Celebration of the National Archives of Malaysia witnessed by Director General National Archives of Malaysia, Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail on December 3rd, 2012.

menghantar pemberitahuan kepada pentadbir rangkaian yang bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Bagi memastikan persekitaran pusat data sentiasa berada pada tahap suhu yang ditetapkan, pemasangan Sistem Penyejukan (Cooling System) dilaksanakan. Ini sekaligus dapat mencegah kerosakan perkakasan ICT yang terdapat di pusat data Arkib Negara dan memanjangkan jangka hayat penggunaannya.

Konsep *high-availability* (HA) diterapkan dalam pelaksanaan ini pada struktur dan peralatan rangkaian. Struktur rangkaian baru yang direka oleh pasukan teknikal ICT Arkib Negara Malaysia menetapkan ciri-ciri ketersediaan (*availability*) dengan sasaran *zero-failure* atau gangguan rangkaian yang minimal serta tidak menjejaskan perkhidmatan Arkib Negara Malaysia. Konsep ini mampu mengelakkan gangguan pada aplikasi semasa jabatan dan aplikasi yang dibangunkan bagi projek MyCC agar ia boleh diakses pada bila-bila masa. Struktur rangkaian dalaman di Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia yang ditingkatkan daripada 1GB kepada 10GB mampu meningkatkan prestasi capaian dan menyokong

sending notification to the network administrator responsible whenever any untoward incidences occurred. In order to ensure that the data centre's environment is in the proper temperature level, the installation of Cooling System was implemented. Thus, preventing damage to the ICT equipment at the data centre of the National Archives and thereby extending its useful life.

The high-availability (HA) concept was applied in this implementation to network structure and equipment. The new network structure designed by the ICT team of the National Archives of Malaysia set the availability characteristics with zero-failure target or minimal network disturbances so as not to affect the services of the National Archives of Malaysia. This concept is able to prevent disturbances during the departmental current applications and applications developed for MyCC project so that it can be accessed at any time. The structure of the internal network at the Headquarters of the National Archives of Malaysia which was upgraded from 1GB to 10GB can improve performance

kepada pelaksanaan projek ini. Rangkaian Arkib*Net ANM di bawah Projek 1Gov*Net yang telah di naik taraf daripada 10Mbps kepada 20Mbps juga telah dapat meningkatkan prestasi capaian luaran antara agensi/jabatan kerajaan dan rakyat.

Bagi menyokong hasrat kerajaan ke arah teknologi hijau, teknologi *virtualization* diadaptasikan dalam pelaksanaan ini. Teknologi ini merupakan teknologi yang membolehkan beberapa sistem operasi (*Operating System*) berada dalam satu pelayan (*server*) induk dan mampu mengoptimumkan penggunaan pelayan dan storan. Kaedah ini dapat mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan

*in accessing as well as supporting the implementation of this project. The Network Archives*Net NAM under the 1Gov*Net Project which was upgraded from 10Mbps to 20Mbps has also improved the performance of external access between government agencies / departments and the citizens.*

In order to support the government's intention towards green technology, the virtualization technology was adapted in this implementation. This technology allows multiple Operating Systems to be in one master server and be able to optimize the use of servers and storage. This method can reduce energy consumption and save cost in acquisition of server as well as its cost on maintenance as the individual maintenance on



Menteri KPKK, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim bersama tetamu kehormat yang lain melawat Pameran Warisan Arkib Eksklusif sempena Sambutan 55 Tahun Arkib Negara Malaysia pada 3 Disember 2012.

Minister of Information, Communication and Culture, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim with honoured guests visiting the Archives Heritage Exclusive Exhibition in conjunction with 55 Years Celebration of the National Archives of Malaysia on December 3rd, 2012.

menjimatkan kos daripada segi perolehan pelayan serta kos penyelenggaraan kerana penyelenggaraan pada setiap pelayan secara individu tidak perlu dilaksanakan. Selain itu, konsep *virtualization* ini memudahkan pengurusan dan peningkatan kapasiti pelayan pada bila-bila masa oleh pentadbir.

each server does not need to be implemented. In addition, this virtualization concept facilitates management and increase in capacity of the servers by the administrator at any time.

Keselamatan data yang disimpan di Arkib Negara Malaysia ditingkatkan dengan kaedah *backup and recovery* yang mampu mengatasi masalah kehilangan maklumat yang bernilai. Kaedah ini merupakan proses salinan pendua maklumat yang digunakan semasa melaksanakan pemulihan data (*recovery*) sekiranya berlaku sebarang insiden yang tidak diingini seperti kehilangan data. Pelaksanaan *backup* dilakukan secara automatik dan berjadual untuk semua aplikasi dan data jabatan. Dalam menampung keperluan dan pertambahan data yang perlu disimpan, ruang storan berteknologi tinggi dan ruang simpanan berbentuk cakera keras (*hard drive*) berkapasiti tinggi diperolehi. Dengan teknologi yang ada pada perkakasan storan ini, data yang disimpan mampu dicapai dengan pantas.

Kejayaan dalam melaksanakan projek naik taraf pusat data Arkib Negara Malaysia merupakan hasil kerjasama daripada semua warga arkib terutamanya pihak atasan Arkib Negara Malaysia dan juga pihak kontraktor. Sokongan dan kerjasama yang diberikan daripada semua pihak yang terlibat membolehkan projek ini berjalan lancar mengikut perancangan bagi memastikan bahan-bahan yang didigitalkan dapat diurus, dipelihara dan dicapai secara dalam talian tanpa sebarang masalah.

The security of data stored at the National Archives of Malaysia was enhanced by the backup and recovery method that is capable of overcoming the loss of valuable information. This method is a process of making duplicate copy of the information in use when performing data recovery in case of any untoward incidents such as loss of data. The implementation of backups is done automatically and is scheduled for all the department's applications and data. In accommodating the needs and increase in data that needs to be stored, high-tech and high capacity storage space hard disk (hard drive) is aquired. With this technology available for the storage hardware, the stored data can be retrieved quickly.

The success in the implementation of the National Archives of Malaysia's data center upgrading project was a collaborative efforts of all staff, especially the top management of the National Archives of Malaysia and also the contractor. The support and cooperation from all parties involved has allowed the project to progress as planned to ensure that digitized materials can be managed, preserved and made accessible online without any problems.

Bahagian Perancangan & Penyelarasan

Planning & Coordination Division



BAHAGIAN Perancangan & Penyelarasan

Planning & Coordination Division

PROFIL

Bahagian Perancangan dan Penyelarasan (BPP) merupakan bahagian teras yang menyokong pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab Arkib Negara Malaysia dalam menyediakan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efektif kepada pelanggan. Bagi mencapai hasrat tersebut, bahagian ini adalah bertanggungjawab memastikan dasar, halatuju dan strategi Arkib Negara adalah mantap dan berkesan; pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan kearkiban dan pengurusan rekod berjalan dengan lancar serta mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang ditetapkan oleh Arkib Negara; dan pegawai dan kakitangan Arkib mempunyai tahap kompetensi dalam bidang pentadbiran arkib dan pengurusan rekod mengikut kesesuaian tempoh perkhidmatan. Pelaksanaan tanggungjawab tersebut direalisasikan melalui kerjasama erat semua seksyen di bawah Bahagian Perancangan dan Pengurusan iaitu Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti, Seksyen Konsultansi dan Latihan, Seksyen Inspektorat dan Seksyen Hubungan Antarabangsa.

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti merupakan seksyen yang bertanggungjawab merancang, mengenalpasti keperluan dan menyelaras dasar, hala tuju, strategi, standard dan pengurusan kualiti jabatan. Dasar, hala tuju dan strategi jabatan telah diperkemas mengikut keperluan semasa. Bagi melonjakkan impak dan bidang keberhasilan jabatan dalam era yang serba mencabar, seksyen ini berusaha memantapkan profesion kearkiban dan transformasi yang diperlukan oleh warga jabatan.

Seksyen Konsultansi dan Latihan adalah seksyen yang bertanggungjawab memberi khidmat nasihat Pengurusan Rekod dan Pentadbiran Arkib melalui perundingan, perbincangan dan taklimat kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Khidmat Perundingan Pengurusan Rekod adalah satu usaha yang dibuat bagi meningkatkan kecekapan pengurusan rekod awam ke arah urus tadbir perkhidmatan awam yang lebih baik dan juga memastikan pejabat awam dapat menguruskan rekod kerajaan dengan lebih efisien dan sistematik. Selaras dengan hasrat kerajaan yang menitikberatkan modal insan, seksyen ini meneruskan usaha mempertingkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia dengan menyediakan jadual dan modul kursus latihan ikhtisas kearkiban.

Seksyen Inspektorat adalah seksyen yang bertanggungjawab

PROFILE

The Planning and Coordination Division (BPP) is the core division that supports the implementation of functions and responsibilities of the National Archives of Malaysia in providing efficient and effective products and service delivery to customers. In order to achieve the desired aspirations, this division is responsible for ensuring that policies, direction and strategy of the National Archives is sound and effective; implementation of system for archive delivery services and records management are progressing well and in compliance with the laws, regulations and standards set out by the National Archives; and officers and archival staff have the level of competency in areas of archives administration and records management appropriate to their length of service. The implementation of these responsibilities were realised through close collaborative efforts of all sections under the Planning and Management Division namely the Policy Section, Standards and Quality Management, Consultancy and Training Section, Inspectorate Section and International Relations Section.

Policy, Standard and Quality Management Section is responsible for planning, identifying needs and coordinating policies, directions, strategies, standard and quality management of the department. Departmental policies, directions and strategies have been refined according to current needs. In order to boost the impact and outcomes of the department in this challenging era, this section strive to strengthen and transform the archival profession required by the department's staff.

The Consultancy and Training Section is responsible for providing advisory services on Records Management and Archive Administration through consultation, discussions and talks to the Ministries, Departments and Government Agencies. The Records Management Consultation Service is an effort made to improve the efficiency of public records management towards a better public service governance and also ensuring that public offices will be able to manage government records more efficiently and systematic. In line with the aspiration of the government which place greater emphasis on human capital, this section will continue in its effort to enhance the competency of officers and staff of the National Archives of Malaysia by providing archival profession training course schedules and modules.

The Inspectorate Section is responsible for implementing

dalam melaksanakan audit pengurusan rekod di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Audit pengurusan rekod merupakan usaha yang dibuat bagi memastikan rekod kerajaan yang merupakan dokumen bukti dan sumber maklumat dapat diurus dengan lebih sistematik dan teratur.

Pengurusan rekod awam di Jabatan dan agensi kerajaan dimantapkan lagi dengan memasukkan kriteria Pengurusan Rekod dalam Penilaian Penarafan Bintang (Sistem *Star Rating –SSR*) di Jabatan dan agensi lain. Penilaian ini mula dilaksanakan pada tahun 2011 melalui kerjasama Arkib Negara Malaysia dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Seksyen Inspektorat bertanggungjawab dalam melaksanakan inspektorat pengurusan rekod di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Selain itu, seksyen ini juga melaksanakan inspektorat syarikat ataupun pembekal perkhidmatan pengurusan rekod swasta yang memohon mendapatkan kelulusan pendaftaran kod bidang iaitu 221310 (Penyimpanan Rekod) dan 221311 (Membaikpulih Bahan Terbitan dan Manuskrip).

Pelaksanaan inspektorat pengurusan rekod ini merupakan satu kaedah pemantauan yang lebih tegas dan strategik bagi memastikan rekod kerajaan sebagai dokumen bukti dan sumber maklumat diurus dengan lebih sistematik dan teratur.

Seksyen Hubungan Antarabangsa bertanggungjawab untuk mengenalpasti keperluan dan menyelaraskan program/aktiviti ikhtisas antarabangsa serta menyediakan kertas-kertas cadangan projek kerjasama di bawah Program ASEAN COCI, UNESCO, ICA-PCOM dan sebagainya. Seksyen ini diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan, menyediakan dan menguruskan urusan menandatangani Perjanjian/Memorandum Kerjasama di antara Arkib Negara Malaysia dengan institusi-institusi Arkib atau yang berkaitan diperingkat antarabangsa. Menyelaraskan dan mengurus ASEAN *Sub Committee on Culture*, UNESCO *Participation Programme – SKUM* dan lain-lain yang berkaitan, merancang, mengurus dan melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan hal ehwal hubungan antarabangsa dengan badan dan pertubuhan ikhtisas kearkiban antarabangsa khususnya Majlis Arkib Antarabangsa (ICA), Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA), *Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association* (SEAPAVAA), ACARM dan sebagainya.

records management audit in government ministries, departments and agencies. Records management audit is an effort made to ensure that government records which are evidence documents and sources of information, can be managed in a more systematic and orderly manner.

Public records management in government departments and agencies was further enhanced to include Records Management criteria in Star Ratings Assessment (Star Rating System – SSR) in other departments and agencies. This assessment was first implemented in 2011 through collaboration between the National Archives of Malaysia and the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU).

The Inspectorate Section is responsible to conduct records management inspectorate in government ministries, departments and agencies. In addition, this section also implement inspectorate on companies or private records management service providers requesting approval for registration of subject code 221310 (Records Storage) and 221311 (Restoration of Published Materials and Manuscript).

The implementation of record management inspectorate is a method of a more stringent and strategic monitoring in order to ensure that government records which are evidence documents and sources of information be managed in a more systematic and orderly manner.

The International Relations Section is responsible for identifying the needs and coordinating international professional programmes and activities by providing proposal papers on cooperation projects under the Programmes of ASEAN COCI, UNESCO, ICA-PCOM and the like. This section is also responsible for coordinating, providing and managing the signing of Agreement and Memorandum of Cooperation between the National Archives of Malaysia and other related archive institutions at international level. This section also coordinates and manages ASEAN Sub Committee on Culture, UNESCO Participation Programme – SKUM and others which are related, planning, managing and implementing the work of international relation affairs secretariat with professional archival bodies and organisations specifically the International Council of Archives (ICA), Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA), Southeast Asia - Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA), ACARM and others.

Seksyen ini turut bertanggungjawab menyelaras dan menyalurkan maklumat mengenai hubungan antarabangsa/dua hala antara Arkib Negara Malaysia dengan negara-negara luar ke Bahagian Pertubuhan Antarabangsa (Kebudayaan), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Juga bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengurus lawatan/penempatan serta menghantar pegawai/kakitangan Arkib Negara Malaysia ke luar negara dan menerima kunjungan oleh delegasi dari luar Negara ke Arkib Negara Malaysia. Seksyen ini juga bertanggungjawab menyediakan maklumat dan menyelaras pembayaran yuran keahlian tahunan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Arkib Negara Malaysia.

This section is also responsible for coordinating and disseminating information about international/bilateral relations between the National Archives of Malaysia and other nations to the International Organisations Division (Culture), Ministry of Information Communications and Culture. Additionally, it is responsible for coordinating and managing visits / placement and sending officers / staff of the National Archives of Malaysia overseas as well as receiving visits by delegates from abroad to the National Archives of Malaysia. This section is also responsible for providing information and coordinates payments for the annual membership fees to international organisations which the National Archives of Malaysia is a member.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Konsultasi dan Latihan

Sepanjang tahun 2012, sejumlah 86 sesi lawatan konsultasi, enam sesi klinik konsultasi, 21 sesi temujanji konsultasi, 284 sesi E-Komunikasi serta satu siri Majlis Sepetang Bersama Pegawai Rekod Jabatan telah diadakan. Seksyen juga telah memperakukan sebanyak 1,807 perlantikan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ).

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Consultancy and Training

Throughout 2012, a total of 86 sessions on consultancy visits, six sessions of consultancy clinic, 21 consultancy appointments, 284 E-Communication sessions as well as one serie of An Evening with Departmental Record Officer Ceremony were held. This Section has also recommended the appointment of 1,807 Departmental Records Officer (PRJ) and Administrative Assistant Records Officer (PTRJ).



Kursus Pendiskripsian Siri 1 2012 di PPPAV pada 17 hingga 19 April 2012.
Description Course Series 1, 2012 at the PPPAV from April 17th to 19th, 2012.


Bagi meningkatkan kompetensi PRJ dan PTRJ yang dilantik dalam menguruskan rekod, sebanyak enam Kursus Pengurusan Rekod Peringkat Asas bagi PRJ, tiga sesi Kursus Pengurusan Rekod Peringkat Lanjutan bagi PRJ, enam sesi Kursus Pengurusan Rekod bagi PTRJ dan empat sesi Kursus Pemuliharaan Rekod telah dilaksanakan. Sejumlah 136 Kursus Pengurusan Rekod yang diadakan secara dalaman (*in-house*) di pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan juga telah dilaksanakan.

In enhancing the competency of PRJ and PTRJ who were appointed to manage records, a total of six sessions of Basic Level Records Management Course for PRJ and three sessions of Advanced Records Management Course for PRJ, six sessions of Records Management Course for PTRJ and four sessions of Records Conservation Course have been conducted. A total of 136 Records Management Course conducted in-house at the various Ministries/Departments/Government Agencies have also been implemented.

Sepanjang tahun 2012 juga, Seksyen Konsultasi dan Latihan telah melaksanakan sebanyak 35 kursus/bengkel khusus kepada pegawai/kakitangan Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Seksyen Sumber Manusia.

Throughout the year 2012, the Consultancy and Training Section has implemented a total of 35 courses / workshops specifically to officers/staff of the National Archives of Malaysia in collaboration with the Human Resource Section.

Carta Sesi Konsultasi
Consultancy Session Chart



Pewujudan Jawatan Kader Pegawai Arkib

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti telah berjaya mengadakan kajian bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkenaan pewujudan jawatan kader Pegawai Arkib di setiap kementerian. Beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan pihak JPA mulai 5 Julai 2012 dan akhirnya Arkib Negara Malaysia mendapat surat persetujuan JPA bertarikh 31 Disember 2012. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO) Bilangan 9 Tahun 2012 pada 3 Disember 2012 telah menimbang dan bersetuju untuk mewujudkan jawatan kader Pegawai Arkib bagi mengetuai Seksyen Pengurusan Rekod dan ditempatkan di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan di kementerian serta menetapkan tiga model perjawatan Seksyen Pengurusan Rekod di kementerian. Pewujudan jawatan kader Pegawai Arkib adalah secara tukar ganti (*trade off*) dengan mana-mana jawatan sedia ada di kementerian atau agensi di bawahnya.

Establishment of Archivist Cadre Posts

The Policy, Standard and Quality Management Section has successfully held a study together with the Public Service Department (PSD) related to the establishment of Archivist cadre posts in every ministry. A number of discussion sessions were held with PSD beginning July 5th, 2012 and finally the National Archives of Malaysia received a letter of PSD's approval on December 31st, 2012. The Organisational Development Working Committee Meeting (JKKPO) No.9 Year 2012 held on December 3rd, 2012 had reviewed and agreed to the establishment of the cadre Archivist to head the Records Management Section and placed under the Management Services Division at the ministry and had set three establishment models of Records Management Section at the ministry. The establishment of the Archivist cadre post is by way of a trade off with the present post at the ministries or its agencies.

Kementerian yang ditetapkan untuk Model A (Pegawai Arkib S 48)
Ministries fixed for Model A (Archivist S 48)

BIL NO	KEMENTERIAN MINISTRY
1.	Jabatan Perdana Menteri <i>Prime Minister's Department</i>
2.	Kementerian Dalam Negeri <i>Ministry of Home Affairs</i>
3.	Kementerian Pelajaran <i>Ministry of Education</i>
4.	Kementerian Kesihatan <i>Ministry of Health</i>
5.	Kementerian Pengajian Tinggi <i>Ministry of Higher Education</i>

Kementerian yang ditetapkan untuk Model B (Pegawai Arkib S 44)
Ministries fixed for Model B (Archivist S 44)

BIL NO	KEMENTERIAN MINISTRY
1.	Kementerian Pertahanan <i>Ministry of Defence</i>
2.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri <i>Ministry of International Trade and Industry</i>
3.	Kementerian Kewangan <i>Ministry of Finance</i>
4.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air <i>Ministry of Energy, Green Technology and Water</i>
5.	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan <i>Ministry of Information, Communication and Culture</i>
6.	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar <i>Ministry of Natural Resources and Environment</i>
7.	Kementerian Luar Negeri <i>Ministry of Foreign Affairs</i>
8.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani <i>Ministry of Agriculture and Agro-based Industry</i>
9.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah <i>Ministry of Rural and Regional Development</i>
10.	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi <i>Ministry of Plantation Industries and Commodities</i>
11.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi <i>Ministry of Science, Technology and Innovation</i>
12.	Kementerian Kerja Raya <i>Ministry of Public Works</i>

Kementerian yang ditetapkan untuk Model C (Pegawai Arkib S 41) *Ministries fixed for Model C (Archivist S 41)*

BIL NO	KEMENTERIAN MINISTRY
1.	Kementerian Belia dan Sukan <i>Ministry of Youth and Sports</i>
2.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan <i>Ministry of Housing and Local Government</i>
3.	Kementerian Pengangkutan <i>Ministry of Transport</i>
4.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan <i>Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism</i>
5.	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar <i>Ministry of the Federal Territories and Urban Well-being</i>
6.	Kementerian Pelancongan <i>Ministry of Tourism</i>
7.	Kementerian Sumber Manusia <i>Ministry of Human Resources</i>
8.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat <i>Ministry of Women, Family and Community Development</i>

Mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara

Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti selaku Urus Setia kepada Lembaga Penasihat Arkib Negara telah menguruskan dua mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara iaitu Mesyuarat Lembaga Penasihat Ke-42 pada 17 Mei 2012 dan Mesyuarat Lembaga Penasihat Ke-43 pada 15 Oktober 2012. Mesyuarat telah dihadiri oleh YB Puan Hajah Nancy binti Shukri (Ahli Parlimen Batang Sadong, Sarawak), YBhg. Tan Sri Ab Kadir bin Mohamad (Fellow Kehormat ISIS), YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf, YBhg. Tan Sri Abd Ghafar bin Mahmud (Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia), YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin bin Hj. Mohd Dom, YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal bin Kling, YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, YBhg. Puan Hjh. Daresah binti Hj. Ismail dan YBrs. Puan Nor'aini binti Abdul Razak (Timbalan Pengarah Projek, Unit e-Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia).

MS ISO Arkib Negara

Selaku urus setia MS ISO Arkib Negara Malaysia, Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti telah berjaya menguruskan Audit Kualiti Dalam Bil 1/2012 pada 9 hingga 27 Julai 2012 dan Audit Kualiti Dalam Bil 2/2012 bermula

Meetings of the Advisory Board of the National Archives

The Policy, Standard and Quality Management Section as Secretariat to the Board of Advisors of the National Archives had organised two Meetings of the Board of Advisors which were the 42nd Board of Advisors Meeting on May 17th, 2012 and the 43rd Board of Advisors Meeting on October 15th, 2012. The Meeting was attended by YB Hajah Nancy binti Shukri (Member of Parliament Batang Sadong, Sarawak), YBhg. Tan Sri Ab Kadir bin Mohamad (Hon. Fellow ISIS), YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf, YBhg. Tan Sri Abd Ghafar bin Mahmud (Director General of Education Malaysia), YBhg. Tan Sri Dato' Hj. Alimuddin bin Hj. Mohd Dom, YBhg. Prof. Datuk Dr. Zainal bin Kling, YBhg. Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali, YBhg. Mrs. Hjh. Daresah binti Hj. Ismail and YBrs. Puan Nor'aini binti Abdul Razak (Deputy Director for Project, e-Perolehan Unit, Ministry of Finance Malaysia).

National Archives MS ISO

As the MS ISO secretariat for the National Archives of Malaysia, the Policy, Standard and Quality Management Section has also successfully managed Internal Quality Audit No. 1/2012 on July 9th to 27th, 2012 and Internal Quality Audit



Mesyuarat Lembaga Penasihat Arkib Negara Malaysia Ke-42 yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Batang Sadong, YB Puan Hajah Nancy Haji Sukri.

The 42nd Advisory Board Meeting of the National Archives of Malaysia chaired by YB Mrs. Hajah Nancy Haji Sukri, the Member of Parliament for Batang Sadong.

pada 12 November 2012 dan selesai pada 11 Januari 2013. Audit Pemantauan oleh pihak SIRIM pula telah diadakan pada 24 Oktober 2012 yang melibatkan seramai tiga orang Juruaudit daripada SIRIM. Kursus Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 Arkib Negara Malaysia telah diadakan pada 29 hingga 31 Mei 2012 dan dihadiri oleh 16 Pemilik Prosedur. Seramai 20 orang Juruaudit Kualiti Dalamann telah menghadiri Kursus Audit Dalamann Berasaskan Proses (*Process Approach Auditing*) MS ISO 9001:2008 Arkib Negara Malaysia pada 5 hingga 7 November 2012. Dokumen ke Pejabat-Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor.

Sesi Inspektorat

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Inspektorat telah berjaya melaksanakan sejumlah 40 sesi inspektorat di kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Pencapaian tersebut telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan kerana seksyen ini telah dilantik sebagai panel penilai bagi Kriteria Pengurusan Rekod dalam Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang Negeri Selangor atas jemputan Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Sebanyak 28 jabatan dan agensi Negeri Selangor terlibat dalam penilaian ini.

No. 2/2012 which started on November 12th and completed on January 11th, 2013. The Monitoring Audit by SIRIM was held on October 24th, 2012 which involved three Auditors from SIRIM. A course on Maintenance and Upgrading on Quality Management System MS ISO 9001:2008 the National Archives of Malaysia was held from May 29th to 31st, 2012 and was attended by 16 Procedure Holders. On November 5th to 7th, 2012, a total of 20 Internal Quality Auditors attended the Internal Auditors Process Approach Auditing Course MS ISO 9001:2008 National Archives of Malaysia. Visit to the District and Land Offices of Selangor.

Inspectorate Session

Throughout 2012, the Inspectorate Section had successfully implemented a total of 40 inspectorate sessions at ministries, departments and government agencies. The achievements had surpassed the set target, for this section had been appointed as the evaluation panel for Records Management Criteria in the Selangor state Office Management and Administration Excellence Award by invitation of the Corporate Division, Selangor State Government State Secretary's Office. A total of 28 departments and agencies of the State of Selangor were involved in this evaluation.'

Selain itu, Seksyen Inspektorat juga telah mengadakan kerjasama strategik dengan Cawangan Negeri/ Badan Berkanun/Daerah/PBT, Bahagian Inspektorat dan Pengiktirafan, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan melaksanakan Lawatan Inspektorat Pengurusan Rekod dan Keselamatan.

Seksyen Inspektorat juga telah melaksanakan sejumlah lima sesi lawatan dan pemeriksaan inspektorat ke syarikat ataupun pembekal perkhidmatan pengurusan rekod swasta yang memohon kelulusan pendaftaran kod bidang.

In addition, the Inspectorate Section had also provided strategic co-operation with State Branches/Statutory Bodies/ District/ Local Councils, the Inspectorate and Accreditation Division, the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) by implementing Records Management and Document Security Inspectorate.

The Inspectorate Section had also performed a total of five visits and inspectorate inspection sessions to companies or private record management service providers which have requested approval for registration of subject codes.



Pemeriksaan dan semakan sedang dilaksanakan oleh Pasukan Inspektorat ke atas fail-fail semasa lawatan inspektorat pengurusan rekod di Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya pada 25 April 2012

The Inspectorate Team conducting an examination and inspection on a files during a record management inspectorate visit to the Kuala Lumpur/Putrajaya Federal Territory Health Department

Penilaian Penarafan Bintang (Sistem Star Rating – SSR)

Pada tahun 2012, Seksyen Inspektorat telah meneruskan penglibatan dalam pelaksanaan Penilaian Penarafan Bintang (Sistem Star Rating –SSR) bagi kriteria Pengurusan Rekod. Pada tahun ini, penilaian kepada 25 Kementerian telah dilaksanakan pada 5 hingga 28 Jun 2012 dan penilaian kepada sembilan Agensi Pusat dan Jabatan Utama (APIU) bermula pada 6 Ogos hingga 5 Oktober 2012. Penglibatan Arkib Negara Malaysia dalam Penilaian Star Rating ini secara tidak langsung telah memperkasakan peranan Arkib Negara Malaysia dalam menguruskan rekod awam.

Star Ratings Assessment (Star Ratings System – SRS)

In 2012, the Inspectorate Section had continued to be involved in the implementation of the Star Ratings Assessment (Star Rating System – SRS) in the Records Management criteria. This year, the assessment to 25 ministries were implemented from June 5th to 28th, 2012 and nine Central Agencies and Main Departments (APIU) which began on August 6th to October 5th, 2012. The National Archives of Malaysia's involvement in Star Rating Assessment had indirectly enhanced the roles of the National Archives of Malaysia in managing public records.



Panel penilai Penilaian Penarafan Bintang 2013 bergambar bersama Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Dato' Dr. Ismail Alias (duduk, tengah) pada 21 September 2012.

The assessment panelists of Star Rating Assessment 2013 pictured with Deputy Director General of Public Service (Operations), Public Service Department of Malaysia, Dato' Dr. Ismail Alias (seated, centre) on 21th September 2012.

Lawatan Rasmi Luar Negara

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Hubungan Antarabangsa telah berjaya menyelaras dan menguruskan 22 lawatan rasmi dari luar negara (Oman, India, Vietnam, Bangladesh, Brunei Darussalam, Thailand, Peoples Republic of China, Fiji, Indonesia, Australia, Belanda dan Arab Saudi). Jumlah keseluruhan pelawat dari luar negara bagi tahun 2012 adalah seramai 136 orang. Seksyen ini juga telah menyelaras dan mengurus sebanyak enam latihan penempatan yang melibatkan 13 orang pegawai dari pelbagai institusi luar negara.

Selain itu, seksyen ini juga telah menyelaras dan mengurus sebanyak 10 lawatan rasmi ke luar negara yang melibatkan 16 orang pegawai Arkib dan pegawai Sistem Maklumat untuk menghadiri mesyuarat, seminar, persidangan, bengkel, kursus dan sebagainya. Seramai 15 orang pegawai Arkib juga telah menjalankan kajian pengesanan bahan arkib mengenai Malaysia di empat buah negara iaitu United Kingdom, Belanda, Australia dan India. Seksyen ini juga telah menyelaras satu projek lawatan rasmi yang diketuai oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Pn Hj Daresah Hj Ismail ke tiga institusi Arkib di India iaitu National Archives

Official Foreign Visits

During the year 2012, the International Relations Section had successfully coordinated and managed a total of 22 official visits from foreign nation (Oman, India, Vietnam, Bangladesh, Brunei Darussalam, Thailand, Peoples Republic of China, Fiji, Indonesia, Australia, the Netherlands and Saudi Arabia). The overall total of foreign visitors for 2012 was 136. This section had also coordinated and managed a total of six placement training involving 13 officers from various foreign institutions.

In addition, this section had also co-ordinated and managed 10 official visits to foreign nations involving 16 archivists and Information System officers who were attending meetings, seminars, conferences, workshops, courses and others. A total of 15 Archivists had carried out archive materials tracking study about Malaysia in four countries namely United Kingdom, the Netherlands, Australia and India. This section had also co-ordinated one official visit project headed by the Director General the National Archives of Malaysia, Pn Hj Daresah Hj Ismail to three Archive Institutions in India namely the National Archives of India in New Delhi,



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Puan Hajah Daresah Haji Ismail bersama-sama delegasi dari Oman bagi sesi penempatan sambil belajar mereka di Arkib Negara Malaysia pada 2 hingga 6 April 2012.

Director General National Archives of Malaysia, Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail with delegates from Oman for their study placement session at the National Archives of Malaysia from April 2nd to 6th, 2012.



Ketua Seksyen Arkib Pandang Dengar, Cik Habibah Ismail memberi penerangan kepada delegasi dari Bangladesh Film Archive yang mengadakan lawatan ke Arkib Negara pada 21 Jun 2012.

Head of Audio Visual Archives Section, Ms. Habibah Ismail briefed the delegation from Bangladesh Film Archive on a visit to the National Archives on June 21st, 2012.

of India di New Delhi, West Bengal State Archives di Kolkata dan Tamil Nadu State Archives di Chennai.

Kertas Cadangan Ikhtisas

Pada tahun ini juga, sebanyak tiga kertas cadangan ikhtisas telah disediakan untuk beberapa geran antarabangsa, antaranya dua kertas cadangan untuk *Project Proposal for UNESCO Participation Programme for Biennial Sectorial Priority 1 – Year 2012 – 2013* dan satu kertas cadangan untuk *ASEAN Sub Committee on Culture Grant*. Tiga lagi kertas cadangan telah dikemaskini dan dikemukakan semula untuk geran *ASEAN Plus Three Cultural Cooperation (APTCC)*.

West Bengal State Archives in Kolkata and Tamil Nadu State Archives in Chennai.

Proposal Papers on Professionalism

During the year, a total of three professional paper proposals were prepared for several international grants, such as the two proposal papers for Project Proposal for UNESCO Participation Programme for Biennial Sectorial Priority 1 – Year 2012 – 2013 and one proposal paper for ASEAN Sub Committee on Culture Grant. Another three proposal papers were refined and resubmitted for the ASEAN Plus Three Cultural Cooperation (APTCC) grant.

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan

*Government Records Management
Division*



BAHAGIAN Pengurusan Rekod Kerajaan

Government Records Management Division

PROFIL

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti pengurusan rekod secara menyeluruh iaitu bermula dari pewujudan, penggunaan, pemeliharaan dan pelupusan rekod seperti yang termaktub di dalam Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Bahagian ini terdiri daripada empat seksyen iaitu Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Seksyen Pelupusan Rekod, Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana serta Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik. Bahagian ini berfungsi untuk mengurus dan memelihara rekod kerajaan yang amat penting sebagai bahan bukti yang menjadi asas kepada penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod memainkan peranan dalam menerima dan memproses semua jenis rekod awam kecuali bahan audio visual. Seksyen ini juga menyimpan bahan yang diterima sehingga mencapai taraf arkib dan dipindahkan ke Seksyen Repositori. Selain itu, seksyen ini juga memberi khidmat nasihat kepakaran mengenai penubuhan dan penyelenggaraan bilik rekod dan pusat rekod agensi.

Seksyen Pelupusan Rekod bertanggungjawab dalam melaksanakan Bengkel Pelupusan Rekod Awam dan Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod (JPR), melaksanakan penilaian rekod dan memberi kebenaran pelupusan rekod awam dalam masa enam bulan dari permohonan lengkap diterima bagi rekod yang tidak dinyatakan dalam JPR, memberi kebenaran pelupusan rekod awam dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima bagi rekod yang dinyatakan dalam JPR dan menghasilkan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian Jabatan dalam tempoh enam bulan dari tarikh Bengkel JPR.

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik (SPRE) bertanggungjawab melaksanakan program dan aktiviti Pengurusan Rekod Elektronik di sepanjang kitaran hayat rekod di Pejabat Awam, ini termasuklah melaksanakan khidmat nasihat/demo pelaksanaan pengurusan rekod elektronik dan aplikasi pengurusan rekod elektronik yang diguna pakai di Arkib Negara Malaysia. SPRE juga dipertanggungjawabkan melaksanakan program kerjasama dengan MAMPU iaitu Projek Digital Document Management System (DDMS) Sektor Awam. Projek ini merupakan Projek National Key Economic Area di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

PROFILE

The Government Records Management Division is responsible for the implementation of a comprehensive records management activities starting from the creation, usage, preservation and disposal of records as stipulated in the National Archives Act 2003 (Act 629). This division consists of four sections namely, Records Centre Services Section, Records Disposal Section, Vital Records and Disaster Recovery Section, as well as Electronic Records Management Section. The function of this Division is to manage and preserve important government records which become the source of material evidence that form the basis for improvement of government service delivery system.

The Records Services Centre Section plays a role in receiving and processing all types of public records except for audio-visual materials. This section also received records and stored them till these become archive and these were then moved to the Repository Section. Apart from that, this section also provides expert advice services on the establishment and maintenance of records room and agency's records centre.

The Records Disposal Section is responsible for implementing Workshop on Public Records Disposal and Workshop on Preparation of Records Disposal Schedule (JPR), performed records assessment and authorize disposal of public records within 6 months from the date of receiving the complete application for records that are not specified in the JPR, authorize the disposal of public records within 14 working days from the date of receiving the complete application for records that are specified in the JPR and to produce Functional Records Disposal Schedule for the department within 6 months' duration from the date of the JPR Workshop.

The Electronic Records Management Section (SPRE) is responsible for implementing programmes and activities of Electronic Records Management throughout the life cycle of the records in Public Office, including implementing advisory services / demo on implementation of electronic records management and electronic records management application which are used at the National Archives of Malaysia. SPRE is also responsible for executing programmes in collaboration with MAMPU for Digital Document Management System (DDMS) Project in the public sector. This project is a National Key Economic Area Project under the Economic Transformation Programme (ETP).

Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana bertanggungjawab kepada keselamatan dan pemeliharaan Rekod Penting Negara sama ada yang aktif atau tidak. Rekod penting tersebut amat diperlukan untuk meneruskan operasi sesebuah organisasi ketika dan selepas berlakunya bencana. Seksyen ini juga berperanan dalam memberi khidmat nasihat/konsultansi dan membantu Pejabat Awam membangunkan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) Kerajaan serta pengurusan/program rekod penting di Kementerian/Jabatan/Agensi, Badan Berkanun dan Syarikat Perusahaan Kerajaan (GLC) bagi persediaan menghadapi bencana yang mungkin berlaku dan menyebabkan kerosakan pada rekod-rekod awam yang bernilai untuk rujukan dan penyelidikan. Seksyen ini juga bertanggungjawab dalam menyediakan Pelan Tindakan Bencana Rekod dan pengurusan rekod penting bagi Arkib Negara Malaysia.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Seminar ‘Transformasi Pengurusan Rekod - Ke Arah Penerapan Budaya Kerja Dalam Persekitaran Elektronik’

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan telah berjaya menganjurkan Seminar ‘Transformasi Pengurusan Rekod - Ke Arah Penerapan Budaya Kerja Dalam Persekitaran Elektronik’ selama empat hari pada 18 hingga 21 Jun 2012. Seminar ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat pertama pada 18 hingga 19 Jun 2012 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya yang dihadiri oleh 283 orang penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi, Badan Berkanun dan Syarikat Perusahaan Kerajaan (GLC). Manakala peringkat kedua telah diadakan pada 20 hingga 21 Jun 2012 di Auditorium Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara (PPPAV), Arkib Negara Malaysia yang telah disertai oleh 189 orang terdiri daripada Pegawai Arkib, pensyarah universiti dan syarikat swasta.

Seminar ini diadakan bagi meningkatkan pengetahuan penjawat awam mengenai kepentingan kawalan rekod secara bersistematik dari peringkat pewujudan sehingga pelupusan selaras dengan peruntukan di dalam piawaian MS 2223 : *Information and documentation – Records Management Part 1 (General)* dan *Part 2 (Guidelines)*. Selain itu, seminar ini diadakan bagi memenuhi permintaan Kementerian/Jabatan/Agensi terhadap pengurusan rekod yang merupakan salah satu kriteria dalam pelaksanaan

The Vital Records and Disaster Recovery Section is responsible on the security and preservation of National Vital Records which are active or otherwise. The Vital Records are most needed to proceed with the organisation’s operation during and after the disaster. This section also has a role in providing advisory services/consultations and assisting the Public Office developing the government’s Records Disaster Action Plan (PTBR) as well as vital records management/programme at Ministry/Department/Agency, Statutory Bodies and Government Linked Companies (GLC) as probable disaster preparedness and which may cause destructions to the invaluable public records for reference/research. This section is also responsible for providing Records Disaster Action Plan (PTB) and vital records management for the National Archives of Malaysia.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

‘Seminar on Record Management Transformation - Towards Inculcating Work Culture in Electronic Environment’

The Government Records Management Division had successfully organised a ‘Record Management Transformation – Towards Inculcating Work Culture in Electronic Environment’ Seminar for four days from June 18th to 21st, 2012. This seminar was conducted in two stages, the first stage was on June 18th and 19th, 2012 at the Seri Siantan Hall, Putrajaya Holdings Complex attended by 283 public officers from various Ministries/Departments/Agencies, Statutory Bodies and Government Linked Companies (GLC). The second stage was held on June 20th and 21st, 2012 at the National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials (PPPAV), the National Archives of Malaysia attended by 189 archivists, university lecturers and private companies.

This seminar was to elevate the knowledge of public officers with regards to the importance of systematic record control from the creation stage to disposal in line with the provision under the standard MS 2223 : Information and Documentation – Record Management Part 1 (General) and Part 2 (Guidelines). In addition, this seminar was held in order to fulfill the request by Ministries/Departments/Agencies with regards to record management which form one of the criteria in implementation of the Star Ratings Award Assessment.



Klinik Konsultansi yang diadakan sempena Seminar Transformasi Pengurusan Rekod Sektor Awam - Ke Arah Penerapan Budaya Kerja Persekitaran Elektronik pada 19 Jun 2012.

Consultancy Clinic held in conjunction with the Public Sector Records Management Transformation Seminar – Towards Towards Adopting Work Culture in the Electronic Environment on June 19th, 2012.

Penilaian Penarafan Bintang. Seminar ini juga bertepatan dengan hasrat kerajaan dalam pelaksanaan Kerajaan Tanpa Kertas (*Paperless Government*) melalui Projek *Digital Document Management System* (DDMS) di bawah *Entry Points Projects* (EPP8), Program Transformasi Ekonomi.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan. Beliau turut melancarkan aplikasi e-Pelupusan yang telah dibangunkan oleh Arkib Negara bagi membolehkan pejabat awam membuat permohonan pelupusan rekod dan menerima kelulusan secara dalam talian. Arkib Negara juga telah menyerahkan Pelan Strategik Transformasi Pegawai Arkib kepada beliau yang membuktikan komitmen profesion Pegawai Arkib dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Pada sesi seminar ini para peserta berpeluang berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam bidang pengurusan rekod elektronik dan standard pengurusan rekod melalui pakar rujuk yang dijemput khas dari Australia iaitu Ms. Judith Ellis dari Enterprise Knowledge Pty Ltd dan Ms. Georgina Grey dari National Archive of Australia.

This seminar was also in tandem with the aspiration of the government in the implementation of Paperless Government through the Digital Document Management System (DDMS) Project under the Entry Points Projects 8 (EPP8), of the Economic Transformation Programme.

This seminar was officiated by the Chief Secretary to the government, YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan. He also launched the e-Disposal application which was developed by the National Archives thus enabling public offices to request via online for an application to dispose records and getting the appropriate approval. The National Archives of Malaysia has also handed-over the Archivists Strategic Transformation Plan to him which put proof to the professional commitment of Archivists in providing the best services to the community and the nation.

During the seminar session, participants had the opportunity to share experiences and expertise in the field of electronic record management and record management standard by way of the specially invited specialists from Australia namely Ms. Judith Ellis from Enterprise Knowledge Pty Ltd and Ms. Georgina Grey from the National Archive of Australia.

Selain itu beberapa orang penceramah dari dalam negara juga turut berkongsi pengalaman mereka iaitu Encik Shaidin bin Shafie (Ketua Seksyen Konsultansi Dan Latihan), Puan Hemalatha Ramasamy (Ketua Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik), Encik Jaafar Sidek Abdul Rahman (Ketua Seksyen Pelupusan Rekod), Dr. Norzaman bin Nordin (Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan EG) dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Dr. Resali bin Muda (Pensyarah Fakulti Syariah Dan Undang-Undang) dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga menyampaikan taklimat mengenai Akta Arkib Negara, *Digital Document Management System* (DDMS) dan pra-syarat pelaksanaan *Electronic Records Management System* (ERMS), pewujudan jawatan kader Pegawai Arkib dan pelupusan rekod awam.

Bengkel Penyelarasan Penyediaan Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian

Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan telah mengadakan Bengkel Penyelarasan Penyediaan Klasifikasi Fail dan JPR Fungsian pada 20 hingga 22 Mei 2012 bertempat di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson. Bengkel telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Encik Azemi Abdul Aziz dan telah dihadiri oleh 26 orang pegawai dari Bahagian Pengurusan Rekod Kerajaan (BRK) dan Seksyen Konsultansi dan Latihan, Bahagian Perancangan dan Penyelarasan (BPP). Bengkel ini bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan pelaksanaan Penyediaan Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian. Selain itu, bengkel ini diharapkan dapat memantapkan Pasukan Penyediaan Klasifikasi pelaksanaan *Digital Document Management System* (DDMS) dan seterusnya untuk menghasilkan Standard Operating Prosedur (SOP) dan carta aliran kerja yang seragam serta dapat meyakinkan pejabat awam mengenai kepakaran Pegawai Arkib.

Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Pelupusan Rekod telah melaksanakan 26 Bengkel Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian yang melibatkan 25 buah Kementerian/Jabatan/ Agensi seperti berikut:

In addition, a number of speakers shared their experiences namely Mr. Shaidin bin Shafie (Head of Consultation and Training Section), Mrs. Hemalatha Ramasamy (Head of Electronic Records Management Section), Mr. Jaafar Sidek Abdul Rahman (Head of Record Disposal Section), Dr. Norzaman bin Nordin (Deputy Director Development and Management Division EG) from the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) and Dr. Resali bin Muda (Lecturer Syariah And Law Faculty) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). He also delivered a briefing on the National Archives Act, Digital Document Management System (DDMS) and the pre-requisite for the implementation of Electronic Records Management System (ERMS), establishment of Archivist cadre posts and public records disposal.

Workshop on Co-ordination for the Preparation of Files Classification and Functional Records Disposal Schedule

The Government Records Management Division has held a Workshop on Co-ordination for the Preparation of Files Classification and the Functional Records Disposal Schedule on May 20th to 22nd, 2012 at the Avillion Admiral Cove, Port Dickson. The workshop was officially opened by the Deputy Director, Encik Azemi Abdul Aziz and was attended by 26 officers from the Government Records Management Division (BRK) and the Consultancy and Training Section, Planning and Co-ordination Division (BPP).

The aim of the workshop was to co-ordinate and streamline the implementation for the Preparation of Files Classification and the Functional Records Disposal Schedule. In addition, it was hoped that the workshop would strengthen the team for the Preparation of Records Classification in the implementation of Digital Document Management System (DDMS) and subsequently to produce the Standard Operating Prosedure (SOP) and uniform work flow chart as well as instilling public office confidence with regards to the expertise of Archivists.

Preparation of Functional Records Disposal Schedule

During the year 2012, the Record Disposal Section had implemented 26 Workshop on the Preparation of Functional Records Disposal Schedule involving 25 Ministries/ Departments/Agencies as follows:

BIL. No.	JABATAN Department	TARIKH BENGKEL/ TAKLIMAT Date of Workshop/Briefing
1.	Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) JPM <i>Implementation and Co-ordination Unit (ICU) Prime Minister's Department</i>	16-18 Feb 2012
2.	Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) <i>Medical Development Division, Ministry of Health (KKM)</i>	20-22 Feb 2012
3.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) <i>Public Service Commission (SPA)</i>	23 Mac 2012
4.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) <i>The National University of Malaysia (UKM)</i>	2-3 April 2012 dan 10-11 Okt 2012
5.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan <i>The Federal Territory Islamic Religious Council</i>	16-18 April 2012
6.	Kementerian Pengajian Tinggi <i>Ministry of Higher Education</i>	23 April 2012
7.	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) <i>Ministry of Natural Resources and the Environment</i>	2-4 Mei 2012
8.	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang <i>Pahang Development Corporation</i>	8-10 Mei 2012
9.	Kementerian Sumber Manusia <i>Ministry of Human Resource</i>	16-18 Mei 2012
10.	Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) <i>Intellectual Property Corporation of Malaysia</i>	23-25 Mei 2012
11.	Pusat Zakat Melaka <i>Malacca Tithes Centre</i>	25-27 Mei 2012
12.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah <i>Ministry of Rural and Regional Development</i>	30 Mei 2012
13.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Selangor <i>Department of Town and Country Planning (JPBD) selangor</i>	11-13 Jun 2012
14.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air <i>Ministry of Energy, Green Technology and Water</i>	14-15 Jun 2012
15.	Majlis Perbandaran Sepang <i>Selangor Municipal Council</i>	28-30 Jun 2012
16.	Kementerian Pengajian Tinggi <i>Ministry of Higher Education</i>	7-8 Jun 2012
17.	Kementerian Dalam Negeri <i>Ministry of Home Affairs</i>	2-4 Julai 2012
18.	Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (MPIC) <i>Ministry of Plantation Industries and Commodities (MPIC)</i>	16 –18 Julai 2012
19.	Jabatan Perkhidmatan Awam <i>Public Service Department</i>	2 Ogos 2012
20.	Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan <i>Education Department of Federal Territory</i>	3-5 Sept 2012
21.	Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia <i>Text Books Division, Ministry of Education</i>	6 Sept 2012
22.	Jabatan Pengairan dan Saliran <i>Drainage and Irrigation Department</i>	10-12 Sept 2012

BIL. No.	JABATAN <i>Department</i>	TARIKH BENGKEL/ TAKLIMAT <i>Date of Workshop/Briefing</i>
23.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia <i>Fire and Rescue Department, Malaysia</i>	18-19 Sept 2012
24.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) <i>Ministry of International Trade and Industry (MITI)</i>	12-14 Dis 2012
25.	Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) <i>Royal Malaysian Navy (TLDM)</i>	17-19 Dis 2012

Ekoran daripada bengkel-bengkel yang telah dilaksanakan pada tahun 2011, Jabatan yang telah dapat menerbitkan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian bagi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). JPR yang telah diterbitkan ini akan digunapakai oleh KEDA dan MAMPU dalam melaksanakan pelupusan rekod Urusan Fungsian mereka. Melalui Jadual ini juga akan membantu pejabat awam tersebut mendapatkan kelulusan pemusnahan rekod fungsian dengan cepat iaitu dalam tempoh 14 hari bekerja berbanding piagam pelanggan yang boleh mencecah hingga 6 bulan.

Pelupusan Rekod

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Pelupusan Rekod telah melaksanakan 31 Bengkel Pelupusan Rekod yang melibatkan 31 buah Kementerian/ Jabatan/ Agensi. Ekoran daripada bengkel yang telah dilaksanakan, Kementerian/ Jabatan/ Agensi telah dapat melegakan ruang simpanan rekod mereka dan melancarkan tadbir urus rekod di Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing.

Cakna Klasifikasi Fail Dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian

Seksyen Pelupusan Rekod telah mengadakan Cakna Klasifikasi Fail dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian pada 9, 10 dan 12 April 2012 bertempat di Auditorium Bangunan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara (PPPAV), Arkib Negara Malaysia. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada agensi-agensi kerajaan tentang kepentingan dan tatacara membangunkan sesebuah klasifikasi fail dan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian yang mana ia dapat membantu menyeragamkan sistem fail pejabat awam serta mengenal pasti tempoh simpanan bagi rekod-rekod yang diwujudkan di pejabat awam itu. Seramai 376 orang pegawai perkhidmatan awam daripada 60 buah agensi yang terlibat dengan

Subsequent to the workshop being implemented in 2011, the Department had produced Functional Record Disposal Schedule for Kedah Economic Development Authority (KEDA) and the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). The published Functional Record Disposal Schedule was being used by KEDA and MAMPU in the implementation of their dealings with functional record disposal. This schedule has also assisted the public office to request for speedy approval in the disposal of functional records namely within the duration of 14 working days as compared to the client's charter which can reach up to 6 months.

Records Disposal

Throughout 2012, the Record Disposal Section had implemented 31 Workshop on Record Disposal involving Ministries/ Departments/ Agencies. Subsequently, the Ministries/ Departments/ Agencies were able to relieve their record storage space and launched record governance in their respective Ministries/ Departments/ Agencies.

Caring for File Classification and Functional Records Disposal Schedule

The Record Disposal Section conducted a File Classification and Functional Records Disposal Schedule Caring Session on April 9th, 10th and 12th, 2012 held at the National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials (PPPAV), the National Archives of Malaysia. This programme was aimed at providing early exposures to government agencies on the importance of and the procedures in developing certain file classification and Functional Records Disposal Schedule where it will assist in the public office file system uniformity as well as identifying the duration of storage of records established in the public office. A total of 376 public service officers from 60 agencies were involved in star rating, the Office of the State Secretariat as well as the

'penarafan bintang' atau *star rating*, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan telah menghadiri program ini. Perasmian dan majlis penutup cakna telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Dua orang penceramah telah membentangkan kertas iaitu Ketua Seksyen Pelupusan Rekod, En. Jaafar Sidek Abdul Rahman dengan tajuk 'Klasifikasi Fail: Mengapa Perlu Seragam dan Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian dan Kepentingannya' serta Ketua Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik, Pn. Hemalatha Ramasamy dengan tajuk 'Inventori Rekod Jabatan Bagi Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod'.

Local Councils had attended this programme. The opening and closing ceremony for the session was officiated by the Director General, the National Archives of Malaysia. Two speakers had presented papers, Head of Record Disposal Section, Mr. Jaafar Sidek Abdul Rahman with the title 'File Classification: The Need for Uniformity and Preparation of Functional Records Disposal Schedule and Its Importance' as well as Head of Electronic Record Management Section, Mrs. Hemalatha Ramasamy with the title 'Departmental Record Inventory for the Preparation of Record Disposal Schedule'.



Para peserta yang mengikuti program Cakna Klasifikasi Fail dan JPR Fungsian pada 9 April 2012
Participants attending a program on Caring for File Classification and Functional Records Disposal Schedule on April 9th, 2012.

Panduan Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian

Kaedah pelupusan rekod melalui Jadual Pelupusan Rekod (JPR) telah dikenalpasti sebagai satu kaedah yang paling mudah, cepat dan berkesan dalam melaksanakan pelupusan rekod awam. Oleh itu Arkib Negara Malaysia mengharapkan semua pejabat awam akan membangunkan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Fungsian masing-masing yang khusus bagi menguruskan rekod yang terdapat di pejabat mereka. Kelulusan pelupusan rekod yang menggunakan JPR akan diberi dalam tempoh 14 hari bekerja berbanding permohonan tanpa JPR yang memakan masa lebih panjang ia itu sehingga mencecah enam bulan.

Guide to the Preparation of Functional Record Disposal Schedule

The method of records disposal through Records Disposal Schedule (RDS) has been identified as one of the simplest methods, fast and effective in implementing the disposal of public records. Hence, the National Archives of Malaysia is expecting all public offices would develop their individual Functional Records Disposal Schedule (RDS) dedicated to managing records in their offices. Approval for the disposal of records using the RDS will be given within 14 working days compared to an application without RDS which takes longer and may reach up to six months.

Sehubungan ini, Arkib Negara Malaysia telah membangunkan Panduan Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian dan telah diedarkan kepada semua Kementerian/ Jabatan dan Agensi kerajaan dan Cawangan Negeri, Arkib Negara Malaysia. Panduan ini diterbitkan sebagai rujukan dan panduan kepada pejabat awam dalam membangunkan JPR Fungsian berkenaan. Kaedah penyediaan JPR dalam panduan ini adalah berdasarkan kepada penyediaan Borang Inventori Rekod. Oleh yang demikian pejabat awam perlu memahami langkah-langkah penyediaan yang digariskan dalam panduan ini.

Jadual Pelupusan Rekod Urusan AM

Rekod Urusan Am diwujudkan bagi menyokong pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pentadbiran sesebuah pejabat awam dan ianya terdiri daripada kumpulan rekod Pentadbiran; Tanah, Bangunan dan Infrastruktur; Aset; Kewangan dan Perakaunan; serta Sumber Manusia. Oleh kerana terdapat persamaan dalam kumpulan Rekod Urusan Am di pejabat awam, Arkib Negara Malaysia telah membangunkan Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Urusan Am dan telah diterbitkan dan diedarkan kepada semua Kementerian/ Jabatan dan Agensi kerajaan dan Cawangan Negeri Arkib Negara Malaysia.

JPR Am ini menetapkan tempoh simpanan dan tindakan pelupusan bagi rekod urusan am pejabat awam. Ia dapat digunakan di semua pejabat awam dan sebagai pemudah serta mempercepatkan proses pelupusan rekod. Dengan ini pejabat awam dapat menyediakan permohonan pelupusan rekod melalui borang permohonan yang betul dan lengkap sebelum memajukan permohonan pelupusan rekod ke Arkib Negara Malaysia. Kelulusan pelupusan rekod yang menggunakan JPR akan diberi dalam tempoh 14 hari bekerja berbanding permohonan tanpa JPR yang memakan masa lebih panjang ia itu sehingga mencecah enam bulan.

Taklimat Tatacara Pelupusan Rekod Awam dan Penggunaan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am

Taklimat Pelupusan Rekod dan Tatacara Penggunaan Jadual Pelupusan Rekod Urusan Am dan Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan telah diadakan pada 22 Oktober 2012 di Dewan KPKK Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Putrajaya. Seramai 200 orang penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai Kementerian/Jabatan/

In this regard, the National Archives of Malaysia has developed Guidelines for Preparing Functional Records Disposal Schedule (RDS) and these had been circulated to all Government Ministries / Departments and Agencies and State Branches of the National Archives of Malaysia. This guide was published as a reference and guide to public office in the development of their related Functional RDS. The methods for the preparation of RDS in this guide are based on the preparation of Inventory Record Form. Thus, public office must understand the preparation steps as outlined in this guide.

General Purpose Records Disposal Schedule

The creation of General Purpose Record was to support the implementation of management and administration activities in the public office and this consisted record groups for Administration; Land, Building and Infrastructure; Assets; Finance and Accounts; as well as Human Resource. Due to similarities in the General Purpose Record groups in the public office, the National Archives of Malaysia has developed the General Purpose Records Disposal Schedule (RDS) which had been published and distributed to all government Ministries/ Departments and Agencies and state branches of the National Archives of Malaysia.

The General Purpose Record defined the duration of storage and disposal for the public office general purpose records. This can be used by all public offices and to simplify as well as hasten the records disposal process. Hence, public offices can prepare record disposal application through a proper and complete application form before forwarding the application to the National Archives of Malaysia. Approval for the records disposal using the RDS will be given within 14 working days compared to an application without RDS which takes longer and may reach up to six months.

Briefing on Procedures for Public Records Disposal and Use of the General Purpose Records Disposal Schedule

The briefing on Records Disposal and Procedures on the use of the General Purpose Records Disposal Schedule and Financial and Accounting Records Disposal Schedule was held on October 22nd, 2012 at the MICC Hall, Ministry of Information, Communication and Culture, Putrajaya. A total of 200 public officers from various Ministries/Departments/



Bengkel pemprosesan bahan arkib yang diadakan di Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod pada 20 Mac 2012.
Archival Materials Processing Workshop held at the Record Centre Services Section on March 20th, 2012.

Agensi. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Encik Jaafar Sidek bin Abdul Rahman (Ketua Seksyen Pelupusan Rekod) Arkib Negara Malaysia. Taklimat ini menerangkan kaedah yang betul bagi proses pelupusan rekod dan cara mengisi borang-borang pelupusan rekod yang berkaitan. Seterusnya diikuti dengan sesi soal jawab daripada para peserta.

Penerimaan Rekod Awam dan Lawatan Khidmat Nasihat


Sepanjang tahun 2012, Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod telah menerima rekod-rekod dari pejabat awam berjumlah 8,292 unit merangkumi 163.2 meter panjang untuk bahan fail dan 7202 unit untuk bahan bukan fail. Seksyen ini juga telah membuat lawatan inspektorat ke empat buah pusat rekod swasta yang memohon kod bidang daripada Arkib Negara Malaysia, 15 lawatan khidmat nasihat ke pejabat awam dan tiga lawatan berpandu dari pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi, Badan Berkanun dan Syarikat Perusahaan Kerajaan (GLC).

Agencies attended the briefing. The briefing session was presented by Mr. Jaafar Sidek bin Abdul Rahman (Head Records Disposal Section) the National Archives of Malaysia. This briefing explained the correct procedures for the records disposal process and the way to fill the related records disposal form. In addition, there were questions and answers session with the participants.

Public Records Acceptance and Advisory Services Visit

Throughout 2012, Record Centre Services Section had received records from the public office a total of 8,292 units involving 163.2 meter length of file materials and 7,202 units for non-file materials. This section had also conducted inspectorate visits to four private record centre which had applied for subject code from the National Archives of Malaysia, 15 advisory services visits to public offices and three guided visits from various Ministries/ Departments/ Agencies, Statutory Bodies and Government Linked Companies (GLC).

Carta Penerimaan Rekord Awam / Public Records Acceptance Chart



Majlis Penyerahan Mesin Bio-Master BM 600AC dan Sambutan Ulang Tahun Ke 46 Pusat Rekod

Pada 5 Disember 2012, telah diadakan Majlis Penyerahan dan Perasmian Mesin Bio-Master BM 600AC oleh Syarikat Gemilang Zamrud kepada Arkib Negara Malaysia. Majlis ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf bertempat di Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Petaling Jaya, Selangor. Tarikh perasmian ini juga menyamai tarikh ulang tahun ke-46 perasmian bangunan Pusat Perkhidmatan Rekod iaitu pada 5 Disember 1966 oleh Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. Majlis ini telah dihadiri seramai 150 orang tetamu jemputan termasuk Pengurus Besar Syarikat BioMist Technology Co. Ltd., Encik Choi Yongsin, Ketua Pengarah Arkib Korea, Dr. Hang Sang-Wan dan Mr. Kan Uchida, Agen Syarikat BioMist di Jepun.

Kos mesin ini berjumlah RM 1,617,000.00 dan mesin ini menggunakan bahan Nano Pallet Vapour (NPV) yang dibuat daripada pati herba dan bunga sebagai bahan fumigasi. Penggunaan Mesin Bio-Master BM 600AC berasaskan herba ini bertujuan mengurangkan bahan kimia dalam pemeliharaan rekod dan menyahut seruan kerajaan ke arah penggunaan teknologi hijau dan mesra alam. Ia juga bagi menggantikan kaedah fumigasi cara lama yang menggunakan bahan kimia Methyl Bromide yang boleh mendatangkan kesan sampingan kepada manusia dan alam sekitar.

Ceremony for the handing over of the Bio-Master BM 600AC Machine and the Record Centre's 46th Anniversary Celebration

On December 5th, 2012, a Ceremony to Hand Over and Officiate the Bio-Master BM 600AC Machine by Syarikat Gemilang Zamrud to the National Archives of Malaysia was held. The ceremony was officiated by the Secretary General Ministry of Information, Communication and Culture, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin bin Siaraf at the Record Centre Services Section, Petaling Jaya, Selangor. The date of this official opening coincided with the 46th anniversary of the Record Centre Services official opening on the December 5th, 1966 by the then Deputy Prime Minister, YAB. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. The ceremony was attended by 150 guests including the General Manager BioMist Technology Co. Ltd., Mr. Choi Yongsin, the Director General Archives of Korea, Dr. Hang Sang-Wan and Mr. Kan Uchida, BioMist company agent from Japan.

This machine costs RM 1,617,000.00 and uses Nano Pallet Vapour (NPV) made from the essence of herbs and flowers as the fumigation material. The use of Bio-Master BM 600AC machine which is based on herbs is for the reason of minimising chemical substances in record preservation and responding to the government's call to the use of green and environmentally friendly technology. This is also to replace the old fumigation method which use chemical substance Methyl Bromide which may give rise to adverse side effects to human and the environment.



Ketua Setiausaha KPKK, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf menerima replika kunci Mesin Fumigasi Bio-Master BM 600AC bagi pihak Arkib Negara.

Secretary General of the Ministry of Information, Communication and Culture, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf receiving a replica key of the Bio-Master Fumigation Machine BM 600AC on behalf of the National Archives.

Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod Elektronik

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik (SPRE) telah memberikan khidmat nasihat pengurusan rekod elektronik dan demo pelaksanaan aplikasi pengurusan rekod elektronik Arkib Negara Malaysia kepada 11 Kementerian/Jabatan/Agensi dan Khidmat Nasihat Pelupusan rekod/media kepada dua Kementerian/Jabatan/Agensi sepanjang tahun 2012.

Penyediaan Klasifikasi Fail Sektor Awam

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik telah bertindak selaku urus setia bagi menyelaras kerja-kerja penyediaan klasifikasi fail sektor awam. Sebanyak 11 sesi khidmat nasihat, sembilan bengkel klasifikasi fail dan lima sesi pengharmonian klasifikasi fail telah dilaksanakan pada tahun 2012.

Advisory Services on Electronic Records Management

The Electronic Records Management Section (SPRE) had provided advisory services on electronic records management and demonstration on implementation of the application for electronic records management at the National Archives of Malaysia to 11 Ministries/ Departments/ Agencies and Advisory Service on record/media disposal to two Ministries/ Departments/ Agencies throughout 2012.

Preparation of Public Sector File Classification

The Electronic Records Management Section acted as secretariat for co-ordinating works on the preparation of public sector file classification. A total of 11 advisory services sessions, nine file classification workshops and five file classification harmonising sessions were implemented throughout 2012.

Panduan Pembangunan Klasifikasi Fail Pejabat Awam

Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik telah mengeluarkan Panduan Pembangunan Klasifikasi Fail Pejabat Awam yang meliputi rekod Urusan Am dan Urusan Fungsian sebagai memenuhi keperluan MS 2223 : *Information and documentation – Records Management Part 1 (General)* dan *Part 2 (Guidelines)*. Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada Pejabat Awam mengenai langkah-langkah pembangunan klasifikasi fail. Ketetapan penggunaan klasifikasi fail berdasarkan fungsi di seluruh sektor awam telah dimaklumkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat. Pembangunan klasifikasi fail ini dapat mewujudkan keseragaman dan penyelarasan dalam pengurusan rekod kerajaan yang sistematik dan berkesan di samping mempermudah capaian maklumat yang tepat dan cepat serta mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Kajian Pemindahan Rekod Elektronik ke Arkib Negara Malaysia

Pada 24 Oktober 2012, Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik telah menjalankan kajian ke atas pengurusan dokumen dalam aplikasi Docuflo Versi 4 di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang telah diguna pakai oleh kementerian tersebut sejak tahun 2005. Ia digunakan untuk mempercepatkan capaian kepada dokumen-dokumen pentadbiran yang berstatus terbuka sahaja. Arkib Negara Malaysia telah memohon sampel fail yang dieksport melalui aplikasi Docuflo untuk menjalankan ujian Ingestion ke dalam sistem *Archival Management System* (AMS) bagi melihat sejauh mana data-data tersebut boleh dimasukkan dan disimpan kekal di Arkib Negara Malaysia.

Panduan Penyediaan Pelan Tindakan Bencana Rekod dan Operasi Bencana Rekod

Penyediaan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) adalah selaras dengan Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) dan Panduan Pengurusan Pejabat Bil. 5 Tahun 2007. Panduan ini memberi penerangan mengenai tatacara penyediaan PTBR sebagai persediaan kepada pejabat awam dalam menghadapi sebarang bencana sama ada sebelum, semasa dan selepas berlakunya gangguan atau bencana. PTBR yang menggariskan langkah-langkah keselamatan akan dapat meminimalkan kemusnahan rekod dan dapat memastikan rekod-rekod yang bernilai kekal terpelihara.

Guide to Development of Public Office File Classification

The Electronic Records Management Section had published Guide to Development of Public Office File Classification which covers General Purpose and Functional Purpose records so as to meet the requirements of MS 2223 : Information and documentation – Records Management Part 1 (General) and Part 2 (Guidelines). This guide aims at providing informations to the General Office about steps to the development of file classification. The ruling on the use of file classification based on functions throughout the public sector has been notified by Circular No. 5 of 2007 - Office Management Guide. This file classification development will be able to create uniformity and co-ordination in the management of government records in a systematic and effective manner as well as facilitates access to precise and fast information and improve the delivery of government services.

Study on Transfer of Electronic Records to the National Archives of Malaysia

On October 24th, 2012, The Electronic Records Management Section had conducted a study on document management in the Docuflo Version 4 application at the Ministry of International Trade and Industry which has been used by the ministry since 2005. This was used to expedite access to administrative documents in the open status only. The National Archives of Malaysia has applied for file samples exported through the Docuflo application to conduct Ingestion tests into the Archival Management System (AMS) to see how these data can be entered and stored permanently at the National Archives of Malaysia.

Guide on Preparation of Records Disaster Action Plan and Records Disaster Operations

Preparation of Records Disaster Action Plan (PTBR) is in line with the National Archives Act 2003 (Act 629) and Guidelines on Office Management No. 5 Year 2007. This guide provides a description of the procedures in the preparation of PTBR to prepare public offices in the face of any disaster whether before, during and after a disruption or disaster. PTBR which outlines safety measures will be able to minimize the destruction of records and can ensure valuable records are preserved.

Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam membantu jabatan kerajaan untuk menyelamatkan rekod-rekod yang ditimpa bencana. Sepanjang tahun 2012, Arkib Negara Malaysia telah membantu sebanyak tiga buah jabatan yang telah ditimpa bencana akibat banjir atau limpahan paip air yang menyebabkan banyak rekod-rekod telah rosak. Hasil daripada operasi yang dijalankan, sebanyak lebih kurang 1,500 rekod dapat diselamatkan dan digunakan semula oleh pejabat awam berkaitan.

In addition, this division is also responsible for assisting government departments to save the records involved in disasters. Throughout 2012, the National Archives of Malaysia has helped three departments afflicted by disaster due to flood or pipe water overflow which caused a lot of damaged records. As a result of the operations carried out, a total of approximately 1,500 records were saved and reused by the relevant public offices.

Bahagian Pengurusan Arkib

Archives Management Division



BAHAGIAN Pengurusan Arkib

Archives Management Division

PROFIL

Bahagian Pengurusan Arkib (BPA) bertanggungjawab dalam pengendalian urusan-urusan berkaitan aktiviti teras Jabatan Arkib Negara Malaysia. Aktiviti utama bahagian ini adalah mengesan, mengenal pasti, mengumpul dan memperoleh bahan arkib dari pelbagai sumber serta memelihara dan memulihara bahan arkib sebagai bahan bukti sejarah kebangsaan melalui kaedah pengawetan, penjilidan dan reprografi (penyalinan). Selain itu, bahagian ini juga memainkan peranan dalam memperoleh bahan-bahan arkib pandang dengar (audio visual), menjalankan kerja-kerja pendigitan bahan di samping menyediakan panducari untuk tujuan pengesanan bahan arkib bagi kemudahan penyelidikan.

Lima Seksyen yang bernaung di bawah BPA iaitu Seksyen Perolehan, Seksyen Pemuliharaan dan Reprografi, Seksyen Arkib Pandang Dengar, Seksyen Panducari dan Seksyen Arkib Digital mempunyai tanggungjawab tersendiri dalam melaksanakan aktiviti utama BPA. Bahagian ini juga bertanggungjawab memperkasakan arkib pandang dengar dan arkib digital bagi memastikan Petunjuk Prestasi Utama bahagian dapat disempurnakan. Kerjasama erat yang diwujudkan di antara kelima-lima seksyen di bawah Bahagian ini dapat merealisasikan penyediaan produk dan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada pelanggan.

Seksyen Perolehan bertanggungjawab memperoleh dan mengumpul bahan Surat Persendirian (SP) dan Koleksi Persendirian yang bernilai sejarah untuk disimpan kekal sebagai rujukan generasi masa kini dan akan datang. Bahan Surat Persendirian diperoleh daripada orang perseorangan yang banyak berjasa dan memberi sumbangan kepada negara dan masyarakat. Ketokohan mereka dapat dilihat dari segi pentadbiran, politik, pendidikan, sukan, agama, sastera, kemasyarakatan, kebudayaan, sains, teknologi, hubungan antarabangsa, perniagaan, perdagangan dan lain-lain. Seksyen ini juga bertanggungjawab mengendalikan kerja-kerja pengesanan dan perolehan bahan-bahan daripada sumber rasmi dan persendirian dari dalam dan luar negara.

Seksyen Arkib Pandang Dengar (SAPD) bertanggungjawab dalam menyediakan dasar, standard, prosedur dan garis panduan perolehan, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan audio visual serta memproses bahan audio visual. Selain itu, seksyen ini menyediakan kemudahan repositori untuk rekod-

PROFILE

The Archives Management Division (AMD) is responsible for the management of core business of the National Archives of Malaysia. The principal activities of this division are tracing, identifying, collecting and acquiring archival materials from various sources as well as preserving and restoring them as evidential materials of the nation's history through various methods of conservation, binding and reprographic. In addition, the Division also plays a role in acquiring audio visual archival materials, performing digitization of materials as well as providing finding-aids for easy retrieval of archival materials for ease of research.

There are five sections under the AMD namely the Acquisition Section, Conservation and Reprography Section, Audio Visual Archives Section, Finding-Aids Section and Digital Archives Section with their own responsibilities in implementing the principal activities of AMD. This division is also responsible to augment the audio visual and digital archives to ensure that the Key Performance Indicator of the department can be completed. The close collaboration between the five sections in this Division contribute towards the realization of products preparation and service deliveries which are competent and efficient to the clients.

The Acquisition Section is responsible in the acquisition and gathering of Private Papers (SP) and Private Collections which have historical values be permanently stored as references to the present and future generations. The Private Papers were acquired from individuals who had vast deeds and contributed to the nation and community. Their statesmanship can be seen through their administration, politic, education, sports, religion, literature, welfare, culture, science, technology, international relations, business, trade and others. This section is also responsible in handling tracking works and acquisition of materials from official and private sources from within and outside the country.

The Audio Visual Archives Section (SAPD) is responsible for the preparation of policies, standards, procedures and acquisition guidelines, preservation and conservation of audio visual materials as well as processing of audiovisual materials. In addition, this section also provides repository

rekod berbentuk filem, audio, video dan multimedia serta bahan-bahan dalam bentuk kertas di samping melaksanakan kerja-kerja pendokumentasian serta program pemeliharaan dan pemuliharaan bahan-bahan audio visual. Sekyen ini juga menyediakan perkhidmatan penyalinan bahan-bahan audiovisual kepada penyelidik.

Pemuliharaan rekod dan arkib merupakan salah satu tugas utama yang dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia di dalam memastikan bahan-bahan yang bernilai kekal tidak mengalami kerosakan yang berterusan dan dapat dipelihara untuk simpanan kekal. Kerja-kerja pemuliharaan rekod dan arkib telah dipertanggungjawabkan kepada Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi (SPRG). Seksyen ini terbahagi kepada empat Unit iaitu Restorasi, Jilid, Reprografi, dan Makmal dan Kajian.

Unit Restorasi, bertanggungjawab menjalankan menjalankan proses penyemakan bahan, ujian kelunturan dakwat, pengenyahan asid dan pembaikan bahan. Kaedah pembaikan terdiri daripada kaedah pembaikan salut mati, pengkapsulan dan tradisional. Pembaikan tradisional pula terbahagi kepada dua kaedah iaitu manual dan menggunakan mesin tuang lembar. Manakala Unit Jilid pula menjalankan aktiviti menjilid bahan arkib agar dapat disimpan kekal sebagai warisan negara yang bernilai dan dapat dirujuk. Unit ini menjalankan aktiviti jilidan perpustakaan, jilidan pemuliharaan, jilidan bahan awet, dan jilidan halus serta menjalankan kerja-kerja meminta tajuk bagi bahan yang telah selesai dijilid pada kulit buku mengikut kesesuaian bahan dan saiz huruf. Unit Reprografi bertanggungjawab dalam menjalankan perkhidmatan penyalinan mikrofilem dan gambar. Sebelum penyalinan mikrofilem dijalankan semakan bahan dibuat supaya bahan yang terhasil daripada penyalinan adalah berkualiti. Unit Makmal dan Kajian bertanggungjawab untuk membantu Unit Restorasi dalam menyediakan larutan pengenyahan asid dan menjalankan ujian pH ke atas dokumen. Selain itu, unit ini bertanggungjawab untuk memastikan kelembapan dan suhu bilik simpanan mikrofilem berada dalam keadaan yang stabil supaya bahan yang disimpan berada di dalam keadaan baik.

Seksyen Panducari (SPN) bertanggungjawab merancang, mengkaji, menyediakan dan mengemaskini panducari yang komprehensif secara manual atau dalam talian (*online*) untuk memberi kemudahan rujukan dan capaian bahan arkib tanpa batasan dan waktu kepada penyelidik.

facilities for records in the form of films, audio, video and multimedia as well as materials in paper forms including performing documentation work and preservation and conservation programmes of audiovisual materials. This section also provides audiovisual materials copying service to researchers.

Preservation of records and archiving are the main tasks performed by the National Archives of Malaysia in ensuring that the permanently valuable materials do not suffer prolong damage and can be restored for permanent storage. The records conservation works and archiving is the responsibility of the Preservation and Reprography Section (SPRG). This section consists of 4 units namely the Restoration, Binding, Reprography, and Laboratory and Research.

The Restoration Unit is responsible to perform materials review, ink solubility test, deacidification and restoration activities. The restoration performed at this unit comprised of the lamination restoration, encapsulation and traditional methods. Traditional repair is divided into two methods namely manual and the use of leafcasting machine. The binding unit performs binding work on the archival materials so these can be permanently stored as valuable heritage of the Nation and can be referred. This unit also carry out library binding activities, conservation binding, cured materials binding and fine binding. This unit also performs tooling work for the bound materials on the book cover appropriate to the materials and lettering sizes. The Reprographic Unit is responsible for carrying out microfilm and photograph copying services. Before the microfilm copying can be performed inspection of the material is done so that product from the copying is of high quality. The Laboratory and Research Unit is responsible to assist the Restoration Unit in the preparation of deacidification solution and performing pH tests on documents. In addition, this unit is responsible in ensuring the humidity and temperature of the microfilm storage room is in stable condition so that the stored materials are kept in good condition.

The Finding-Aids Section (SPN) is responsible for planning, reviewing, provide and update comprehensive finding-aids either manually or online to provide reference facilities as well as unrestricted access to the archival materials with no time restriction to researchers.

Seksyen Arkib Digital (SAD) bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja peralihan data (bahan arkib) dari bentuk konvensional (analog) kepada bentuk digital serta menjalankan pemeliharaan bahan arkib digital supaya sentiasa dapat diakses.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Perolehan Bahan

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Perolehan telah menganjurkan beberapa program antaranya ialah Promosi Bahan Arkib (Suratkhabar), Program Pengesanan Bahan Arkib dengan Badan Warisan Malaysia, Program Menjejaki Bahan Sejarah Negara di Pejabat Daerah Mersing dan Arkib Negara Malaysia Caw. Johor/Melaka dan Majlis Penyerahan Bahan Sempena Sambutan Hari Audiovisual Sedunia 2012.

Seksyen Perolehan telah memperoleh dan memproses 10,516 unit bahan yang diterima daripada orang perseorangan, tokoh, pertubuhan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan institusi luar negara. Bahan-bahan yang diperoleh terdiri daripada surat-menyurat, terbitan, surat khabar, gambar, poster, poskad, filem, mikrofilem, cakera padat dan sebagainya. Sebanyak 2,650 unit bahan Koleksi Surat Persendirian telah diterima daripada tokoh terkemuka iaitu YB Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, Tan Sri Lee Lam Thye, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan, Datuk Seri Drs. Suleiman Mohamad dan Tun Datuk Seri Panglima Hj. Sakaran Dandai.

Disamping itu sejumlah 5,055 unit bahan Koleksi Arkib Pertubuhan telah diperoleh daripada pertubuhan seperti Persatuan Pencinta Alam Malaysia, Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pemborong Binaan Malaysia, Persatuan Soka Gakai Malaysia (SGM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan lain-lain.

Seksyen ini juga telah memperoleh rekod-rekod Malaysia dari luar negara iaitu dari The National Archives United Kingdom, National Archives of Australia, Australian War Memorial, Rhodes House Library, Oxford University United Kingdom serta pembekal dan institusi dalam negeri. Sebanyak 2,811 unit bahan Koleksi Persendirian dan Rekod-rekod Malaysia dari luar negara telah diperoleh bagi tahun 2012.

The Digital Archives Section (SAD) is responsible in performing data migration work (archival materials) from conventional (analog) to digital form as well as performs preservation of digital archive materials so these can always be accessed.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Acquisition of Materials

Throughout 2012, the Acquisition Section has organised programmes such as Promotion of Archival Materials (Newspapers), Tracing of Archival Materials Programme together with Malaysian Heritage Trust, Tracking of the Nation's Historical Materials Programme at the Mersing District Office and the National Archives of Malaysia Johore/ Malacca Branch and Materials Handing Over Ceremony in conjunction with World Audiovisual Day Celebration 2012.

The Acquisition Section has acquired and processed 10,516 units of materials received from individuals, personalities, organisations, non-governmental organisations (NGO) and foreign institutions. Materials acquired were made up of letters, publications, newspapers, photographs, posters, postcards, films, microfilms, compact discs and others. A total of 2,650 units of Private Papers Collection materials have been received from prominent figures, including YB Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, Tan Sri Lee Lam Thye, Tan Sri Ramli Ngah Talib, Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan, Datuk Seri Drs. Suleiman Mohamad and Tun Datuk Seri Panglima Hj. Sakaran Dandai.

In addition, a total of 5,055 units of Archives Collection of Organisations have been acquired from organisations such as the Malaysian Nature Society, Federation of Malaysian Consumer Associations (FOMCA), Master Builders Association Malaysia, Soka Gakkai Malaysia (SGM), Muslim Welfare Organisation of Malaysia (PERKIM) and others.

This section has also acquired Malaysian records from outside the country such as those from The National Archives of United Kingdom, National Archives of Australia, Australian War Memorial, Rhodes House Library, Oxford University United Kingdom as well as home suppliers and institutions. A total of 2,811 units of Private Collection materials and Malaysian Records from outside the country have been acquired in the year 2012.



Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, Puan Hajah Daresah Haji Ismail (kanan) menunjukkan suratkhbar Harper's Weekly keluaran tahun 1898 sambil diperhatikan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Arkib, Puan Faridah Ishak dan Ketua Seksyen Perolehan, Puan Kamariah Ismail sempena program promosi bahan arkib pada 28 Februari 2012.

Director General National Archives of Malaysia, Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail (right) showing Harper's Weekly issued in the year 1898 watched by Director of Archives Management Division, Mrs. Faridah Ishak and Head of Procurement Section, Mrs. Kamariah Ismail in conjunction with promotion of archival materials program on February 28th, 2012.



Perbincangan antara Pengarah Bahagian Pengurusan Arkib, Puan Faridah Ishak dengan wartawan (kiri) dan Pengumpul Bahan Sejarah, John Nicholson di Badan Warisan Malaysia pada 14 Julai 2012.

Discussion between Director of Archives Management Division, Mrs. Faridah Ishak with reporter (left) and Historical Materials Collector, John Nicholson at the Badan Warisan Malaysia on July 14th, 2012.

Projek MyCC - Pembangunan Aplikasi OFA (Online Finding Aids)

Seksyen Panducari (SPN) telah menjadi urus setia Projek *Online Finding Aids* (OFA). OFA adalah *interface* baru yang akan digunapakai oleh penyelidik untuk membuat carian bahan. SPN bertanggungjawab untuk membangunkan OFA dan memastikan modul berikut berjalan dengan lancar:

- pembangunan modul Panducari,
- integrasi data antara aplikasi OFA dengan data daripada aplikasi *Computerised Archival System* (COMPASS), *Archival Management System* (AMS) dan *Media Aset Management System* (MAMS),
- pembangunan modul penempahan bahan dalam talian,
- pembangunan modul pembayaran dalam talian,
- pembangunan modul pemuliharaan format digital/pengubahsuaian aplikasi COMPASS dan MAMS.

My Creative Content (MyCC) Project – Development of Online Finding Aids Application

The Finding Aids Section (SPN) is the Secretariat for Online Finding Aids Project. OFA is the new interface that is being utilised by researchers to do material searches. SPN is responsible for development of OFA and ensuring that the following modules are running smoothly:

- *development of the finding aids module*
- *data integration between OFA application with those data from Computerised Archival System (COMPASS), Archival Management System (AMS) and Media Aset Management System (MAMS) applications*
- *development of material online booking module*
- *development of online payment module*
- *development of module on conservation of digital format/modification of COMPASS and MAMS applications.*

Sesi Ujian Penerimaan Pengguna (UAT) bagi OFA telah diadakan pada 20 hingga 23 November 2012, untuk melihat perkembangan dan menguji keberkesanan dan penggunaan OFA sebelum dilancarkan pada Januari 2013.

Selain itu, SPN juga bertanggungjawab untuk melakukan penyeliaan kualiti kemasukan data bagi setiap 20000 bahan yang telah dibuat deskripsi oleh pihak vendor.

Projek Pengemaskinian Sumber Bagi Sistem COMPASS.

Projek pengemaskinian sumber bagi Sistem COMPASS dilaksanakan bertujuan melengkapkan maklumat sumber di dalam Sistem COMPASS untuk memenuhi keperluan penyelidik membuat carian sekaligus memantapkan data sumber untuk tujuan pembangunan aplikasi OFA. Sejumlah 4947 sumber telah disemak. Projek ini diadakan dari 22 hingga 25 Oktober 2012 melibatkan pegawai dan kakitangan Seksyen Rujukan dan Akses, Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod dan Seksyen Teknologi Maklumat. Sumber yang tidak lengkap, pertindihan sumber bagi kumpulan rekod yang sama, kesilapan ejaan dan ketidakseragaman format pendaftaran sumber telah dikenalpasti. Pengendalian projek ini telah dapat menyelesaikan kekeliruan berkaitan isu sumber di samping memantapkan fungsi Sistem COMPASS dan OFA yang dibangunkan.

The User Acceptance Test (UAT) session for OFA was held from November 20th to 23rd, 2012, to see the progress as well as testing the effectiveness and utilization of OFA prior to its launching in January 2013.

In addition, SPN is also responsible for performing data entry quality supervision for every 20,000 materials where description has been done by the vendors.

Source Updating Project for COMPASS System

The source updating project for COMPASS System was implemented with the aim of completing the sources of information in the COMPASS System to fulfill the needs of researchers performing searches and hence enhancing source data for the development of OFA application. A total of 4,947 sources were reviewed. This project was held from October 22nd to 25th, 2012 involving officers and staff of Reference and Access Section, Record Centre Services Section and Information Technology Section. Incomplete sources, duplication of sources for the same records group, spelling errors and non-uniformity of the format for source registration had been identified. Handling of this project had dispelled confusion regarding the source issues as well as enhancing the function of COMPASS and OFA Systems that were developed.



Pegawai Arkib, Encik Afham Jauhari Aldi memberikan penerangan ringkas cara-cara penghasilan deskripsi yang betul kepada pelajar Jabatan Sejarah dan Tamadun, UIAM.

Archivist, Mr. Afham Jauhari Aldi giving a brief description on the methods of producing the correct description to the students of the Department of History and Civilization, IIUM.

Program Pendeskripsian Fail

Program Pendeskripsian fail yang dikendalikan SPN untuk pelajar Jabatan Sejarah dan Tamadun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kali ke-7 ini telah diadakan pada 27 hingga 28 Februari 2012. Tujuan program ini adalah untuk mendidik pelajar kaedah pendeskripsian yang betul dan tepat berdasarkan standard kearkiban. Program ini melibatkan 37 orang pelajar UIAM. Para pelajar telah diberi fail dari kumpulan Jabatan Perdana Menteri untuk latihan pendeskripsian. Sebanyak 518 deskripsi telah disemak.

Kemasukan Data

Unit Peralihan Data Seksyen Arkib Digital (SAD) telah melaksanakan kerja-kerja kemasukan data ke dalam Sistem COMPASS bagi kumpulan rekod Jabatan Penjara Taiping (1946 - 1960), Jabatan Buruh Selangor (1945 - 1946), Pejabat Pelajaran Kedah (1945 - 1947), Pejabat Pelajaran Kelantan (1934 - 1958) dan Jabatan Buruh Melaka (1945 - 1956).

Pendaftaran bahan-bahan arkib ke dalam Sistem COMPASS ini adalah usaha berterusan yang dijalankan oleh Seksyen Arkib Digital bagi memastikan kumpulan rekod yang belum lagi didaftarkan ke dalam COMPASS boleh diakses oleh penyelidik dengan mudah dan sistematik.

File Description Programme

The File Description Programme organised by SPN for students of the Department of History and Civilisation, International Islamic University Malaysia (IIUM) for the 7th-time was held on February 27th to 28th, 2012. The aim of this programme was to educate students on the correct and precise methods of description based on archive standard. The programme had the involvement of 37 IIUM students. The students were given files from the Prime Minister's Department for their description training. A total of 518 descriptions were reviewed.

Data Entry

The Data Migration Unit of the Digital Archives Section (SAD) has performed data entry into the COMPASS System for the Taiping Prison Department records group (1946 - 1960), the Selangor Department of Labour (1945 - 1946), the Kedah Education Office (1945 - 1947), the Kelantan Education Office (1934 - 1958) and the Malacca Department of Labour (1945 - 1956).

The registration of archival materials into the COMPASS System is a continuing effort undertaken by the Digital Archives Section in ensuring the record groups yet to be registered into the COMPASS can be easily and systematically accessed by researchers.

BIL. No.	KUMPULAN REKOD <i>Record Group</i>	NO. SPR <i>SPR No.</i>	JUMLAH FAIL (TERBUKA) <i>Total File (Opened)</i>
1.	Jabatan Penjara Taiping (1946 - 1960) <i>Taiping Prison Department (1946 - 1960)</i>	1979/00105	105
		1991/00833	370
2.	Jabatan Buruh Selangor (1945 - 1946) <i>Selangor Department of Labour (1945 - 1946)</i>	1988/00660	223
3.	Pejabat Pelajaran Kedah (1945 - 1947) <i>Kedah Education Office (1945 - 1947)</i>	1979/00534	346
4.	Pejabat Pelajaran Kelantan (1934 - 1958) <i>Kelantan Education Office (1934 - 1958)</i>	1979/00533	251
5.	Jabatan Buruh Melaka (1945 - 1956) <i>Malacca Department of Labour (1945 - 1956)</i>	1979/00535	282
JUMLAH KESELURUHAN GRAND TOTAL			1577

Naiktaraf Archival Management System (AMS)

Archival Management System (AMS) adalah sebuah sistem yang berkeupayaan memelihara rekod dalam format digital. Projek naiktaraf AMS daripada versi 3.1 kepada 4.1 telah dimulakan pada November 2011 melalui syarikat pembekal AMS yang telah dilantik iaitu BizObjek Sdn Bhd. Unit Pemeliharaan Digital telah melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan naiktaraf AMS yang meliputi menyediakan spesifikasi *System Requirement Study* (SRS) dan *System Development Study* (SDS). Sepanjang 2012, beberapa perbincangan dan mesyuarat projek telah diadakan bagi memastikan naiktaraf ini selesai sehingga tamat projek pada November 2012. Tanda aras kejayaan naiktaraf AMS dapat dilihat apabila sebanyak 1,000 bahan terbitan dari pelbagai agensi kerajaan telah dimuatmasuk (*ingest*) ke dalam AMS.

Upgrading of the Archival Management System (AMS)

The Archival Management System (AMS) is a system capable of preserving records in digital format. The AMS upgrading from version 3.1 to 4.1 was started in November 2011 through BizObjek Sdn Bhd. the AMS vendor. The Digital Preservation Unit had performed the upgrading secretariat work which involved preparing the System Requirement Study (SRS) and System Development Study (SDS) specifications. Throughout 2012, a number of discussions and project meetings were held to ensure that the upgrading would be completed in November 2012. The benchmark for the success of the AMS upgrading can be seen when a total of 1,000 published materials from various government agencies were ingested into the AMS.



Encik Azemi Abdul Aziz, Timbalan Ketua Pengarah ANM diberi penerangan berkenaan aktiviti pendigitalan bahan arkib dokumen oleh Pegawai Teknologi Maklumat, Puan Esmawaty Mohamad semasa lawatan tapak Projek MyCC pada 25 April 2012.

Deputy Director General National Archives of Malaysia, Mr. Azemi Abdul Aziz briefed on Digitisation of Document Archives Materials activities by Information Technology Officer, Mrs. Esmawaty Mohamad during the site visit to MyCC Project on 25 April 2012.

Projek My Creative Content (MyCC)

Seksyen Arkib Digital telah dipertanggungjawabkan di peringkat Arkib Negara Malaysia sebagai salah satu seksyen yang menggerak projek berimpak tinggi dibawah Program *National Key Result Area* (NKEA) iaitu *Entry Point Project 1 (EPP 1) : My Creative Content* atau lebih dikenali sebagai MyCC. Projek ini bermula pada 15 Disember 2011 dan tamat pada 15 April 2013. Tahun 2012 adalah tahun pelaksanaan projek ini dimana pencapaian berikut telah dicapai oleh Seksyen Arkib Digital iaitu melalui Skop Pendigitalan Bahan Arkib Dokumen.

My Creative Content (MyCC) Project

The Digital Archives Section was to be responsible at the level of the National Archives of Malaysia as one of the sections which mobilised high impact projects under the National Key Result Area (NKRA) Programme which is the Entry Point Project 1 (EPP 1) : My Creative Content or better known as MyCC. This project was started on December 15th, 2011 and completed on April 15th, 2013. The year 2012 was the implementation year for this project where the following achievements were realised by the Digital Archives Section through the Digitisation of Document Archives Materials Scope.

Pencapaian Skop Projek Pendigitalan Bahan Arkib Dokumen

Sasaran projek ialah mendigitalkan sebanyak 3,000,000 mukasurat dari Januari 2012 sehingga April 2013. Sebanyak 2.7 juta sepanjang tahun 2012 manakala 300,000 muka surat disasarkan untuk pencapaian dari Januari 2013 – April 2013.

Selain daripada pendigitalan bahan arkib dokumen, Seksyen Arkib Digital juga telah memperoleh sebanyak 8 alat pengimbas *high-end* dan 24 komputer melalui Projek MyCC ANM ini.

Scope Achievement on the Digitisation of Document Archives Materials Project

The target for the project was digitisation of 3,000,000 pages from January 2012 to April 2013. A total of 2.7 million throughout 2012 and a further 300,000 pages were targeted to be achieved from January 2013 – April 2013.

Besides digitising documents of archival materials, the Digital Archives Section has also acquired a total of 8 high-end scanners and 24 computers through the MyCC NAM Project.

Bil. No.	Perkara Particulars	Tempoh Duration	Sasaran 2012 Target 2012	Jumlah Pencapaian Total Achieved
1.	Pendigitalan Bahan Arkib Dokumen <i>Digitisation of Documents of the Archival Materials</i>	Januari – Disember 2012 <i>January - December 2012</i>	2,700,000 muka surat <i>2,700,000 pages</i>	2,950,713 muka surat <i>2,950,713 pages</i>
2.	Penyediaan Diskripsi Bahan Arkib <i>Preparation of the Archival Materials Description</i>	Januari – Disember 2012 <i>January - December 2012</i>	20,000 fail <i>20,000 files</i>	20,000 fail <i>20,000 files</i>

PROGRAM-PROGRAM LAIN

Pertandingan Fotografi Peringkat IPT sempena Hari Warisan Audio Visual Sedunia 2012

Sempena sambutan Hari Audio Visual Sedunia 2012, SPN dipertanggungjawab untuk mengendalikan Pertandingan Fotografi. Penganjuran kali kedua ini lebih meluas dan terbuka kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh Malaysia.

Pertandingan bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan dan keunikan nilai rekod audio visual sebagai perakam sejarah negara, bangsa dan sosio-budaya. Pertandingan telah berlangsung dari 20 Julai 2012 hingga 20 September 2012. Pertandingan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu bangunan bersejarah dan tempat bersejarah. Sebanyak 151 penyertaan telah diterima bagi kategori bangunan bersejarah dan 31 penyertaan bagi tempat bersejarah. Pemenang telah diumumkan pada hari sambutan Hari Audio Visual Sedunia pada 31 Oktober 2012. Secara keseluruhan pertandingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah berjaya menarik golongan pelajar untuk turut sama menyumbang bahan kepada Arkib Negara Malaysia.

OTHER PROGRAMMES

Photography Competition IPT Level in conjunction with World Audio Visual Heritage Day 2012

In conjunction with the World Audio Visual Heritage Day 2012, SPN was given the responsibility to handle the Photography Competition. This organisation for the second time was more extensive and opened to students of the Higher Learning Institutes (IPT) throughout Malaysia.

The competition aimed at providing awareness on the importance and uniqueness of the audio visual record as a historical recorder of the nation's history, race and socio-cultural values. The competition was held from July 20th, 2012 to September 20th, 2012. The competition was divided into two categories viz historic buildings and historic places. A total of 151 entries were received for the category of historic buildings and 31 entries for historic places. Winners were announced on World Audio Visual Day on October 31st, 2012. As a whole this competition received encouraging response and has successfully attracted student groups to contribute materials to the National Archives of Malaysia.



Para pemenang pertandingan Fotografi bergambar bersama Ketua Pengarah Arkib Negara, Puan Hajah Daresah Haji Ismail.

Winners of the Photography Contest pictured with Director General of National Archives of Malaysia, Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail.

Pertandingan Teka Silang Kata Bahasa Klasik

Sempena program Pembudayaan Bahasa Kebangsaan anjuran KPKK, sepanjang bulan Oktober 2012 SPN telah ditugaskan untuk menganjurkan pertandingan Teka Silang Kata yang terbuka kepada pegawai dan kakitangan Arkib Negara Malaysia. Tujuan pertandingan ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan warga arkib mengenai kewujudan bahasa Melayu klasik dan menggalakkan penyertaan warga Arkib dalam aktiviti santai tetapi menghiburkan.

Majlis Pelancaran Program Tayangan Filem Sejarah Koleksi Arkib Negara Malaysia 2012

Majlis ini telah diadakan pada 16 Julai 2012 di Auditorium Pusat Pemeliharaan dan Pendokumentasian Audiovisual (PPPAV). Antara tujuan Majlis Tayangan Filem ini diadakan adalah untuk mempromosikan koleksi filem Arkib Negara yang terdiri daripada pelbagai genre seperti filem sejarah, filem cereka, dokumentari, dan sebagainya. Seramai 150 jemputan telah hadir. Pada hari tersebut juga diadakan acara penyerahan sebanyak 39 tajuk filem oleh Brilliant Pictures Sdn Bhd kepada Arkib Negara Malaysia.

Crossword Puzzle Competition in Classical Language

In conjunction with the National Language Acculturation program organized by the MICC, throughout the month of October 2012 SPN has been tasked to organize the Crossword competition which was open to officers and staff of the National Archives of Malaysia. The purpose of having this competition was to enhance the knowledge of the archives staff concerning the existence of classical Malay language and encourage participation of archive staff in a relaxing yet entertaining activity.

Launching Ceremony Film Screenings Programme on History of the Collections of the National Archives of Malaysia 2012

This ceremony was held on July 16th, 2012 at the National Centre for Documentation and Conservation of Audio Visual Materials (PPPAV) Auditorium. Among the aim of having Film Screenings Ceremony was for the promotion of the National Archives' film collections which were in various genres such as historical films, fiction films, documentaries, and others. A total of 150 guests were present. On the same day was also held a handover event of 39 movie titles by Brilliant Pictures Sdn Bhd to the National Archives of Malaysia.

Majlis Bicara Filem Sempena Hari Warisan AV Sedunia 2012

Majlis Bicara Filem ini telah diadakan pada 31 Oktober 2012 dengan tema 'Filem Sebagai Sumber Rujukan Sejarah Negara'. Seramai dua tokoh pembicara filem telah dijemput iaitu Datin Paduka Shuhaimi Baba dan En. Azhari Muhammad Zain serta Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah sebagai pengerusi sesi. Selain itu, majlis penyerahan bahan daripada wakil keluarga tokoh-tokoh negara seperti Tan Sri Dr. Hj Zainal Abidin bin Ahmad (Zaaba), Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Anuar Nik Mahmud serta penyerahan bahan oleh Astro Shaw Sdn Bhd dan Tayangan Unggul Sdn Bhd juga diadakan.

Film Discourse Ceremony in conjunction with World AV Heritage Day 2012

The Film Discourse Ceremony was held on October 31st, 2012 with the theme 'Film as a Source of the Nation's Historical Reference'. Two film discussant personalities were invited namely Datin Paduka Shuhaimi Baba and En. Azhari Muhammad Zain as well as Prof. Dr. Abu Hassan Hasbullah as chairman of the session. In addition, a ceremony for the handover of materials from representatives of the nation's statesmen such as Tan Sri Dr. Hj Zainal Abidin bin Ahmad (Zaaba), Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Anuar Nik Mahmud as well as materials handover by Astro Shaw Sdn Bhd and Tayangan Unggul Sdn Bhd were also held.



Acara Penyerahan Bahan oleh wakil keluarga Tan Sri Dr. Hj Zainal Abidin Ahmad (Zaaba), Pn. Roslin Redza Zaaba kepada Ketua Pengarah ANM, Puan Hajah Daresah Haji Ismail.

Materials Handing Over Ceremony by Mrs. Roslin Redza Zaaba, a family representative of the late Tan Sri Dr. Hj Zainal Abidin Ahmad (Zaaba), to the Director General NAM, Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail.

Bengkel Jilidan Halus Teknik Perancis

Satu Bengkel Jilidan Halus teknik Perancis telah diadakan pada 2 April 2012 hingga 13 April 2012 di Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi. Kursus ini dikendalikan oleh En. Zamzurizaid Yazed. Teknik Perancis ini terdiri daripada dua jenis teknik iaitu *Hollow Back* dan *Tight Back*. Jenis *Hollow Back* ialah belakang buku ataupun *spine* mempunyai ruang seakan-akan teropong antara *spine* dengan bahan, manakala *Tight Back* merupakan bahagian belakang bahan dilekatkan sekali dengan *cord*/tali, bahan dan kulit/*spine*.

Taklimat Konservasi

Taklimat ini telah dilaksanakan pada 23 Mei 2012 dengan penyertaan Pembantu Pemeliharaan di peringkat ibu pejabat. Taklimat ini telah disampaikan oleh Cik Marshid (Konservator Iran). Taklimat ini menerangkan perkara asas dalam pemeliharaan rekod dan teknik yang digunakan di negara Iran.

Taklimat Keselamatan Penggunaan Bahan Kimia

Taklimat Keselamatan Penggunaan Bahan Kimia telah diadakan pada 24-25 April 2012 dengan penyertaan pegawai dan kakitangan Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi, Seksyen Repositori, Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod, Seksyen Arkib Pandang Dengar dan Pembantu Pemeliharaan Cawangan Negeri. Taklimat ini dianjurkan dengan kerjasama Seksyen Sumber Manusia dan dikendalikan oleh Pegawai dari Institusi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (NIOSH).

Taklimat bertumpu kepada langkah mencegah penyakit yang ada kaitan dengan kerja; keracunan; dan kesan kepada kesihatan akibat daripada penggunaan bahan kimia.

Bengkel Paper Conservation

Bengkel ini telah diadakan pada 18 hingga 19 Jun 2012 dengan fokus kepada latihan amal pembaikan bahan kaedah Iran. Pelbagai cara penyediaan larutan pengenyahan asid, penyediaan tisu berwarna dan teknik pembaikan yang digunakan di Iran telah diajar kepada peserta.

Pada 13 hingga 14 Ogos 2012 diadakan pula Bengkel *Paper Conservation* yang disampaikan oleh En Lalit (Konservator

French Technique Fine Binding Workshop

A French technique Fine Binding Workshop was held from April 2nd, 2012 to April 13th, 2012 in the Preservation and Reprography Section. This course was conducted by Mr. Zamzurizaid Yazed. The French technique consists of two types of techniques which are Hollow Back and Tight Back. The Hollow Back type is when the back of the book or spine has a binoculars-like space between the spine with the material, while Tight Back is when the back of the material is attached to the cord/rope, material and leather/spine.

Briefing on Conservation

The briefing was held on May 23rd, 2012 with the participation of Conservation Assistants from the headquarters. This briefing was presented by Cik Marshid (Iranian Conservator). The briefing explains the basics of conservation of records and techniques used in Iran.

Safety Briefing on the Use of Chemicals

Safety Briefing on the Use of Chemicals was held on April 24th-25th, 2012 with the participation of officers and staff of the Preservation and Reprography Section, Repository Section, Records Services Center Section, Audio Visual Archives Section and Conservation Assistants of State Branches. The briefing was organized in collaboration with the Human Resource Section and conducted by officers from the National Institute of Occupational Safety and Health Malaysia (NIOSH).

The briefing was focussed on measures to prevent diseases associated with work; poisoning; and the effects on one's health due to the consequences of using chemicals.

Paper Conservation Workshop

This workshop was held from June 18th to 19th, 2012 with focus on practical training on the Iranian method of material repair. Various preparation for deacidification solution, preparation of coloured tissues and repair techniques adopted in Iran were taught to the participants.

On August 13th to 14th, 2012, a Paper Conservation Workshop was held presented by Mr. Lalit (Conservator



Penerangan daripada Cik Marshid, Konservator Iran mengenai pengendalian dan penyediaan larutan kimia yang digunakan untuk membaiki bahan.

Explanations from Ms. Marshid, an Iranian Conservator on the handling and preparation of chemical solutions used to repair materials.

dari India). Beliau menerangkan teori dan faktor kerosakan bahan, serta cara penyediaan pelekut Jepun dan kaedah pembaikan yang bersesuaian dengan kerosakan bahan.

from India). He explained the theory and material damage factor, as well as the preparation of Japanese adhesive and the appropriate repair methods for material damage. The Advocacy Division is one of the main pillars at the National.

Bahagian Pengembangan

Advocacy Division



BAHAGIAN Pengembangan

Advocacy Division

PROFIL

Bahagian Pengembangan merupakan salah satu tunggak utama di dalam Jabatan Arkib Negara. Bahagian ini mendokong visi Arkib Negara Malaysia iaitu “Menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang Unggul”. Fungsi utama bahagian ini adalah untuk memastikan penyimpanan dan pemeliharaan bahan arkib yang sistematik dan dilaksanakan mengikut standard Arkib Antarabangsa, menyediakan kemudahan penyelidikan yang terbaik kepada penyelidik, menggalakkan penggunaan bahan arkib di dalam penyelidikan, memastikan capaian bahan arkib berjalan lancar dan teratur, bertanggungjawab untuk meningkatkan kesedaran masyarakat akan kepentingan maklumat daripada sumber primer melalui aktiviti pameran, dan program arkib pendidikan.

Empat seksyen yang menjadi penggerak kepada semua fungsi Bahagian Pengembangan ialah Seksyen Perkhidmatan Repositori, Seksyen Rujukan dan Akses, Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan serta Seksyen Hubungan Antarabangsa.

Seksyen Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab untuk memastikan arkib awam yang dipindahkan ke repositori Arkib Negara Malaysia dipelihara dengan baik untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

Kesemua koleksi bahan Arkib yang bernilai sejarah dan kebangsaan yang dipindahkan ke Arkib Negara, dipelihara dan disimpan mengikut standard Arkib Antarabangsa. Koleksi bahan Arkib yang mengandungi pelbagai jenis bahan seperti fail, terbitan, rekod kartografi, bahan audiovisual, mikrofilem, arkib persendirian dan sebagainya ini dipelihara dan disimpan mengikut jenis dan bentuknya di repositori Arkib Negara.

Sebagai penyimpan khazanah warisan negara, Seksyen Perkhidmatan Repositori sentiasa memastikan semua gedung arkib yang berada di bawah kawalannya selamat daripada sebarang ancaman yang boleh merosakkan bahan-bahan arkib dengan mengawal suhu dan kelembapan mengikut jenis bahan serta menjalankan kerja pewasapan bagi menghapus makhluk perosak bahan tersebut. Gedung simpanan arkib juga dikawal selia dari segi keselamatan dengan pemasangan sistem penggera, kad akses dan sistem pemadam api. Tempat ini juga turut diisytiharkan sebagai kawasan larangan. Di

PROFILE

Archives Department. This Division uphold the vision of the National Archives of Malaysia which is “Becoming the nation’s premier Archives and Research Centre”. The main functions of The Advocacy Division are ensuring a systematic storage and preservation of archival materials and implemented according to International Archives standards, providing the best research facilities to researchers, promoting the use of archival materials in research, ensuring access to archival materials are running smoothly and well managed, be responsible for raising public awareness on the importance of information from primary sources through exhibition activities, and educational archival programmes.

The four sections that serve as the prime mover to all functions of the Advocacy Division are the Repository Service Section, the Reference and Access Section, the Exhibition and the Educational Archives Section as well as the International Relations Section.

The Repository Service Section is responsible in ensuring the public archival materials transferred to the repository at the National Archives of Malaysia are well preserved for the purpose of reference and research.

All collection of archival materials which has national and historical values that are transferred to the National Archives, are preserved and kept according to International Archives standard. The collection of archival materials that contain various type of materials such as files, publications, cartography records, audiovisual materials, microfilms, private archives and others are preserved and kept according to their types and forms at the repository of the National Archives.

As keeper of the nation’s heritage, the Repository Service Section ensures that all archival storage under their control are safe from any threats that may damage the archival materials by controlling the temperature and humidity according to types of materials as well as performing fumigation work to destroy pests to the materials. The archival storage building must also be monitored in terms of security with installation of alarms system, use of card access and fire extinguisher system. This area must also be declared as a protected area. In addition, to ensure the survival of

samping itu, bagi memastikan kelangsungan hayat bahan arkib, seksyen ini bertanggungjawab memastikan bahan yang uzur dan rosak dibuat pemuliharaan.

Seksyen Rujukan dan Akses pula bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada penyelidik, sesuai dengan misi utama Jabatan. Seksyen ini menyediakan mutu perkhidmatan secara optimum melalui kelancaran proses pendaftaran penyelidik, memberi khidmat nasihat kepada pengguna arkib, menguruskan permintaan bahan arkib, dan menyediakan kemudahan penyalinan bahan-bahan arkib. Seksyen ini turut bertanggungjawab memastikan keselamatan bahan arkib yang sedang dirujuk oleh penyelidik terjamin.

Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan bertanggungjawab memasyarakatkan arkib kepada orang ramai. Justeru, melalui aktiviti-aktiviti pameran yang dijalankan, masyarakat khususnya generasi muda dan para pelajar digalakkan meneroka bahan-bahan yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, serta menggunakannya sebagai bahan rujukan untuk penyelidikan dan pengetahuan, bagi melahirkan semangat masyarakat cintakan negara dan warisan sejarahnya.

Di samping itu, seksyen ini juga menyediakan perkhidmatan pinjaman bahan-bahan pameran kepada jabatan dan institusi kerajaan. Perkongsian ini membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk menyebarkan maklumat sejarah dan mendekatkan bahan arkib kepada masyarakat. Pelaksanaan Program Arkib Pendidikan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi pula berjaya mendedahkan golongan pelajar kepada maklumat sahih daripada sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi menguruskan perhubungan awam dengan media cetak dan elektronik serta merancang strategi media dalam penyebaran maklumat secara berkesan kepada orang awam. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan pengendalian dan penyelesaian aduan awam/pertanyaan dan kehendak pelanggan Arkib Negara Malaysia. Mengendalikan lawatan orang awam, menyelaraskan aktiviti-aktiviti rasmi Arkib Negara Malaysia/Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan berhubung publisiti, promosi dan kempen serta memberi perkhidmatan sokongan untuk kelancaran majlis.

archival materials, this section is responsible for ensuring that conservation be made to the frail and damaged materials.

The Reference and Access Section is responsible for providing services to researches, in accordance with the primary mission of the Department. This section provides the optimum quality of service through the smooth registration process for researchers, providing advisory services to archives users, manage requests for archival materials, and provide convenience copying of archival materials. This section is also responsible for ensuring the security of archival materials that are being referred to by researchers.

The Exhibition and Educational Archives Section is responsible for communalising archives to the public. Hence, through exhibition activities, the public in particular the young generations and students are encouraged to explore materials kept at the National Archives of Malaysia, and to utilise them as reference materials in their research and knowledge, to create a community with spirit of love for the nation and its historical heritage.

In addition, this section also provides loan service of exhibition materials to departments and government institutions. This partnership opens up more opportunities and space to disseminate historical information and bringing archive materials closer to the community. The Implementation of Educational Archive Programme in schools and higher education institutions has successfully expose the students to authentic information from primary sources available at the National Archives of Malaysia that can assist the teaching and learning process in schools.

The Public Relations and Promotions Section manages public relations for the print and electronic media as well as planning strategies in the effective dissemination of information to the public. In addition, this section is also responsible for the management in handling and resolving public complaints/inquiries and requests by customers of the National Archives of Malaysia. Also conducts public tours, coordinating official activities of the National Archives of Malaysia/Ministry of Information Communication and Culture on publicity, promotions and campaigns as well as provides support service for a smooth running of ceremonies.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Penyimpanan dan Penggunaan Bahan Arkib

Seksyen Perkhidmatan Repositori bertanggungjawab menguruskan penerimaan bahan daripada Seksyen Perkhidmatan Pusat Rekod (SPPR) dan Seksyen Perolehan (SPL). Sepanjang tahun 2012 sebanyak 190.05 meter panjang fail yang telah mencapai taraf arkib dan sedia untuk dirujuk oleh penyelidik telah diterima. Seksyen ini juga menerima 3,352 unit terbitan rasmi, 338 unit rekod kartografi dan seni bina, 96 torak mikrofilem, 9,027 unit bahan Arkib Persendirian serta 1,924 naskhah surat khabar dan majalah untuk simpanan kekal di Arkib Negara.

Seksyen ini juga bertanggungjawab bagi mengeluarkan bahan untuk rujukan penyelidik dan pinjaman jabatan. Sebanyak 52,450 bahan telah dikeluarkan untuk rujukan penyelidik dan 189 buah fail telah dikeluarkan untuk pinjaman jabatan. Seksyen ini juga terlibat dalam mengeluarkan bahan untuk Projek Pendigitalan Bahan Arkib di mana sebanyak 115, 349 unit bahan telah dikeluarkan untuk pengimbasan dan 17,674 unit bahan untuk tujuan pendiskripsian.

Seksyen Perkhidmatan Repositori juga telah melaksanakan pengambilan stok bahan arkib yang melibatkan sebanyak 10,374 surat persendirian. Aktiviti pengambilan stok ini penting untuk memastikan arkib awam yang disimpan di repositori tersusun mengikut senarai dan lokasi yang ditetapkan, mengenal pasti arkib awam yang hilang atau tidak dapat dikesan dan juga untuk mengenal pasti arkib awam yang perlu dipulihara. Bagi tujuan pemuliharaan pula sebanyak 74,009 bahan yang berada dalam simpanan telah dihantar ke Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi. Seksyen ini juga terlibat dalam membuat penyemakan sebanyak 550 buah fail yang dicadangkan untuk diturun taraf.

Bagi menyebarkan maklumat yang terdapat dalam simpanan Arkib Negara, Seksyen ini turut menyediakan Senarai Kumpulan Arkib/Rekod yang telah mencapai taraf arkib iaitu berusia 25 tahun. Senarai ini mengandungi maklumat mengenai bahan yang baru dibuka untuk rujukan penyelidik. Walau bagaimanapun rujukan kepada fail-fail ini masih tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi iaitu fail-fail terperingkat yang belum diturun taraf tidak dibuka untuk rujukan penyelidik. Senarai Kumpulan Arkib/Rekod yang telah mencapai taraf arkib ini akan dikeluarkan mengikut suku tahun iaitu pada setiap awal bulan Januari, April,

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Storage and Use of Archival Materials

The Repository Services Section is responsible in managing accession of files from the Record Centre Services Section (SPPR) and the Acquisition Section (SPL). Throughout 2012 a total of 190.05 metres length of files which has attained archive level and ready for reference by researchers were received. This section has also received 3,352 units of official publications, 338 units of cartography and architectural records, 96 reels of microfilm, 9,027 units of Private Archives as well as 1,924 copies of newspapers and magazines for permanent storage at the National Archives.

This section is also responsible for issuing materials for reference by researchers and loan to departments. A total of 52,450 materials were issued for reference by researchers and 189 files have been issued on loan to departments. This Section is also involved in the issuance of materials for Archival Material Digitisation Project where a total of 115, 349 units of materials have been issued for scanning and 17,674 units of materials for description purposes.


The Repository Services Section has also performed stock acquisition of archival materials involving a total of 10,374 private letters. The stock acquisition activity is important in ensuring those public archive kept at the repository were neatly arranged according to the list and prescribed location, identifying lost or untraceable public archives and also determining those public archives that need to be conserved. For the purpose of conservation a total of 74,009 materials in storage has been sent to the Preservation and Reprography Section. The section is also involved in reviewing the proposed 550 files to be written down in status.

For the dissemination of information available in storage at the National Archives, this section also provides List of Group Archives/Records that have reached the archives status of 25-years. This list contains information about materials which have just been newly opened for references by researchers. However, reference to these files is subject to the Official Secrets Act which states that classified files which have not been written down in status are not open for reference by researchers. The List of Group Archives/Records that have reached the status of archives will be issued accordingly at quarterly interval which is at the beginning


Julai dan Oktober. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 941 kumpulan Arkib/Rekod yang mengandungi 4,290 buah fail telah mencapai taraf arkib dan sedia untuk dirujuk. Di samping itu, Seksyen Perkhidmatan Repositori juga telah menyediakan sebanyak 410 keping gambar dalam simpanan gedung untuk dimuat naik dalam portal Jabatan bagi tujuan promosi.

of each January, April, July and October. Throughout 2012, a total of 941 groups of Archives/Records containing 4,290 files had achieved the archives status and ready for references. In addition, the Repository Services Section has also provided 410 photographs in the storage building to be uploaded in the Department's portal for promotional purposes.

Carta Penerimaan Bahan Accession of File Chart



Carta Pengeluaran Bahan Issuing Materials Chart



Kemudahan dan Perkhidmatan Penyelidikan


Tahun 2012 telah mencatatkan sejumlah 4,455 pendaftaran penyelidik baru Arkib Negara di Ibu Pejabat. Sebanyak 9,237 kehadiran penyelidik di Dewan Penyelidikan telah direkodkan sepanjang tahun. Penggunaan bahan arkib bagi tujuan penyelidikan telah mencatatkan jumlah sebanyak 55,274 unit.

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Rujukan dan Akses telah melaksanakan Projek Pengelasan Semula Rekod Terperingkat bagi Kumpulan Rekod Sebelum Tahun 1972. Projek ini juga melibatkan kerjasama daripada Seksyen Perkhidmatan Repositori yang turut melaksanakan penilaian dan turun taraf rekod terperingkat.

Facilities and Research Services

The year 2012 has recorded a total of 4,455 new researchers registration at the headquarters of the National Archives. A total of 9,237 attendances by researchers at the Research Hall has been recorded throughout the year. The use of archival materials for research purposes has recorded a total of 55,274 units.


Throughout 2012, the Reference and Access Section has implemented Reclassification Project of Classified Records for Record Group Prior to 1972. This project also involved the cooperation of the Repository Services Section which also conducted the assessments and downgrading of the status of classified records



Berikut merupakan maklumat berkaitan Kumpulan Rekod yang telah dinilai dan diturun taraf oleh kedua-dua seksyen tersebut:

The following is information on the Record Groups that were assessed and had the status written down by the two sections:

Sumber Kumpulan Rekod Terperingkat <i>Source Of Classified Record Group</i>	Jumlah Rekod (Unit) <i>Total Record (Units)</i>
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor <i>State Secretariat Office of Selangor</i>	547
Pejabat Pesuruhjaya British <i>Office of the British Commissioner</i>	43
Federal Secretariat <i>Federal Secretariat</i>	340
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu <i>State Secretariat Office of Terengganu</i>	107
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan <i>State Secretariat Office of Kelantan</i>	67
Jumlah Keseluruhan <i>Grand Total</i>	1104





Puan Nor 'Atikah Safri, Pegawai Arkib Seksyen Rujukan dan Akses memberi penerangan mengenai kaedah penyelidikan kepada pelajar dari Universiti Putra Malaysia ketika Program Bersama Penyelidik: Klinik Kepenggunaan Arkib pada 13 Mac 2012.

Mrs. Nor 'Atikah Safri, Archives Officer at the Reference and Access Section giving explanation on research method to students of the Universiti Putra Malaysia during the Together with Researchers Program: Archives Utilization Clinic on March 13th, 2012.

Seksyen ini juga telah melaksanakan program bersama penyelidik iaitu Klinik Kepenggunaan Arkib. Program ini memberi fokus kepada pelajar IPT dalam memberi panduan dan penerangan mengenai peraturan, konsep dan kaedah penyelidikan di Arkib Negara. Peluang ini diberikan kerana pelajar IPT yang merupakan golongan yang berpotensi menjadi pengkaji maklumat sumber primer dan menerokai koleksi arkib. Hasil kajian soal selidik mendapati rata-rata peserta program menunjukkan peningkatan pemahaman mengenai kaedah dan konsep penyelidikan di Arkib Negara.

This section has also implemented a programme with researchers known as Archive Users Clinic. This programme provided focus to students of higher education institutions in giving guidance and explanation on regulations, concepts and research methods at the National Archives. This opportunity was given as students of higher education institutions are a potential group to become researchers of primary sources of information and discoverers of the archival collections. Survey results has found that the participants to the programme showed an increased understanding about the methods and concepts of research at the National Archives.

Selain itu, seksyen ini juga telah berjaya melaksanakan Program Lestari Ilmu 'Arkib Bersama IPT' dengan kerjasama seksyen di bawah Bahagian Pengembangan dan Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi. Pengisian program adalah menjurus kepada pameran yang bertemakan 'Ceritera 3 Zaman; demonstrasi baik pulih bahan; dialog; bengkel penyelidikan bahan Arkib; dan jualan terbitan dan cenderamata Arkib Negara. Program telah disertai oleh 200 orang pelajar dan pensyarah dari enam IPT di sekitar Lembah Kelang dan kawasan berhampiran serta penyelidik Arkib Negara Malaysia.

In addition, this section has also successfully implemented a Sustainable Knowledge Programme 'Archives Together With Higher Education Institutions' in collaboration with sections under the Advocacy Division and Preservation and Reprography Section. The contents of the programme led to exhibition with the theme 'Stories of 3 Ages'; demonstration on materials repair; dialogue; workshop on research of Archival materials; and sale of publications and the National Archives souvenirs. The program was attended by 200 students and lecturers from six Higher Education Institutions in the Klang Valley and nearby areas as well as the National Archives of Malaysia researchers.

Selain itu, seksyen ini telah menerima sebanyak 4,164 orang pelawat daripada pelbagai jabatan / institusi sama ada dari dalam dan luar negara yang sangat teruja dengan penyelidikan arkib.

Additionally, this section has received a total of 4,164 visitors from various departments / institutions either from within and outside the country who were very excited about archival research. The Exhibition and Educational Archives Section


Perhubungan Awam dan Promosi

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi telah menguruskan sebanyak tiga aduan awam dan 157 pertanyaan/maklumbalas yang diterima. Seksyen ini juga telah menerima dan menguruskan sebanyak 96 lawatan yang melibatkan seramai 4,158 orang pelawat. Sebanyak 49 lawatan adalah daripada agensi kerajaan dan swasta, 38 lawatan daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) dan sembilan lawatan daripada sekolah menengah dan rendah.

Public Relations and Promotions

Throughout 2012, the Public Relations and Promotions Section has managed three public complaints and 157 inquiries/feedback received. This section has also received and managed 96 visits involving 4,158 visitors. A total of 49 visits were from government and private agencies, 38 visits from the Public Institutes of Higher Education (IPTA) and Private (IPTS) and nine visits from the primary and secondary schools.

Carta Lawatan / Visits Chart



Ketua Seksyen Repositori, Encik Zaidin Mohd Noor memberi penerangan mengenai penyimpanan bahan arkib kepada pelajar UITM Segamat, Johor pada 19 Januari 2012.

The Head of Repository Section, Mr. Zaidin Mohd Noor giving explanation on storage of archival materials to students of UITM Segamat, Johore on January 19th, 2012.

Program Memasyarakatkan Bahan Arkib

Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan berperanan untuk memasyarakatkan arkib dan koleksi bahan dalam simpanannya kepada orang ramai dari segenap lapisan. Sejalan dengan itu, seksyen ini proaktif dengan menjalankan aktiviti pameran dan program Arkib Pendidikan bagi menentengahkan bahan arkib kepada masyarakat khususnya generasi muda dan para pelajar. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 32 pameran telah dilaksanakan yang meliputi sembilan pameran yang menggunakan bahan baru dan 23 pameran yang menggunakan poster sedia ada. Seksyen ini juga turut menyediakan khidmat peminjaman poster pameran kepada 24 buah agensi luar dan arkib cawangan negeri yang berminat. Perkongsian ini membuka lebih banyak peluang dan ruang untuk menyebarkan maklumat sejarah dan mendekatkan bahan arkib kepada masyarakat. Jumlah kehadiran pelawat ke pameran yang diadakan sepanjang tahun 2012 ialah 90,844 orang. Bagi Program Arkib Pendidikan pula, sebanyak 8 program telah dilangsungkan yang dilaksanakan di 7 buah sekolah menengah dan sebuah sekolah rendah di seluruh negara. Program ini diketengahkan kepada 10,038 orang pelawat.

Communalising Archive Materials Programme

The Exhibition and Educational Archives Section roles are to communalise archives and the collections in its custody to the public from all walks of life. Accordingly, this section has been proactive by conducting exhibition activities and Educational Programmes to highlight archival materials to the community, especially young people and students. During the year 2012, a total of 32 exhibitions were carried out which covers the use of nine exhibitions of new materials and 23 exhibitions using existing posters. This section also provides lending services of exhibition posters to 24 external agencies and interested branches of state archives. This partnership opens up more opportunities and space to disseminate historical information and to bring closer archival materials to the community. The total number of visitors to the exhibitions held during the year 2012 is 90,844. As for the Educational Archives programme, a total of 8 programmes were held and implemented in seven secondary schools and one primary school around the country. The program was highlighted to 10,038 visitors.



Ketua Pengarah ANM, Puan Hajah Daresah Haji Ismail menunjukkan pameran 'Pengurusan Rekod: Seiring Perubahan Masa' kepada Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Ketua Setiausaha KPKK, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf sempena Program Seminar Pengurusan Rekod Elektronik pada 18 hingga 19 Jun 2012.

Director General NAM, Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail showing the exhibit 'Record Management: Keeping With the Times' to the Chief Secretary to the Government YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan and Secretary General KPKK, YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf in conjunction with Electronic Record Management Seminar on June 18th and 19th, 2012.



1

Timbalan Ketua Pengarah ANM, Encik Azemi Abdul Aziz melihat pameran yang diadakan sempena program Lestari Ilmu 'Arkib Bersama IPT' pada 24 Mei 2012.

Deputy Director General of NAM, Mr. Azemi Abdul Aziz looking at the exhibition held in conjunction with the program on Sustainable Knowledge 'Archives Together With Higher Education Institutes' on May 24th, 2012.

2

Para guru melihat pameran bertemakan 'Memartabatkan Bangsa dan Negara' sempena Program Arkib Pendidikan di Kolej Yayasan Saad, Ayer Keroh, Melaka pada 30 hingga 31 Oktober 2012.

Teachers viewing the exhibition themed 'Dignifying the Race and Nation' in conjunction with the Archives Education Program at the Saad Foundation College, Ayer Keroh, Malacca on October 30th to 31st, 2012.

3

Peserta program tertarik dengan pameran surat khabar 'Ceritera 3 Zaman' yang disediakan oleh Seksyen Pameran dan Arkib Pendidikan di program Lestari Ilmu 'Arkib Bersama IPT' pada 24 Mei 2012.

Program participants attracted to the newspaper exhibition 'The 3 Ages Stories' provided by the Exhibition and Education Archives Section at the program on Sustainable Knowledge at the 'Archives Together With Higher Education Institutes' on May 24th, 2012.

Bahagian Pengurusan Penyelidikan & Dokumentasi

*Research & Documentation
Management Division*



BAHAGIAN Pengurusan Penyelidikan & Dokumentasi

Research & Documentation Management Division

PROFIL

Bahagian Pengurusan Penyelidikan dan Dokumentasi (BPPD) memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi Arkib Negara untuk menjadi Pusat Arkib dan Penyelidikan Negara yang unggul dengan memastikan rekod dan maklumat berkaitan persempadanan hak kedaulatan, isu semasa dan pengesahan fakta sejarah negara tersedia untuk dimaju dan dirujuk oleh pihak berkaitan. Di samping itu, BPPD bertanggungjawab dalam merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan Jabatan, mengendalikan edaran dan jualan terbitan serta menjalankan penyelidikan mengenai peristiwa-peristiwa bersejarah, tempat-tempat bersejarah dan tokoh-tokoh sejarah disamping mengumpulkan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan mengenainya untuk disebar kepada orang ramai. Fungsi dan aktiviti tersebut dilaksanakan melalui tiga seksyen iaitu Seksyen Penyelidikan Khas Negara, Seksyen Dokumentasi dan Seksyen Penerbitan dan Percetakan.

Seksyen Penyelidikan Khas Negara bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelidikan khas dan pengesahan fakta yang membabitkan hal-hal persempadanan, hak dan kedaulatan serta isu-isu semasa negara. Terdapat beberapa isu persempadanan yang memerlukan perhatian dan usaha yang lebih awal untuk mendapatkan bahan-bahan bukti selain penyelidikan dan kajian yang lebih mendalam. Usaha-usaha pengesanan ini dilakukan di dalam dan di luar negara di samping menghadiri bengkel yang berkaitan bagi melengkap dan memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai dalam menjalankan kajian dan penyelidikan.

Seksyen Dokumentasi bertanggungjawab dalam melaksanakan program dan aktiviti pendokumentasian dan penyebaran maklumat sejarah negara kepada umum. Program dan aktiviti pendokumentasian yang dijalankan oleh seksyen ini bertujuan untuk menambah sumber rujukan serta mengisi jurang-jurang maklumat dalam rentetan sejarah tanah air yang tidak terdapat di dalam sumber-sumber rasmi atau sumber sedia ada dalam simpanan Arkib Negara. Selain itu, melalui aktiviti dan program, seksyen ini juga dapat mempelbagaikan lagi sumber rujukan fakta sejarah negara. Pendokumentasian maklumat yang dijalankan oleh seksyen ini dilaksanakan menerusi sesi Pengkisahan Sejarah/Bicara Sejarah dan Sejarah Lisan iaitu aktiviti asas kepada Seksyen Dokumentasi. Sementara penyebaran maklumat mengenai bahan arkib dan sejarah negara pula disebar kepada

PROFILE

The Research and Documentation Division (BPPD) plays an important role in realizing the vision of the National Archives to be the premier National Archives and Research Centre by ensuring that records and information pertaining to boundaries sovereignty rights, current issues and verification of national historical facts are ever ready for submissions and referred to by relevant parties. In addition, BPPD is responsible in planning and managing publication and printing programmes for the Department, handles distribution and sales of publications and conduct research on historical events, historical places and prominent historical figures as well as gathering information and materials related to them to be disseminated to the public. The functions and activities were implemented by means of three sections namely the National Special Research Section, Documentation Section and Publication and Printing Section.

The National Special Research Section is responsible for carrying out specific research work and verification of facts involving matters related to boundaries, rights and sovereignty as well as current issues of the nation. There are some boundary issues that require early attention and efforts to obtain evidence materials apart from more in-depth researches and studies. This tracking efforts were done at home and outside the country besides attending relevant workshops in an effort to complement and further enhance the knowledge and skills of officers in conducting studies and researches.

The Documentation Section is responsible for implementing programmes and documentation activities as well as dissemination of the nation's historical information to the public. The programmes and documentation activities undertaken by this section are intended to supplement reference sources and fill the information gaps in the sequence of history of the nation not found in any other official sources or existing resources at the National Archives. In addition, this section can also diversify the sources of historical reference facts of the nation through these activities and programmes. Documentation of information performed by this section was implemented through the Historical Narration/Historical Discourse and Oral History which are the fundamental activities of the Documentation Section. Whilst the dissemination of information about

umum melalui aktiviti Wacana Warisan, penulisan mengenai bahan arkib di akhbar, majalah, TV, radio dan melalui portal Arkib Negara. Seksyen Dokumentasi juga bertanggungjawab dalam menghasil dan menguruskan program Hari Ini Dalam Sejarah untuk siaran di stesen TV dan Radio RTM dan secara dalam talian di portal Arkib Negara.

Seksyen Penerbitan dan Percetakan bertanggungjawab merancang dan menguruskan program penerbitan dan percetakan Jabatan serta mengendalikan edaran dan jualan terbitan. Seksyen Penerbitan dan Percetakan terdiri daripada Unit Penerbitan dan Percetakan serta Unit Edaran, Jualan dan Khidmat Sokongan.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Penyelidikan Khas

Sepanjang tahun 2012, Seksyen Penyelidikan Khas Negara telah melaksanakan tiga aktiviti utamanya iaitu kajian dan penyelidikan berkaitan isu-isu persempadanan, hak dan kedaulatan negara, pengendalian Majlis Polemik Sejarah dan pendokumentasian bahan kajian.

Untuk kajian berkaitan kes-kes persempadanan negara di luar negara, kajian telah dilaksanakan di tiga buah negara iaitu United Kingdom (14 April hingga 12 Mei), Netherlands (28 Julai hingga 12 Ogos) dan India (29 September hingga 21 Oktober). Manakala untuk kajian dalam negeri, tumpuan dibuat di negeri Sarawak.

Selain dari kajian persempadanan, kerja-kerja pengesahan fakta dan pengesanan bahan berkaitan Malaysia juga turut menjadi salah satu fokus utama dalam aktiviti kajian di luar negara. Usaha pengesanan bahan di luar negara ini bertujuan untuk melengkapkan jurang maklumat dan bahan berkaitan Malaysia untuk kegunaan rujukan di masa akan datang serta merealisasikan visi Arkib Negara untuk menjadi pusat arkib dan penyelidikan negara yang unggul.

Majlis Polemik Sejarah Malaysia

Seksyen ini telah berjaya melaksanakan empat Majlis Polemik Sejarah Malaysia. Dua majlis ini telah diadakan di Sarawak iaitu pada 12 Februari di Simunjan dan di Auditorium Islamic Information Centre, Kuching pada 19 September.

archival materials and history of the nation are disseminated to the public through Heritage Discourse, writings about archival materials in newspapers, magazines, televisions, radios and through the portal of the National Archives. The Documentation Section is also responsible for producing and managing Today in History Programme for broadcast on TV and Radio stations of RTM and through the on-line portal of the National Archives.

The Publication and Printing Section is responsible for planning and managing departmental publications and printing programmes as well as handling the distributions and sales of those publications. The Publications and Printing Section is made up of Publications and Printing Unit and the Distribution Unit, Sales and Support Services.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Special Research

Throughout 2012, the National Special Research Section had implemented three main activities which were study and research on boundary issues, rights and national sovereignty, handling of the History Polemic Ceremony and documentation of research materials.

On the study related to national boundary cases outside the country, studies had been conducted in three nations namely the United Kingdom (April 14th to May 12th), the Netherlands (July 28th to August 12th) and India (September 29th to October 21th). And as for the home studies, the focus was in the state of Sarawak.

Other than the boundary studies, work on the verification of facts and tracking of materials related to Malaysia was also one of the main focus in the studies done outside the country. The materials tracking efforts outside the country was aimed at complementing the information gaps and materials related to Malaysia for the benefit of future references as well as realizing the vision of the National Archives to be the country's premier archives and research centre.

Ceremony on Malaysian Historical Polemics

This section has successfully implemented four ceremonies on Malaysian History Polemics. Two events were held in Sarawak, on February 12th in Simunjam and at the Auditorium of Islamic Information Centre, Kuching on

Majlis Polemik Sejarah di Simunjan telah dirasmikan oleh Pengerusi Ahli Lembaga Penasihat ANM, YB Hajah Nancy Haji Shukri manakala majlis di Kuching dirasmikan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara. Kedua-dua majlis ini bertemakan "Sejarah Petempatan Awal Sarawak". Pada 12 Jun pula, satu lagi Majlis Polemik telah diadakan di Pulau Pinang iaitu di Auditorium P. Ramlee, Kompleks Pustaka Warisan Seni, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dengan tema "Petempatan Awal Pulau Pinang". Manakala majlis keempat dan yang terakhir menutup tirai 2012 pula

September 19th. The ceremony in Simunjan was inaugurated by the Chairman of the Advisory Board of the NAM, YB Hajah Nancy Haji Shukri while in Kuching was inaugurated by the Director General of the National Archives. The theme for both these ceremonies was "History of the Early Settlement of Sarawak". On June 12th, the other Polemic Ceremony was held in Penang at the P. Ramlee Auditorium, Cultural Heritage Complex, Department of National Culture and Arts with the theme "The Early Settlement of Penang". While the fourth and last event concluded the year 2012 was held in Kuala Lumpur,



Ketua Pengarah ANM, Puan Hajah Daresah Haji Ismail menyampaikan ucapan alu-aluan semasa Majlis Polemik Sejarah Malaysia sesi ke-27 bertemakan Petempatan di Sarawak 1400-1840M di Kuching, Sarawak pada 19 September 2012.

Director General of NAM, Mrs. Hjh Daresah Haji Ismail delivering the welcoming speech during The 27th Session of the Malaysian Historical Polemic Ceremony with the theme Settlements in Sarawak 1400-1840AD in Kuching, Sarawak on September 19th, 2012.

telah diadakan di Kuala Lumpur, bertempat di Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta dengan tema "Petempatan Awal Kuala Lumpur". Keempat-empat majlis ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan terutama daripada para ilmuwan, penuntut institusi pengajian tinggi, NGO dan ahli-ahli Persatuan Sejarah Malaysia.

held at the National Archives of Malaysia, Jalan Duta, with the theme "The Early Settlement of Kuala Lumpur". The four occasions had received overwhelming responses especially from scholars, students of higher education institutions, NGOs and members of the Malaysian Historical Society.

Pendokumentasian Hasil Kajian

Bagi aktiviti pendokumentasian hasil kajian, Seksyen ini juga telah berjaya menghasilkan sebuah buku secara in-house bertajuk "Batu Puteh: Dokumen Terpilih" serta empat hasil kajian yang dilaksanakan secara outsource iaitu "Surat-Surat Sultan Abdul Hamid 1881 – 1895: Gambaran Penggunaan Bahasa Masyarakat Kedah Akhir Abad Ke-19", "Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid: Harta Warisan Dunia", "Perlembagaan Malaysia: Kontrak Sosial" dan "50 Tahun Penubuhan Malaysia: Pahit Manis Sabah dan Sarawak Dalam Malaysia". Kajian secara outsource telah dilaksanakan oleh pensyarah-pensyarah tempatan yang dikenalpasti sebagai pakar dalam bidang kajian berkaitan. Selain itu, tiga buah buku yang merupakan kompilasi kertas kerja Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah, Bengkel Kajian Pembentukan Sempadan Negeri-Negeri di Utara Semenanjung Malaysia dan Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi 23 hingga 28 telah berjaya diterbitkan. Di samping itu, dua buah buku yang mengandungi kompilasi dokumen-dokumen Portugis beserta terjemahan dokumen tersebut dalam bahasa Inggeris turut diterbitkan.

Peruntukan

Bagi melaksanakan aktivitinya, Seksyen ini telah diberi peruntukan perbelanjaan di bawah Peruntukan Pembangunan melalui Projek Kajian Penyelidikan dan Persempadanan Negara sebanyak RM 1,396,000.00 pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, sebanyak RM 1,273,854.20 telah berjaya dibelanjakan.

Pengukuhan Sejarah

Pada tahun 2012, Seksyen Dokumentasi telah mengadakan empat aktiviti pendokumentasian melalui program Pengkisahan Sejarah Darurat dengan tema "Peristiwa Gubir: Pengalaman Anggota TUDM Menentang Pengganas Komunis" bertempat di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra pada 13 Mac 2012. Tokoh yang terlibat ialah Mejar (B) Haji Nor Ibrahim Sulaiman dan PW1 (B) Haji Mohsain Haji Hashim dengan dipengerusikan oleh Encik Mior Roslan Mior Jaafar.

Pada 5 Julai 2012 telah berlangsung Seminar Perlembagaan Malaysia dengan tema "Di antara Sejarah dan Tuntutan Semasa" bertempat di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Seminar yang berlangsung dalam dua sesi ini dimulakan

Documentation of the Outcomes of Study

The documentation activity for outcomes of the study, this section also has successfully produced an in-house book entitled "Batu Puteh: The Chosen Documents" and four results of studies conducted through outsourcing namely "Letters of Sultan Abdul Hamid 1881 - 1895: Overview of the Use of Kedah Community Language at the End of the 19th Century", "Sultan Abdul Hamid Correspondences: World Heritage Property", "The Constitution of Malaysia: Social Contract" and "Through 50 Years Formation of Malaysia: Bittersweet Sabah and Sarawak in Malaysia". The outsourced studies were done by local lecturers identified as experts in their related field of research. In addition, the three books which were compilations of working paper on Workshop on the Study of Sabah State's Boundary, Workshop on Borders Formation Study for Northern States of Peninsular Malaysia and Ceremony on Polemic of Malaysian History, sessions 23 to 28 were successfully published. Besides that, two books which contained compilations of Portuguese documents with translations in English were also published.

Allocation

In order to implement its activities, this Section has been given expenditure allocation under the Development Allocation through the Study Research and National Boundaries Project for RM 1,396,000.00 in 2012. Of this amount, a total of RM 1,273,854.20 has been successfully spent.

Reinforcement of History

In 2012, the Documentation Section has held four documentation activities through the Historical Narration of the Emergency programme with the theme "Gubir Incident: the Experience of RMAF Airmen Against the Communist Terrorists" at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial on March 13th, 2012. The notables involved were Major (B) Haji Nor Ibrahim Sulaiman and Warrant Officer 1 (B) Haji Mohsain Haji Hashim chaired by Mr. Mior Roslan Mior Jaafar.

On July 5th, 2012 a Constitution of Malaysia Seminar on the theme "Between History and Current Claims" held at the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial. The seminar which was held in two sessions began with a keynote address by



Tokoh-tokoh Majlis Pengkisahan Sejarah Darurat 'Peristiwa Gubir: Pengalaman Anggota TUDM Menentang Penganas Komunis', dari kiri, Mejar (B) Nor Ibrahim Sulaiman; Encik Mior Roslan Dato' Haji Mior Mohd Jaafar (Pengerusi) dan Pegawai Waran 1 (B) Haji Mohsain Haji Hashim.

Personalities at the History of Emergency Narration Ceremony 'The Gubir Events: RMAF Officers Experience Against Communist Terrorists', from left, Major (R) Nor Ibrahim Sulaiman; Mr. Mior Roslan Dato' Haji Mior Mohd Jaafar (Chairman) and Warrant Officer 1 (R) Haji Mohsain Haji Hashim.

dengan ucapnama oleh Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi. Para pembentang yang mengambil bahagian terdiri daripada YBhg. Prof. Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff Hashim, Prof. Madya Dr. Joseph Milton Fernando, Dr. Azharudin Mohamed Dali, Prof. Madya Dr. Shamrahayu A. Aziz dan Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian. Manakala Dr. Suffian Mansor dan Encik Mohd Samsudin selaku pengerusi sesi.

Bersempena dengan Bulan Bahasa Kebangsaan 2012, pada 16 Oktober 2012 diadakan Majlis Bicara Bahasa dengan tema "Surat-surat Sultan Abdul Hamid Halim Shah 1882 – 1905M", di Dewan Zaaba, IPG Kampus Bahasa Melayu, Lembah Pantai, Kuala Lumpur bersama dengan tokoh pembicara Prof. Emeritus Dr. Hajah Asmah Haji Omar dan dipengerusikan oleh Dr. Saadon Ramli. Pada 31 Oktober 2012, bertempat di Arkib Negara diadakan Majlis Bicara Filem dengan tema "Filem Sebagai Sumber Rujukan Sejarah" bersempena Hari Audio Visual Sedunia 2012 bersama tokoh Datin Paduka Shuhaimi Baba dan Encik Azhari Zain. Majlis dipengerusikan oleh Prof. Abu Hassan Hasbullah. Pada 6 Disember 2012 bertempat di Arkib Negara telah diadakan Majlis Pengkisahan Sejarah

Prof. Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi. The presenters who participated were YBhg. Prof. Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff Hashim, Assoc. Prof Dr. Joseph Milton Fernando, Dr. Azharudin Mohamed Dali, Assoc. Prof Dr. Shamrahayu A. Aziz and Assoc. Prof. Dr. Sivamurugan Pandian. While Dr. Suffian Mansor and Mr. Mohd Samsudin as the chair for the session.

In conjunction with the National Language Month 2012, on October 16th, 2012 was held Language Talk Ceremony with the theme "Letters of Sultan Abdul Hamid Halim Shah 1882 - 1905M", in Zaaba Hall, IPG Malay Language Campus, Lembah Pantai, Kuala Lumpur together with prominent speaker Prof. Emeritus Dr. Hajah Asmah Haji Omar and chaired by Dr. Saadon Ramli. On October 31st, 2012, at the National Archives was held a Film Talk Ceremony with the theme "Film As Historical Reference Source" in conjunction with the World Audio Visual Day 2012 together with Datin Shuhaimi Baba and Mr. Azhari Zain. The ceremony was chaired by Prof. Abu Hassan Hasbullah. On December 6th, 2012 at the National Archives was held The History of

Kuala Lumpur dengan tema “*Malay Agricultural Settlement Kampong Bharu Kuala Lumpur*”. Majlis yang dipengerusikan oleh Encik Mohamad Samsudin melibatkan Dato’ Seri Dr. Suleiman Mohamed, Encik Shamsuri Suradi dan Tuan Haji Zakaria Yahaya sebagai tokoh.

Bagi projek Sejarah Lisan sebanyak 44 jam rakaman Sejarah Lisan telah dijalankan melibatkan 19 tokoh iaitu Datuk Dr. Soh Chai Hiock (bekas Ketua Pengarah Jabatan Bomba), Dato’ Mohd Husain Ahmad Takin (bekas Pegawai Jabatan Bomba), Khiruddin Saip (Pegawai Bomba), Haji Zaharudin Hassan (bekas Pegawai Bomba), Dr. Leon Comber (bekas Pegawai Polis Cawangan Khas), Dato’ Haji Badarudin Mat Isa (bekas Ketua Pengarah Jabatan Bomba), Ar. Chee Soo Teng (Arkitek), Ir. Wong See Fong (Jurutera), Ir. Chen Thiam Leong (Jurutera), Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad (bekas Menteri Besar Terengganu), Ir. Chiam Teong Tee, (Jurutera), Dato’ Sabariah Hassan (TKSU Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat), Prof. Datuk Dr. Ir. Ow Chee Sheng (Pensyarah UiTM), Nor Azlan Abdul Rahman (Pegawai Bomba), Dato’ Suriah Abdul Rahman (Pengerusi MIMOS), Dato’ Wan Abu Bakar Wan Teh Ibrahim (bekas TKSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan), Mohd

Kuala Lumpur Narration Ceremony with the theme “ Malay Agricultural Settlement Kampong Bharu Kuala Lumpur”. The ceremony chaired by Mr. Mohamed Samsudin also involved Dato’ Seri Dr. Suleiman Mohamed, Mr. Shamsuri Suradi and Tuan Haji Zakaria Yahaya as the prominent figure.

The Oral History project, a total of 44 hours of recording of Oral History was carried out which involved 19 prominent figures namely Datuk Dr. Soh Chai Hiock (former Director General of the Fire and Rescue Department), Dato’ Mohd Husain Ahmad Takin (former officer of Fire and Rescue Department), Khiruddin Saip (Fire Officer), Haji Zaharudin Hassan (former Fire Officer), Dr. Leon Comber (former Special Branch Police Officer), Dato’ Haji Badarudin Mat Isa (former Director General of the Fire and Rescue Department), Ar. Chee Soo Teng (Architect), Ir. Wong See Fong (Engineer), Ir. Chen Thiam Leong (Engineer), Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad (former Chief Minister of Terengganu), Ir. Chiam Teong Tee (Engineer), Dato’ Sabariah Hassan (Deputy Secretary General of the Ministry of Women, Family and Community Development), Prof. Datuk Dr. Ir. Ow Chee Sheng (UiTM Lecturer), Nor Azlan Abdul Rahman (Fire Officer), Dato’ Suriah Abdul Rahman (Chairman, MIMOS), Dato’ Wan Abu



Timbalan Menteri KPKK, YB Dato’ Joseph Salang (tengah) bergambar bersama TKSU (Kebudayaan), YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi (empat dari kanan), Ketua Pengarah ANM, Puan Hajah Daresah Haji Ismail, pengerusi-pengerusi sesi dan pembentang-pembentang kertas kerja Seminar Perlembagaan Malaysia ‘Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa’.

Deputy Minister MICC, YB Dato’ Joseph Salang (centre) posing with Deputy Secretary General (Culture), YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi (fourth from right), Director General of the NAM, Puan Hajah Daresah Haji Ismail, chairperson of the sessions and paper presenters of Malaysian Constitution Seminar ‘Between History and Current Assertions’.

Yusof Muhammad (bekas Pegawai Jabatan Bomba, Kasman Shaid (Ahli Bomba) dan Haji Probosutedjo (Adik Allahyarham Presiden Suharto, Indonesia).

Program di Media Massa tempatan yang melibatkan penulisan artikel mengenai bahan-bahan arkib telah disiarkan di majalah Dewan Siswa sebanyak 12 artikel, majalah Dewan Pelajar sebanyak 12 artikel dan majalah Celik sebanyak 7 artikel. Manakala penulisan di web portal melalui pelbagai tajuk di ruangan “Kenali Tokoh” (15 artikel), “Permata Pusaka” (12 artikel) dan “Jendela Sejarah” (1 artikel).

Sebanyak 732 skrip Hari Ini Dalam Sejarah (HIDS) telah dimuatkan secara dalam talian (online) di Portal web HIDS, manakala 365 skrip lagi disiarkan melalui siaran di TV1 dan TV2, RTM. Penyiaran ini juga turut meliputi siaran di 32 buah stesen radio termasuklah KlasikNasional, Traxx FM, Minnal FM, Ai FM dan bahagian siaran luar Negara iaitu ‘Suara Malaysia’.

Terbitan Jabatan

Sepanjang tahun 2012, Arkib Negara Malaysia telah berjaya menerbitkan 25 buah buku dan buletin iaitu:

1. Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 4/2011
2. Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 1/2012
3. Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 2/2012
4. Puspawangsa Berita Arkib Negara Malaysia Bil. 3/2012
5. Emas Tempawan Kembali Bertakhta
6. Menjulung Transformasi Negara Ke Arah 2020
7. Laporan Tahunan 2011
8. 55 Tahun Arkib Negara Malaysia: Era Digital
9. Arkivis – Buletin Arkib Negara Malaysia
10. Panduan Penyediaan Jadual Pelupusan Rekod Fungsian
11. Panduan Penyediaan Klasifikasi Fail Pejabat Awam
12. Blue Print Pelan Strategik Transformasi Pegawai Arkib : Ke Arah Mewujudkan Pegawai Arkib Bertaraf Dunia Menjelang 2015
13. Jadual Pelupusan Rekod Am
14. Panduan Penyediaan Pelan Tindakan Bencana Rekod Kerajaan

Bakar Wan Teh Ibrahim (former Deputy Secretary General Ministry of Housing and Local Government), Mohd Yusof Muhammad (former officer of Fire and Rescue Department), Kasman Shaid (Fireman) and Haji Probosutedjo (brother of the late President Suharto, Indonesia).

The programme in Local Mass Media which involved writing articles on archival materials have been published in Dewan Siswa magazines a total of 12 articles, Dewan Pelajar 12 articles and Celik magazine 7 articles. Whereas writing on web portals through various topics in the column “Know the Personality” (15 articles), “Jewel Inheritance” (12 articles) and “Window to History” (1 article).

A total of 732 scripts of Today in History (HIDS) have been uploaded online through the Web Portal HIDS, whilst another 365 scripts were broadcasted over TV1 and TV2, RTM. This broadcasting were also on 32 radio stations, including KlasikNasional, Traxx FM, Minnal FM, Ai FM and the overseas broadcast division namely the ‘Voice of Malaysia’.

Departmental Publications

Throughout 2012, the National Archives of Malaysia has successfully published 25 books and bulletin:

1. *Puspawangsa, National Archives of Malaysia News No.4/2011*
2. *Puspawangsa, National Archives of Malaysia News No.1/2012*
3. *Puspawangsa, National Archives of Malaysia News No.2/2012*
4. *Puspawangsa, National Archives of Malaysia News No.3/2012*
5. *The Wrought Gold Returns to the Throne*
6. *Rising to the National Transformation Towards 2020*
7. *Annual Report 2011*
8. *55 Years of the National Archives of Malaysia : The Digital Era*
9. *Archivist – Bulletin of the National Archives of Malaysia*
10. *Guide to the Preparation of Functional Records Disposal Schedule*
11. *Guide to the Preparation of Public Office File Classification*
12. *Blueprint of the Transformation Strategic Plan for Archivists : Towards Creating World Class Archivists By 2015*
13. *General Records Disposal Schedule*
14. *Guide to the Preparation of Disaster Action Plan for Government Records*

15. Inventori Aminuddin Baki
16. Dasar Pengurusan Rekod
17. Dasar Penilaian dan Perolehan Rekod Awam
18. Polemik Sejarah Malaysia Jilid 3
19. Kumpulan Kertas-Kertas Kerja Bengkel Kajian Persempadanan Negeri Sabah
20. Kumpulan Kertas-Kertas Kerja Bengkel Kajian Pembentukan Sempadanan Negeri-Negeri Utara
21. Document On Malacca History and the Moves Of Sultan Mahamude (1516-1520)
22. Document On Malacca History and the Moves Of Sultan Mahamude (1509-1511)
23. Malacca History Event And The Moves Of Sultan Mahamude From 1512 – 1515 Volume 1
24. Koleksi Terpilih Kes Batu Putih
25. Surat-Surat Sultan Abdul Hamid 1881-1895 - Gambaran Bahasa Masyarakat Kedah Akhir Abad ke 19

Terbitan-terbitan tersebut dihasilkan oleh Seksyen Penerbitan dan Percetakan, Seksyen Penyelidikan Khas Negara, Seksyen Dasar, Standard dan Pengurusan Kualiti, Seksyen Rujukan dan Akses, Seksyen Pelupusan Rekod, Seksyen Pengurusan Rekod Elektronik, Seksyen Rekod Penting dan Pemulihan Bencana dan Seksyen Panducari.

Seksyen Penerbitan dan Percetakan juga terlibat secara langsung dalam penerbitan buku mengenai Yang di-Pertuan Agong XIV bertajuk 'The Return' yang merupakan hasil penulisan YTM Tunku Dato' Dr. Hajah Sofiah Jawa. Seksyen ini bertanggungjawab dalam pencarian gambar, urusan penajaan dan pembayaran serta membantu ketika proses penyediaan reka bentuk. Buku ini telah dilancarkan pada 28 November 2012 di Istana Negara.

Penjualan dan Pengedaran Terbitan

Seksyen Penerbitan dan Percetakan telah mengedarkan sejumlah 97,695 naskhah/unit bahan terbitan Jabatan ke sekolah-sekolah, pusat pengajian tinggi, agensi kerajaan, perpustakaan negeri, individu dan sebagainya. Sebanyak 1,397 bilangan buku telah berjaya dijual dengan kutipan sebanyak RM 67,924.90 melalui jualan yang diadakan di pejabat, Pesta Buku Antarabangsa, program-program Arkib Negara dan jabatan/agensi luar.


15. *Aminuddin Baki Inventory*
16. *Records Management Policy*
17. *Appraisal and Acquisition of Public Records Policy*
18. *Malaysian History Polemics Volume 3*
19. *Collections of Working Papers on Workshop Studies on Boundaries of Sabah*
20. *Collections of Working Papers on Workshop Studies on Boundaries Formation of Northern States*
21. *Document On Malacca History and the Moves Of Sultan Mahamude (1516-1520)*
22. *Document On Malacca History and the Moves Of Sultan Mahamude (1509-1511)*
23. *Malacca History Event And The Moves Of Sultan Mahamude From 1512 – 1515 Volume 1*
24. *Selected Collections on the Case of Batu Putih*
25. *Letters of Sultan Abdul Hamid 1881 – 1895 – A Description of Kedah Community Language at the End of 19th Century*

The publications were produced by the Publishing and Printing Section, National Special Research Section, Policy Section, Standards and Quality Management Section, Reference and Access Section, Records Disposal Section, Electronic Records Management Section, Vital Records and Disaster Recovery Section and Finding Aids Section.

The Publishing and Printing Section was also directly involved in the publication of a book on HRH Yang di-Pertuan Agong XIV entitled 'The Return' which was the result of writings by YTM Tunku Dato' Dr. Hajah Sofiah Jawa. This section was responsible in photograph search, sponsorship and payment matters as well as assisting the preparation of the design process. This book was launched on November 28th, 2012 at the National Palace.

Sale and Distribution of Publications

The Publishing and Printing Section has distributed a total of 97,695 copies/units of the Department's publications to schools, higher education centres, government agencies, state libraries, individuals and others. A total of 1,397 books were successfully sold with proceed from the sales totalling RM 67,924.90 through sales held in offices, the International Book Fair, the National Archives programmes and external departments/agencies.



Pemasaran Terbitan

Tahun 2012 juga menyaksikan terbitan Arkib Negara Malaysia diperluaskan pasarannya di syarikat buku antarabangsa Kinokuniya Book Stores (Malaysia). Ini antara kejayaan Arkib Negara bagi melaksanakan peranannya untuk menyebarkan maklumat dengan lebih meluas kepada masyarakat.

Marketing of Publications

The year 2012 also witnessed the publications of the National Archives of Malaysia extended its market at Kinokuniya Book Stores (Malaysia) an international book company. This is the success of the National Archives for its role in disseminating information to be more widely available to the community.



Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan melihat terbitan Arkib Negara di jualan buku sempena Seminar Transformasi Pengurusan Rekod pada 18 Jun 2012.

Chief Secretary to the Government of Malaysia, YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Haji Hassan looking at the publication of National Archives of Malaysia in conjunction of Records Management Transformation Seminar on 18 June 2012.

Bahagian Arkib Negarawan

Statesmen Archives Division



BAHAGIAN Arkib Negarawan

Statesmen Archives Division

PROFIL

Bahagian Arkib Negarawan memainkan peranan yang amat penting bagi memastikan peranan dan sumbangan tokoh negarawan dihargai serta mendapat pengiktirafan negara. Justeru itu, semua koleksi dan bahan khazanah warisan tokoh negarawan dikenal pasti, diperolehi dan dipelihara dengan sebaik mungkin sebagai bahan bukti kepada kepimpinan dan pencapaian tokoh-tokoh berkenaan. Bahagian ini juga sentiasa berusaha untuk memperkayakan koleksi bahan berkaitan tokoh negarawan dalam usaha untuk menjadikan Arkib Negarawan sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan utama sejarah negara, terutamanya yang berkaitan dengan negarawan dan tokoh utama negara selari dengan visi Arkib Negara Malaysia untuk menjadikan jabatan ini sebagai pusat arkib dan pusat penyelidikan negara yang unggul.

Terdapat dua Seksyen di bawah Bahagian Arkib Negarawan bagi membantu merealisasikan objektif bahagian, iaitu Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan serta Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan. Kedua-dua Seksyen ini memainkan peranan yang penting untuk memastikan objektif bahagian dapat dicapai dengan jayanya. Seksyen Perancangan dan Pemuliharaan dipertanggungjawabkan untuk memperoleh, menyimpan, memelihara dan memulihara koleksi bahan Arkib Negarawan selain menyediakan kemudahan rujukan serta penyelidikan yang cekap dan sistematik. Seksyen ini juga bertanggungjawab mendokumentasikan dan menyebarkan bahan arkib negarawan dalam bentuk penulisan dan penerbitan.

Seksyen Pengurusan Arkib Negarawan memainkan peranan untuk merancang, mengurus, melaksanakan dan memantau aktiviti-aktiviti pengembangan dan promosi bagi memasyarakatkan institusi memorial, galeria dan pustaka yang ditempatkan di seluruh negara. Objektif seksyen ini ialah memperkemas dan memperagakan maklumat-maklumat mengenai sejarah ketokohan negarawan dan menjadikan institusi memorial, galeria dan pustaka sebagai pusat sumber dan pembelajaran yang berdaya saing serta sebagai tempat kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara. Terdapat lapan buah institusi memorial, galeria dan pustaka di bawah tanggungjawab seksyen ini iaitu Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Memorial Tun Abdul Razak, Memorial Tun Hussein Onn, Galeria Sri Perdana, Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Memorial Tun Ghaffar Baba, Pustaka Peringatan P. Ramlee dan Pustaka Perkhidmatan Awam.

PROFILE

The Statesmen Archives Division plays a very important role in ensuring the roles and contributions of the statesmen were valued as well as getting national recognition. Therefore, all collections and heritage materials of the statesmen are identified, acquired and preserved as best as possible due to their material evidence of leadership and accomplishments by the statesmen concerned. The division is also constantly striving to enrich the collection of materials related to the statesmen in efforts to make Statesman Archive as the main center of learning and research on the history of the nation, especially those related to the statesmen and key figures of the nation in line with the National Archives of Malaysia's vision to make this department as the nation's premier archives and research centre.

There are two sections under the Statesmen Archives Division which are helping to realize the objectives of the department, namely the Planning and Conservation Section and the Statesmen Archives Management Section. Both these sections play an important role in ensuring the division's objectives can be successfully achieved. The Planning and Conservation Section is responsible for acquiring, storing, preserving and conserving the collection of materials of the Statesmen Archives apart from providing reference and research facilities which are efficient and systematic. This section is also responsible for the documentation and dissemination of the statesmen archival materials in written form and publications.

The Statesmen Archives Management Section play a role in planning, managing, implementing and monitoring expansion and promotion activities in order to communalise the memorial institutions, galeria and libraries located throughout the nation. The objectives of this section are to streamline and showcase information related to the history of the statesmanships of eminent person and making the memorial institutions, galeria and libraries as a resource and learning centre which is competitive as well as a destination for visitation by visitors from within and outside the country. There are eight memorial institutions, galeria and libraries handled by this section namely the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial, Tun Abdul Razak Memorial, Tun Hussein Onn Memorial, Sri Perdana Galeria, Proclamation of Independence Memorial, Tun Ghaffar Baba Memorial, P. Ramlee Memorial and the Civil Service Library.

PENCAPAIAN AKTIVITI-AKTIVITI TAHUNAN

Arkib Negarawan Sebagai Tempat Kunjungan Orang Ramai

Pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan pelbagai agensi awam dan swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah, pertubuhan dan sebagainya telah dilaksanakan bagi menarik pelawat datang ke memorial, galeria dan pustaka. Sepanjang tahun 2012 seramai 861,060 orang pelawat yang terdiri daripada pelawat dalam dan luar negara telah mengunjungi memorial, galeria dan pustaka yang terletak di bawah pengurusan Bahagian Arkib Negarawan, sama ada secara perseorangan, berkumpulan, lawatan berpandu atau melalui program dan aktiviti yang telah diadakan.

Arkib Negarawan Sebagai Pusat Sumber Penyelidikan

Pada tahun 2012, seramai 342 orang penyelidik telah menjalankan penyelidikan di Bahagian Arkib Negarawan. Sementara itu, sebanyak 2,006 bahan telah dirujuk sepanjang tahun tersebut. Rujukan bahan ini melibatkan pelbagai jenis bahan termasuk keratan akhbar dan gambar berkaitan tokoh serta peristiwa yang berkaitan dengan seseorang tokoh negarawan.

Perolehan Bahan Arkib dan Artifak

Pada tahun 2012, jumlah perolehan bahan ialah sebanyak 3,207. Perolehan bahan ini terdiri daripada 48 artifak dan 3,159 bahan bukan artifak. Perolehan bahan ini merangkumi bahan-bahan YTM Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi, Tun Fuad Stephens, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Temenggong Jugah dan beberapa orang tokoh negarawan yang lain. Perolehan bahan ini bukan sahaja tertumpu pada tokoh yang telah meninggal dunia, tetapi termasuk juga tokoh yang masih ada dan sedang berkhidmat.

Pemuliharaan Bahan Negarawan

Sepanjang tahun 2012, pemuliharaan 100 artifak telah berjaya dilakukan dan pemeliharaan pula melibatkan 1,871 artifak. Antara koleksi artifak yang telah dilakukan proses pemuliharaan ialah koleksi pingat YTM Tunku Abdul Rahman Putra, koleksi logam YTM Tunku Abdul Rahman Putra, koleksi

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

Statesmen Archives as the place for Public Visits

The MAHA International Show 2012 programme was held on November 23rd, to December 2nd, 2012 located at Malaysia Agro Exposition Serdang (MAEPS), Serdang, Selangor, organised by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry Malaysia. The National Archives of Malaysia through

kalinya juga telah turut serta dalam menyediakan pameran “P.Ramlee The Bright Star From MAHA” diruangan pameran Galeri Sejarah MAHA (1922 - 2012).

Selain pameran berbentuk poster, replika sebuah beca yang digunakan oleh P.Ramlee didalam filem Penarek Becha, biola, majalah dan anugerah milik Allahyarham Tan Sri P.Ramlee juga dipamerkan. Jualan cenderamata berkaitan Allahyarham Tan Sri P.Ramlee juga diadakan digerei ini. Seramai hampir 70 ribu pengunjung dan pelawat yang terdiri daripada pelbagai kaum, masyarakat dan negara telah mengunjungi gerai pameran ini

Pameran ini memperlihatkan sejarah permulaan seorang seniman agung negara yang memulakan karya seninya melalui pertandingan nyanyian di MAHA International Show pada tahun 1948 yang seterusnya menjuarai pertandingan tersebut. Melalui pertandingan tersebut juga bakatnya telah dicungkil dan menjadi nostalgia sehingga kini. Justeru, penyertaan Arkib Negara dalam penganjuran MAHA kali ini adalah bertujuan untuk mengembalikan nostalgia dan kenangan Allahyarham ketika zaman kegemilangannya kepada masyarakat kini.

PROGRAM BERSAMA TV3

Koleksi Sudirman Ke Sri Pentas

Pada 22 Februari 2012 yang lalu, Arkib Negara Malaysia telah bekerjasama dengan TV3 untuk mengetengahkan beberapa koleksi pakaian dan memorabilia milik Allahyarham Datuk Sudirman Haji Arshad untuk tatapan rakyat Malaysia. Peragaan koleksi bahan milik Allahyarham tersebut disiarkan melalui satu siaran khas yang diadakan bagi memperingati hari ulang tahun kematian Allahyarham, iaitu “Mengimbau Kembali Nostalgia Allahyarham Datuk Sudirman Hj. Arshad”, bertempat di Studio B, Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya melalui slot Malaysia Hari Ini (MHI) selama dua jam setengah. Antara koleksi milik Allahyarham yang diperagakan ialah trofi Anugerah Istimewa AIM yang pernah dimenangi pada tahun 1993, topi, kasut, baju dan cermin mata termasuk baju yang mempunyai corak bendera Malaysia. Selesai penggambaran di set MHI, publisiti mengenai koleksi pakaian Allahyarham Sudirman turut mendapat liputan secara langsung di 8TV dan stesen radio Hot FM.

the P.Ramlee Memorial had for the first time, participated in the preparation of an exhibition “P.Ramlee The Bright Star From MAHA” at the MAHA History Gallery (1922 - 2012) exhibition area.

Apart from poster exhibition, a trishaw replica used by P.Ramlee in the film ‘Penarek Becha’, a violin, magazines and decorations belonging to the late Tan Sri P.Ramlee were also put on display. The sale of souvenirs related to the late Tan Sri P.Ramlee was also held at this booth. Nearly as many as 70 thousand visitors and guests comprising of various races, communities and nations had visited the exhibition booth.

This exhibition showed the early history of one of the nation’s great artists who started his artistic composition by participating in singing competition at MAHA International Show in 1948 and subsequently became the champion of the competition. Through that competition too his talent was highlighted and became a nostalgia to this present time. Hence, the involvement of the National Archives in organising MAHA was for the purpose of bringing back the nostalgic feelings and memory of him during his glorious era, to the present community.

TOGETHER WITH TV3 PROGRAMME

Sudirman’s Collection to Sri Pentas

On February 22nd, 2012, the National Archives of Malaysia had in cooperation with TV3 to highlight a number of costumes collection and memorabilia belonging to the late Datuk Sudirman Haji Arshad for the eyes of Malaysians. The display on the collection of materials belonging to him was broadcasted through one special broadcast held in commemoration of the anniversary of his demise, which was “Mengimbau Kembali Nostalgia Allahyarham Datuk Sudirman Hj. Arshad”, located at Studio B, Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya via the Malaysia Hari Ini (MHI) slot for two and a half hours. Among the collections belonging to him which were displayed was a AIM Special Award trophy won by him in 1993, hats, shoes, shirts and spectacles including the shirt which has the design of Malaysian flag. Upon completion of show at the MHI set, the publicity on the costumes collection of the late Sudirman also had live broadcast over 8TV and Hot FM radio station.

Program Siaran Langsung Malaysia Hari Ini (MHI) Sempena Memperingati Jasa Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P.Ramlee

Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Media Prima telah mengadakan siaran langsung sempena memperingati Jasa Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P.Ramlee dalam bidang seni. Program diadakan di Pustaka Peringatan P.Ramlee pada 6 September 2012, dari pukul 7.00 hingga 9.00 pagi. Program ini diacarakan oleh Ally Iskandar dan Ahmad Fitri Yahya. Pihak produksi juga turut mengundang Tun Ahmad Sarji, Hajah Mariani, Datuk Aziz Satar, Datuk Ahmad Nawab dan En. Ramli Ismail sebagai tetamu jemputan dalam rancangan berkenaan.

Program Siaran Langsung Malaysia Hari Ini (MHI) Mengisahkan Kehidupan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra

Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Media Prima telah mengadakan siaran langsung mengisahkan kehidupan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra sebagai Perdana Menteri Pertama pada 17 September 2012. Program ini bersiaran langsung melalui rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) pada jam 7.00 hingga 9.00 pagi dari Memorial Tunku Abdul Rahman Putra. Program dikendalikan oleh Elly Iskandar dan Nurul Shuhadah Nurul Ain Mohd Zain. Tunku Khadijah Tunku Abdul Rahman dan Tunku Mukminah Tunku Muhammad Jawa turut diundang sebagai tetamu jemputan.

PROGRAM BERSAMA SURIA FM

Program Sempena Memperingati Jasa Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P.Ramlee di Suria FM "Slot Ceria Pagi"

Arkib Negara Malaysia dengan kerjasama Suria FM (Rimakmur Sdn. Bhd.) telah mengadakan program memperingati Jasa Seniman Agung Allahyarham Tan Sri P.Ramlee dalam bidang seni tanah air yang ke udara di Suria FM "Slot Ceria Pagi" pada 11 Oktober 2012, jam 7.30 hingga 10.30 pagi. Penyampai radio pada program ini adalah Halim Othman, Kencana Dewi dan Nabil, bersama tetamu jemputan iaitu Datuk Aziz Satar dan Pengarah Bahagian Arkib Negarawan, En. Ihsan Hj. Hassan.

Programme In Conjunction With Reminiscing the Deeds of a Great Artist the Late Tan Sri P.Ramlee

The National Archives of Malaysia with the cooperation of Media Prima has held live broadcast in conjunction with reminiscing the Deeds of a Great Artist the Late Tan Sri P.Ramlee in the fields of arts. The programme was held at the P.Ramlee Memorial Library on September 6th, 2012, from 7.00 to 9.00 am. This programme was hosted by Ally Iskandar and Ahmad Fitri Yahya. The production team had also extended invitations to Tun Ahmad Sarji, Hajah Mariani, Datuk Aziz Satar, Datuk Ahmad Nawab and Mr. Ramli Ismail as invited guests to the show.

Malaysia Today (MHI) Live Broadcast Programme on the Life of the late Tunku Abdul Rahman Putra

The National Archives of Malaysia with the cooperation of Media Prima has held live broadcast narrating the life of the late Tunku Abdul Rahman Putra as the first Prime Minister on September 17th, 2012. This programme was broadcasted live from the Tunku Abdul Rahman Putra Memorial in Malaysia Today (MHI) show from 7.00 to 9.00 am. The programme was hosted by Elly Iskandar and Nurul Shuhadah Nurul Ain Mohd Zain. Tunku Khadijah Tunku Abdul Rahman and Tunku Mukminah Tunku Muhammad Jawa were the invited guests.

TOGETHER WITH SURIA FM PROGRAMME

Programme in Conjunction With Reminiscing the Deeds of a Great Artist the late Tan Sri P.Ramlee at Suria FM "Cheerful Morning Slot"

The National Archives of Malaysia with the cooperation of Suria FM (Rimakmur Sdn. Bhd.) has held a programme on reminiscing the Deeds of a Great Artist the late Tan Sri P.Ramlee in the nation's field of art which was on air via Suria FM "Cheerful Morning Slot" on October 11th, 2012, at 7.30 to 10.30 am. Radio presenter for this programme was Halim Othman, Kencana Dewi and Nabil, together with invited guests Datuk Aziz Satar and the Director of the Statesmen Archives Division, Mr. Ihsan Hj. Hassan.

Program Sempena Sambutan Hari Arkib Yang Ke - 55 Di Suria FM "Slot Ceria Pagi"

Arkib Negara Malaysia telah bekerjasama dengan Suria FM bagi mempromosikan peranan dan tanggungjawab Jabatan ini kepada orang ramai bersempena dengan Sambutan Hari Arkib yang Ke-55. Sesi temu bual ini telah disertai oleh Timbalan Ketua Pengarah, Arkib Negara Malaysia, YBrs. En. Azemi Abdul Aziz, selaku tetamu jemputan. Sesi ini yang dikendalikan oleh Halim Othman dan Kencana Dewi telah bersiaran pada 29 November 2012 dari pukul 7.30 pagi hingga 10.30 pagi melalui Suria FM dalam "Slot Ceria Pagi". Temu bual dijalankan di Suria FM, Tropicana City Office Towers, Petaling Jaya.

KURSUS

Kursus Pemeliharaan dan Pemuliharaan Artifak

Bahagian Arkib Negarawan juga telah mengadakan Kursus Pemeliharaan dan Pemuliharaan Artifak kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung mengendalikan bahan berkenaan. Kursus telah diadakan sebanyak dua siri, iaitu pada 21 Mac 2012 yang dihadiri oleh seramai 14 orang peserta dan siri kedua pada 26 November 2012 dengan kehadiran peserta seramai 25 orang.

Penganjuran kursus ini bertujuan untuk membolehkan para peserta mempelajari tentang cara pengendalian dan pemeliharaan artifak dengan betul, serta meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan peserta agar lebih menghargai artifak dan nilai sejarah itu sendiri. Para peserta juga berpeluang untuk berkongsi maklumat dan bertukar-tukar pendapat dalam meningkatkan lagi kualiti pemeliharaan artifak di semua memorial di bawah kendalian Arkib Negara Malaysia.

LAWATAN

Lawatan Berpandu

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 393 lawatan berpandu telah diadakan melibatkan seramai 24,052 orang pengunjung. Lawatan ini kebanyakannya terdiri daripada orang perseorangan serta lawatan secara berkumpulan daripada pelbagai pihak seperti agensi-agensi awam dan

Programme in Conjunction With the 55th Archives Day Celebration at Suria FM "Cheerful Morning Slot"

The National Archives of Malaysia has had the cooperation of Suria FM in promoting the roles and responsibilities of the Department to the public in conjunction with the 55th Archives Day Celebration. The chat session was joined by the Deputy Director General, the National Archives of Malaysia, YBrs. Mr. Azemi Abdul Aziz, as the invited guest. This session was conducted by Halim Othman and Kencana Dewi was broadcasted on November 29th, 2012 from 7.30 to 10.30 am through Suria FM in "Cheerful Morning Slot". The chat session was conducted at Suria FM, Tropicana City Office Towers, Petaling Jaya.

COURSES

Course on Preservation and Conservation of Artifacts

The Statesmen Archives Division has also conducted a Course on Preservation and Conservation of Artifacts to the officers and staff who were directly involved in handling the related materials. The course was conducted in two series, on March 21st, 2012 attended by 14 participants and the second series on November 26th, 2012 with participation of 25 people.

This course was aimed at enabling the participants to learn about the handling and preservation of artifacts correctly, as well as to raise the level of awareness among the participants to better appreciate these artifacts and their historical values. The participants also had the opportunities to share information and exchange ideas to improve the quality of preservation of artifacts in all of the memorials managed by the National Archives of Malaysia.

VISITS

Guided Visits

During the year 2012, a total of 393 guided tours were conducted involving a total of 24,052 visitors. These visits were mainly from individuals as well as group tours from the various parties such as public and private agencies, higher education institutions, organizations, schools, foreign

swasta, institusi pengajian tinggi, pertubuhan-pertubuhan, sekolah, delegasi luar negara dan lain-lain lagi. Antaranya ialah lawatan Ketua Menteri Melaka, YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam ke Memorial Tun Abdul Ghafar Baba, delegasi dari Hong Kong, Thailand, China, lawatan oleh *Malaysian Cultural Group* dan lain-lain lagi. Selain melawat pameran di institusi memorial, galeria dan pustaka, pelawat akan diberikan ceramah atau taklimat ringkas berkaitan Arkib Negara Malaysia bagi meningkatkan lagi pemahaman mereka terhadap peranan dan fungsi jabatan ini.

PROJEK PEMBANGUNAN

Projek Memorial Negarawan

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Mac 2012 telah memutuskan supaya Memorial Negarawan yang sebelum ini dicadang dibina di bekas Bangunan Majlis Undangan Persekutuan yang terletak di Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur dipindahkan ke Blok Utama, bangunan bekas Kompleks Jabatan Perdana Menteri di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur. Memorial ini bakal menempatkan koleksi memorabilia milik tujuh tokoh negarawan, iaitu Tun Dr. Ismail, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Temenggong Jugah anak Barieng, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Fuad Stephens dan Tun Dr. Lim Chong Eu.

Penubuhan memorial ini merangkumi tokoh-tokoh utama yang terlibat dalam kemerdekaan negara dan pembentukan Malaysia. Kerja-kerja ubah suai dan pembaikan di dalam bangunan tersebut telah pun bermula dan memorial ini dijangka siap pada pertengahan tahun 2014. Sementara itu, kerja-kerja melakukan penyelidikan bagi memantapkan lagi pengisian pameran juga sedang giat dilakukan termasuklah mempergiatkan lagi aktiviti perolehan bahan, mengadakan sesi sejarah lisan serta aktiviti pengkisan sejarah bagi mendapatkan lebih banyak lagi maklumat mengenai kesemua tokoh negarawan tersebut. Usaha-usaha tersebut diharap dapat melengkapi jurang maklumat yang wujud sebelum ini, selain membantu mempamerkan lagi maklumat berkaitan tokoh negarawan.

Galeri Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi

Galeri Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi yang terletak di Menara Prisma, Presint 3, Putrajaya merupakan salah satu projek yang dilaksanakan oleh Bahagian Arkib Negarawan bersama dengan Jabatan Perdana Menteri. Perasmian Galeri

delegations and others. Among them was the visit to the Tun Abdul Ghafar Baba Memorial by the Malacca Chief Minister, YAB Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, delegates from Hong Kong, Thailand, China, a visit by the Malaysian Cultural Group and others. In addition to visiting the exhibitions at the memorial institutions, galeria and libraries, visitors were given lectures or short briefings related to the National Archives of Malaysia to further elevate their understanding of the roles and functions of this department.

DEVELOPMENT PROJECTS

Statesmen Memorial Project

The Cabinet meeting on March 7th, 2012 has decided that the Statesmen Memorial which was previously proposed to be built at the former Federal Legislative Council Building located at Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur be transferred to the Main Block, of the former Prime Minister's Department Complex in Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur. This memorial will house collections of memorabilia belonging to seven statesman figures, namely Tun Dr. Ismail, Tun Tan Cheng Lock, Tun V.T. Sambanthan, Tun Temenggong Jugah anak Barieng, Tun Datu Mustapha Datu Harun, Tun Fuad Stephens and Tun Dr. Lim Chong Eu.

The establishment of this memorial included key figures involved in the nation's independence and the formation of Malaysia. Refurbishment work and repairs on the building has already started and the memorial is due for completion in mid 2014. Meanwhile, the research work done to enhance the contents of exhibitions are also actively performed, including intensifying the activities of procurement of materials, conducting oral history and historical narrative activities to obtain more information about all the statesman figures. These efforts are expected to complement the information gaps that existed before, as well as helping to enrich information related to the statesman figures.

Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi Gallery

The Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi Gallery situated at Menara Prisma, Precint 3, Putrajaya is one of the projects implemented by the Statesmen Archives Division in collaboration with the Prime Minister's Department.

ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa pada 17 Oktober 2012. Majlis perasmian turut dihadiri oleh YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi serta isteri, YABhg. Tun Jeanne Abdullah, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, YBhg. Puan Hajah Daresah Haji Ismail, serta beberapa orang pegawai kanan Arkib Negara Malaysia.

The official opening of the Gallery was graced by the Chief Secretary to the Government, YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa on October 17th, 2012. The official opening ceremony was also attended by YABhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi and his wife, YABhg. Tun Jeanne Abdullah, top government officers and the Director General of the National Archives of Malaysia, YBhg. Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail, as well as several top management officers from the National Archives of Malaysia.



YBhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi serta isteri, YBhg. Tun Jeanne Abdullah melawat pameran diiringi Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa dan Ketua Pengarah Arkib Negara, Puan Hajah Daresah Haji Ismail sempena Majlis Perasmian Galeri Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi pada 17 Oktober 2012.

YBhg. Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi and wife, YBhg. Tun Jeanne Abdullah visiting the exhibitions accompanied by the Chief Secretary to the Government, YBhg. Dato' Sri Dr. Ali Hamsa and Director General National Archives of Malaysia, Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail in conjunction with the Official Opening of the Gallery of Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi on October 17th, 2012.

Galeri ini diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri dan ditubuhkan bagi memperingati serta mengimbas kembali jasa dan sumbangan Tun Abdullah Ahmad Badawi sepanjang beliau berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia. Antara aspek yang ditonjolkan melalui pameran di galeri ini ialah dari segi kepimpinan, wawasan dan kepimpinan Tun Abdullah terhadap sistem dan dasar pembangunan negara, serta pahit manis yang telah beliau harungi sepanjang perkhidmatan untuk negara. Koleksi memorabilia Tun Abdullah turut dipamerkan di galeri ini untuk tatapan orang ramai.

This Gallery is managed by the Prime Minister's Department and was established to reminisce as well as to recollect the deeds and contributions of Tun Abdullah Ahmad Badawi throughout his service with the Government of Malaysia. Among the aspects highlighted in the exhibitions at the gallery are from the points of leadership, vision and leadership of Tun Abdullah towards the system and policies of the nation's development, as well as his bittersweet moments of service for the nation. The memorabilia collection of Tun Abdullah are also put on display at the gallery for public viewing.

Projek Naik Taraf Bangunan Sri Taman

Pada tahun 2012, Kabinet menyarankan supaya Memorial Tun Abdul Razak dikembalikan kepada konsep asalnya sebagai rumah kediaman rasmi semasa ia didiami oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Projek naik taraf ini dimulakan pada 9 Julai 2012 dengan kos sebanyak RM 3.4 juta. Permodalan Nasional Berhad telah menyumbangkan sebanyak RM 1.5 juta kepada Arkib Negara bagi tujuan naik taraf Bangunan Sri Taman. Memorial Tun Abdul Razak sebelum ini pernah dinaiktarafkan dengan melaksanakan kerja-kerja mengubahsuai dalaman Bangunan Sri Taman dan naik taraf pameran serta pengambilalihan kuarters kerajaan di kawasan berhampiran (bekas kediaman rasmi Tun Hanif Omar, Ketua Polis Negara). Projek naik taraf ini kini telah siap sepenuhnya dan dijangka dibuka kepada pelawat setelah kerja-kerja pengemaskinian terakhir selesai.

Memorial ini merupakan salah satu dari lokasi tumpuan pelancong dalam dan luar negara dan diletakkan sebagai tempat lawatan pelancong di bawah NKEA Kuala Lumpur/Klang Valley EPP: Iconic Places.

Upgrading Project of Sri Taman Building

In 2012, the Cabinet suggested that the Tun Abdul Razak Memorial be restored to its original concept as the official residence as when it was occupied by the late Tun Abdul Razak.

This upgrading project was started on July 9th, 2012 with a cost totaling RM 3.4 million. Permodalan Nasional Berhad has contributed a total of RM 1.5 million to the National Archives for the purpose of upgrading of Sri Taman Building. The Tun Abdul Razak Memorial has had upgrading once before where works on the interior decoration refurbishment of Sri Taman was implemented and also the upgrading of exhibits as well as reclaiming government quarters in the surrounding areas (former official residence of Tun Hanif Omar, the Inspector General of Police). The upgrading project is now fully completed and expected to be opened to visitors as soon as the final refurbishments are done.

This Memorial was one of the chosen location by local and foreign tourists and published as the place for tourists to visit under the NKEA Kuala Lumpur/Klang Valley EPP: Iconic Places.

Cawangan-Cawangan Negeri

State Branches



CAWANGAN-CAWANGAN Negeri

State Branches

PROFIL

Arkib Negara Malaysia mempunyai sembilan cawangan seperti berikut:

1. Cawangan Kedah/Perlis
2. Cawangan Pulau Pinang
3. Cawangan Perak
4. Cawangan Kelantan
5. Cawangan Terengganu
6. Cawangan Pahang
7. Cawangan Johor/Melaka/Negeri Sembilan
8. Cawangan Sarawak
9. Cawangan Sabah

Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri bertanggungjawab menjalankan tugas yang sama seperti yang dijalankan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Bezanya ialah program/aktiviti yang dilaksanakan oleh Cawangan Negeri adalah dalam skala yang lebih kecil selari dengan peruntukan yang ada dan tenaga kerja yang kecil berbanding dengan Ibu Pejabat.

Secara umumnya, kerja-kerja utama Cawangan Negeri adalah berkaitan dengan pengurusan rekod dan arkib selaras dengan kehendak Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Kerja-kerja ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti mengadakan lawatan ke agensi-agensi kerajaan untuk memberi khidmat nasihat pengurusan rekod/arkib, membuat penilaian rekod, memproses rekod, pemeliharaan rekod/arkib melalui proses pengawetan dan penjilidan serta membantu orang ramai dalam membuat rujukan ke atas bahan dalam simpanan.

Dalam pada itu, Cawangan Negeri juga turut aktif dalam melaksanakan aktiviti pengembangan sebagai tambahan kepada kerja-kerja utamanya. Aktiviti ini termasuk pameran, Pengkisahan Sejarah, Bicara Sejarah, wawancara dengan tokoh-tokoh untuk mendapatkan maklumat penting di bawah program Sejarah Lisan dan projek membuat rakaman gambar bagi peristiwa penting/bersejarah serta tempat dan bangunan bersejarah. Program/aktiviti ini kebanyakannya dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi-agensi lain.

Cawangan Negeri sering menerima undangan daripada agensi-agensi kerajaan lain untuk bekerjasama menjayakan program pengembangan dan pendokumentasian dari semasa ke semasa. Melalui kerjasama seperti ini, Cawangan Negeri dapat memantapkan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi lain bagi memudahkan pegawai-pegawai di Cawangan Negeri melaksanakan tugas mereka.

PROFILE

The National Archives of Malaysia has 9 branches as follows:

1. Kedah/Perlis Branch
2. Penang Branch
3. Perak Branch
4. Kelantan Branch
5. Terengganu Branch
6. Pahang Branch
7. Johor/Melaka/Negeri Sembilan Branch
8. Sarawak Branch
9. Sabah Branch

The State Branches of the National Archives of Malaysia are responsible for carrying out the same tasks as those conducted at the Headquarters in Kuala Lumpur. The difference is that programmes/activities implemented by State Branches are in a correspondingly smaller scale to available allocation and small workforce compared to headquarters.

Generally, the major work at State Branches are related to records management and archiving in accordance with the requirements of the National Archives Acts 2003 (Act 629). These include activities such as visits to government agencies to provide advisory services on records management/archiving, evaluating records, processing records, preserving records/archives through the process of curing and binding as well as assisting the public in making references to materials in their storage.

At the same time, the State Branches are also active in implementing expansion activities as an addition to their major work. These activities include exhibitions, Historical Narration, Historical Discourse, interviews with prominent figures to obtain important information under the Oral History programme and photograph recording projects of important/historic events as well as historic places and buildings. The programme/activities are mostly implemented with the cooperation of other agencies.

The State Branches often received invitations from other government agencies from time to time for cooperations in ensuring success in their advocacy and documentation programmes. Through such cooperations, the State Branches can enhance their network of collaborations with other agencies that will be able to facilitate officers at the State Branches to discharge their duties.

PENCAPAIAN AKTIVITI TAHUNAN

Sepanjang tahun 2012, Cawangan Negeri telah dapat melaksanakan pelbagai program dan aktiviti dengan jayanya.

Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod

Sebanyak 121 sesi taklimat pengurusan rekod dan 236 lawatan pengurusan rekod telah diberikan kepada agensi-agensi kerajaan dan pejabat-pejabat cawangan negeri. Taklimat Pengurusan Rekod adalah bertujuan untuk memberi nasihat kepakaran ke arah meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang kepentingan dan cara-cara pengurusan rekod secara betul dan sistematik dalam kalangan agensi-agensi kerajaan.

ANNUAL ACTIVITIES ACHIEVEMENTS

During the year 2012, the State Branches had been able to implement various programmes and activities successfully.

Advisory Services on Records Management

A total of 121 records management briefing sessions and 236 record management visits were given to government agencies and offices of the state branches. The Records Management briefing were intended to provide expert advice towards increasing the awareness and understanding of the importance and methods of proper and systematic records management within government agencies.



Kakitangan Arkib Negara Malaysia Cawangan Perak menunjukkan cara penyimpanan bahan di gedung kepada pelajar UiTM Machang, Kelantan pada 11 Januari 2012.

Staff of the National Archives of Malaysia Perak Branch showing the method of preservation of materials in the store to UiTM students Machang, Kelantan on January 11th, 2012.

Pengumpulan dan Pemeliharaan Warisan

Bagi tahun 2012, Cawangan-cawangan negeri telah berjaya memproses/membersih sebanyak 429.035 meter panjang fail (rekod). Jumlah rekod yang diterima oleh cawangan-cawangan negeri sepanjang 2012 ialah 1297.848 meter panjang manakala sebanyak 1410 helai bahan telah berjaya dibuat jilidan biasa, 511 naskhah dibuat jilidan pemeliharaan dan 19653 helai bahan telah dibuat pengawetan.

Collection and Preservation of Heritage

In the year 2012, State Branches had been successful in processing/cleaning a total of 429.035 metre length file (record). The total records received by the state branches throughout 2012 was 1,297.848 metre length where as the a total of 1,410 sheets of materials had been successfully made into normal binding, 511 volumes were made preservation binding and 19,653 sheets of materials were cured.



Sebahagian peserta Kursus Pemuliharaan Rekod anjuran bersama Pusat Kegiatan Guru Kota Kinabalu dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Sabah pada 5 hingga 7 November 2012.

A section of the Records Conservation Course participants jointly organised by Kota Kinabalu Teachers' Activity Centre and the National Archives of Malaysia Sabah Branch on November 5th to 7th, 2012.

Memasyarakatkan Bahan Warisan

Kemudahan penyelidikan turut disediakan di cawangan negeri. Kemudahan ini bagi memastikan bahan warisan yang dikumpul dan dipelihara dapat digunakan oleh para penyelidik yang jauh dari Ibu Pejabat Arkib Negara Malaysia. Usaha menggalakkan penyelidik datang ke Arkib Negara Malaysia dan menggunakan bahan yang ada turut diperhebatkan. Bagi tahun 2012 seramai 3056 orang penyelidik didaftarkan membuat penyelidikan di 9 cawangan negeri yang ada. Sebanyak 18809 helai bahan telah dibuat salinan atas permintaan penyelidik. Ini menunjukkan peningkatan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan bahan-bahan arkib. Selain itu, sebanyak 5861 orang telah membuat lawatan ke semua cawangan negeri.

Pameran juga merupakan salah satu usaha Arkib Negara memasyarakatkan bahan warisan yang ada dalam koleksinya. Usaha ini turut dilaksanakan oleh cawangan-cawangan negeri dari semasa ke semasa. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 115 pameran bertemakan sejarah telah berjaya di adakan oleh cawangan-cawangan negeri dengan kerjasama jabatan/agensi lain.

Program pendokumentasian sejarah seperti Pengkisahan Sejarah, Bicara Sejarah dan Sejarah Lisan turut dianjurkan oleh cawangan-cawangan negeri. Sebanyak 12 sesi program pendokumentasian sejarah telah diadakan pada tahun 2012.

Communalising Heritage Materials

Research facilities were provided at the state branches. These facilities were ways of ensuring that the heritage materials collected and preserved can be utilised by researchers who were far away from the National Archives of Malaysia. The efforts to encourage researchers to come to the National Archives of Malaysia and utilise the available materials were intensified. For the year 2012 a total of 3,056 researchers were registered to carry out research at 9 existing state branches. A total of 18,809 sheet of materials were made copies requested by the researchers. This showed increased awareness among the public on the importance of archival materials. In addition, a total of 5,861 have made visits to all state branches.

Exhibition is also one of the efforts of the National Archives to communalise heritage materials in its collection. This effort was also implemented by state branches from time to time. Throughout 2012, a total of 115 exhibitions with historical themes have been successfully conducted by the state branches with cooperation of other departments/agencies.

Historical documentation programme such as Historical Narration, Historical Discourse and Oral History were also organized by the state branches. A total of 12 sessions on historical documentation programmes have been conducted in the year 2012.

Pertubuhan Ikhtisas Antarabangsa

*International Professional
Organisation*



PERTUBUHAN IKHTISAS ANTARABANGSA

International Professional Organisation

Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA)

South East Asia-Pacific Audio Visual Archive Association atau lebih dikenali sebagai SEAPAVAA telah menganjurkan *16th SEAPAVAA Conference and General Assembly* pada 14 hingga 21 April 2012 yang lalu. Persidangan tahunan kali ini dianjurkan oleh *Vietnam Film Institute (VFI)* bersama-sama SEAPAVAA di Ho Chi Minh City. Dua orang Pegawai Arkib telah menghadiri persidangan yang dianjurkan iaitu Puan Nor Kamisah Yusof yang hadir sebagai Ahli Eksekutif SEAPAVAA dan Encik Afham Jauhari Aldi yang hadir sebagai salah seorang pembentang kertas kerja.

Persidangan kali ini membawakan tema *Creating, Funding and Protecting Digital AV Archives* yang khusus membincangkan tujuan mewujudkan sebuah arkib AudioVisual (AV) dalam bentuk digital bagi mendepani keperluan semasa. Melalui seminar dan sesi perbincangan yang diadakan juga telah memberikan banyak faedah dan pengetahuan kepada peserta seminar yang rata-ratanya masih baru dalam penubuhan sebuah arkib AV dalam bentuk digital. Diantara pembentang kertas kerja adalah daripada wakil-wakil institusi arkib Negara-negara Asia Tenggara yang berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi di institusi masing-masing serta perunding yang dijemput

Southeast Asia-Pacific Audio Visual Archives Association (SEAPAVAA)

The South East Asia-Pacific Audio Visual Archive Association or better known as SEAPAVAA had organised the 16th SEAPAVAA Conference and General Assembly on April 14th to 21st, 2012. This annual conference was organised by Vietnam Film Institute (VFI) jointly with SEAPAVAA at Ho Chi Minh City. Two archivists attended this conference, Puan Nor Kamisah Yusof participated as the Executive Member of SEAPAVAA and Encik Afham Jauhari Aldi participated as one of the paper presenters.

The conference held had the theme Creating, Funding and Protecting Digital AV Archives which was specifically discussing the aim of establishing an AudioVisual (AV) archives in digital form to be the forerunner of current needs. Through seminar and discussion sessions held had given tremendous benefits and knowledge to seminar participants who were mostly still new in the establishment of AV archives in digital form. Among the paper presenters were representatives of archival institutions of South East Asian Nations who shared knowledge and the challenges at their institutions as well as invited consultants such as Mr. Ricard Wright (Former Senior Researcher, British Broadcasting Corporation (BBC))/Current



Pegawai Arkib, Encik Afham Jauhari Aldi menyertai pembentang kertas kerja yang lain dalam sesi perbincangan bersama peserta seminar di 16th SEAPAVAA Conference and General Assembly.

Archives Officer, Mr. Afham Jauhari Aldi joined other paper presenter in a discussion session with seminar participants at 16th SEAPAVAA Conference and General Assembly.

seperti Mr. Ricard Wright (*Former Senior Researcher, British Broadcasting Corporation (BBC)/Current Independent Consultant on AV Preservation and Access*).

Pada persidangan tersebut juga, Encik Afham Jauhari Aldi telah membentangkan kertas kerja bertajuk *Going Digital AV Archives: National Archives of Malaysia Challenges and the Road Ahead* yang membincangkan cabaran yang dihadapi oleh Arkib Negara Malaysia dalam menubuhkan sebuah arkib digital untuk koleksi bahan AV dan peranan Projek My Creative Content (MyCC) merealisasikan wujudnya koleksi bahan AV digital di ANM.

Pengisian seminar kali ini di Ho Chi Minh City sangat bermakna kerana peserta juga dibawa melawat ke Vietnam Film Institute (VFI) dan melihat sendiri pemuliharaan dan pemeliharaan filem yang dijalankan. Praktis yang ditunjukkan sangat bermanfaat dan berguna kerana tidak pernah diamalkan lagi di ANM tetapi ternyata berkesan dan boleh digunapakai bagi tujuan pemeliharaan filem dimasa akan datang. Peserta juga dibawa melawat ke tempat bersejarah seperti Cu Chi Tunnel iaitu lokasi persembunyian dan operasi Tentera Vietkong menentang pencerobohan Tentera Amerika sewaktu perang Vietnam.

SEAPAVAA yang menganjurkan persidangan tahunan sebegini memberikan ruang yang terbuka luas kepada Pegawai Arkib untuk mendapatkan ilmu dan pengetahuan selain menjadi platform mengangkat nama Arkib Negara Malaysia sebagai sebuah Institusi Arkib dan Penyelidikan yang unggul melalui perkongsian ilmiah para pegawainya di masa akan datang di dalam seminar yang diadakan.

Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA)

Persidangan Agung ke-18 dan Mesyuarat Lembaga Eksekutif ke-19 bagi Majlis Arkib Antarabangsa Cawangan Asia Tenggara (SARBICA) telah diadakan pada 24 Jun 2012 di Hotel Amari Watergate, Bangkok, Thailand. Persidangan dan mesyuarat kali ini telah dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah Arkib Negara Thailand, Naiyana Yamsaka selaku Pengerusi SARBICA dan dihadiri oleh semua 10 negara anggota SARBICA. Arkib Negara Malaysia diwakili oleh Ketua Pengarah, Puan Hajah Daresah Haji Ismail selaku Timbalan Pengerusi SARBICA, Puan Gowri PS Thangaya selaku Setiausaha Kehormat, Puan Hajah Sulasteri Abdul Hamid selaku Bendahari, Puan Normazlinalaila Bahari selaku pemerhati dan pembentang

Independent Consultant on AV Preservation and Access).

During the conference, Mr. Afham Jauhari Aldi presented a working paper entitled Going Digital AV Archives: National Archives of Malaysia Challenges and the Road Ahead which discussed the challenges faced by the National Archives of Malaysia in establishing a digital archives for AV materials collection and the role of My Creative Content (MyCC) Project in the realisation of establishing digital AV materials collection at NAM.

The contents of the seminar at Ho Chi Minh City was very meaningful as participants were also brought to visit the Vietnam Film Institute (VFI) and saw for themselves the conservation and preservation of films being done. The practise shown was beneficial and useful as it was not practised anymore at NAM but it was clearly effective and can be used for the purpose of future film preservation. Participants were also brought to visit historical places such as the Cu Chi Tunnel which was the hideout and the Vietcong armies operations location fighting against the American Armies invasion during the Vietnam war.

SEAPAVAA which organised such conference annually has provided vast open spaces to Archivists from Malaysia to acquire knowledge apart from being the platform in raising the name of the National Archives of Malaysia as the premier Archives and Research Institution through knowledge sharing of its officers in future seminars.

Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA)

The 18th Annual Conference and the 19th Executive Council Meeting for Southeast Asia Regional Branch of the International Council on Archives (SARBICA) was held on June 24th, 2012 at the Amari Watergate Hotel, Bangkok, Thailand. The conference and meeting for this time was chaired by the Acting Director of the National Archives of Thailand, Naiyana Yamsaka as the Chairman of SARBICA and attended by all 10 member nations of SARBICA. The National Archives of Malaysia was represented by the Director General, Mrs. Hajah Daresah Haji Ismail as the Deputy Chairman of SARBICA, Mrs. Gowri PS Thangaya as the Honorary Secretary, Mrs. Hajah Sulasteri Abdul Hamid

kertas kerja serta Puan Frances Muna Empari juga selaku pemerhati dan peserta seminar.

Pelbagai isu dan perkara berbangkit yang berkaitan dengan program telah dibincangkan antaranya isu keahlian baru, yuran keahlian dan kedudukan Sekretariat Tetap SARBICA di Arkib Negara Malaysia sejak tahun 1968. Majoriti ahli Lembaga Eksekutif SARBICA bersetuju supaya Sekretariat SARBICA terus dikekalkan di Arkib Negara Malaysia. Selain itu, mesyuarat telah mengadakan pemilihan baru untuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SARBICA bagi tempoh 2012 hingga 2014. Mesyuarat telah memutuskan Pengerusi baru SARBICA ialah Vietnam manakala Brunei sebagai Timbalan Pengerusi.

as the Treasurer, Mrs. Normazlinalaila Bahari as an observer and paper presenter as well as Mrs. Frances Muna Empari also as an observer and seminar participant.

Various issues and matters arising related to programmes were discussed such as new member issue, membership fees and the position of the Permanent Secretariat of SARBICA at the National Archives of Malaysia since 1968. The majority of the Executive Council Members of SARBICA had agreed to the SARBICA Secretariat be maintained at the National Archives of Malaysia. In addition, the meeting has conducted new elections for the Chairman and Deputy Chairman of SARBICA for the term 2012 to 2014. The meeting had decided that Vietnam to be the new Chairman of SARBICA and Brunei as Deputy Chairman.



Ahli Lembaga Eksekutif SARBICA bergambar kenangan bersama Menteri Kebudayaan Thailand, Cik Sukumol Kunplome selepas majlis perasmian Seminar 'Electronic Records: Prepare for Change and Prevent Loss' pada 25 Jun 2012 di Hotel Amari Watergate, Bangkok.

Executive Council Members of SARBICA with Minister of Culture, Thailand, Ms. Sukumol Kumplome after the Opening Ceremony of the 'Electronic Records: Prepare for Change and Prevent Loss' on 25th June 2012 at Amari Watergate Hotel, Bangkok

Arkib Negara Thailand yang bertindak selaku tuan rumah pada mesyuarat pada kali ini turut mengadakan satu seminar yang bertemakan Electronic Records: Prepare for Change and Prevent Loss pada 25 hingga 26 Jun 2012. Seminar selama dua hari ini dihadiri oleh seramai 211 orang peserta yang terdiri daripada 77 orang peserta dari luar negeri dan 134 orang peserta tempatan. Ia disertai oleh 19 orang peserta dari Malaysia, termasuklah delegasi dari Arkib Negara Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan ahli individu SARBICA.

The National Archives of Thailand which acted as host for the meeting also held a seminar with the theme Electronic Records: Prepare for Change and Prevent Loss on June 25th and 26th, 2012. The two day seminar was attended by a total of 211 participants made up of 77 foreign participants and 134 local participants. The meeting was attended by 19 participants from Malaysia, including the delegation from the National Archives of Malaysia, MARA University of Technology and individual members of SARBICA.

Seramai enam orang pembentang kertas kerja telah dijemput bagi menjayakan seminar pada kali ini. Salah seorang pembentang kertas kerja yang terlibat ialah Dr. Pauline Joseph dari Curtin University, Australia telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk *Prepare for Change and Prevent Loss* yang antara lain membincangkan tentang risiko yang perlu diambilkira dalam mengendalikan rekod elektronik. Beliau juga turut menyentuh tentang pendekatan yang boleh diambil bagi memastikan maklumat yang terkandung dalam rekod elektronik kekal terpelihara keasliannya sebagaimana yang asal. Sementara itu, James Lowry dari *International Records Management Trust* (IRMT) telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk *Record-keeping System in Government Agencies* yang menekankan tentang aspek-aspek yang perlu diambilkira dalam memastikan pengurusan rekod elektronik dapat dilaksanakan dengan sistematik bagi memelihara ketepatan, kesahihan dan integriti sesuatu rekod. John McDonald dari Toronto University, Kanada pula memberi fokus kepada kepentingan suatu piawaian antarabangsa dalam menguruskan rekod elektronik. Seorang lagi pembentang kertas kerja, iaitu Anthea Seles juga dari IRMT telah berkongsi tentang kaedah terbaik yang perlu digunakan bagi memastikan rekod elektronik kekal terpelihara untuk jangka masa yang panjang.

Dua pembentang daripada negara anggota SARBICA, iaitu Malaysia dan Singapura turut berkongsi pengalaman masing-masing dalam mengendalikan projek berkaitan rekod elektronik. Puan Normazlinalaila Bahari dari Arkib Negara Malaysia telah berkongsi mengenai peranan yang dimainkan oleh Arkib Negara Malaysia dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Rekod Elektronik (ERMS) di Sektor Awam. Beliau juga turut berkongsi maklumat tentang cabaran yang dihadapi oleh Arkib Negara Malaysia dalam usaha untuk melaksanakan ERMS mengikut piawaian dan jangka masa yang ditetapkan. Sementara itu, Dr. Eric Tan Huck Gim pula telah berkongsi pengalaman Arkib Negara Singapura menerusi pembentangan kertas kerja yang bertajuk *Using Digital Technology in The Management of Non-Textual Archives*.

Seminar ini secara keseluruhannya telah mewujudkan satu platform dan peluang yang amat baik kepada semua pembentang kertas kerja dan para peserta untuk berkongsi dan bertukar pandangan serta maklumat tentang pelbagai isu terkini dan permasalahan berkaitan pengurusan rekod elektronik, termasuklah dari segi pelaksanaan, piawaian, kawalan dan cabaran yang dihadapi. Delegasi SARBICA juga

*A total of six paper presenters were invited in order to make this seminar a success. One of the paper presenters involved was Dr. Pauline Joseph from Curtin University, Australia who presented a working paper entitled *Prepare for Change and Prevent Loss* which among others were discussing on the risks which has to be considered when handling electronic records. She also touched on the approach which can be taken in ensuring the information stored in the electronic records be permanently preserved in their originality as that of the originals. In addition, James Lowry from International Records Management Trust (IRMT) presented a working paper entitled *Record-keeping System in Government Agencies* which stressed on the aspects which had to be considered in ensuring the electronic records management can be implemented systematically in order to preserve the accuracy, authenticity and integrity of the records. John McDonald from Toronto University, Canada provided focus to the importance of certain international standard in managing electronic records. One other paper presenter, Anthea Seles also from IRMT had shared on the best method which can to be utilised in ensuring electronic records be permanently preserved for a long duration of time.*

*Two presenters from SARBICA member nations, Malaysia and Singapore also shared their experiences in conducting the projects related to electronic records. Mrs. Normazlinalaila Bahari from the National Archives of Malaysia has shared on the roles played by the National Archives of Malaysia in implementing the Electronic Records Management System (ERMS) in the Public Sector. She also shared information on the challenges faced by the National Archives of Malaysia on their effort in implementing ERMS according to standards and within the stipulated duration. In addition, Dr. Eric Tan Huck Gim shared experiences at the National Archives of Singapore through the paper presentation entitled *Using Digital Technology in The Management of Non-Textual Archives*.*

